

DR.30.10.2000

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 30 Oktober 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Richard Riot anak Jaem [Serian]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan bilangan usahawan niaga kecil yang telah menerima pinjaman Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) sehingga kini. Berapa bilangan penerima, jumlah amaun yang dipinjamkan, pecahan mengikut negeri, bagi negeri Sarawak dan nyatakan pecahan mengikut daerah.

**Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 10 Oktober 2000 seramai 15,865 usahawan kecil dari 77 kawasan di seluruh negara telah menerima pinjaman di bawah Skim Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) bernilai RM45,584,500. Daripada jumlah tersebut sebanyak 505 pinjaman bernilai RM1,280,500 telah dilulus dan dikeluarkan kepada usahawan kecil di negeri Sarawak. Bilangan peserta dan jumlah pinjaman mengikut negeri sehingga kini adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Peserta</b>	<b>Pinjamanm(RM)</b>
Sarawak	505	1,280,500
Sabah	2,052	5,247,500
Johor	414	2,803,000
Melaka	666	2,179,000
Negeri Sembilan	356	1,060,500
Selangor	473	1,540,000
Pahang	2,129	6,384,500
Terengganu	1,919	5,758,000
Kelantan	2,230	6,483,000
Perak	822	2,345,000
Pulau Pinang	552	1,758,500
Kedah	2,953	7,532,000

Perlis	<u>394</u>	<u>1,223,000</u>
	<u>15,865</u>	<u>45,584,500</u>

Seterusnya, seperti yang dipohon pecahan pinjaman mengikut daerah bagi negeri Sarawak adalah seperti berikut:

<b>Daerah</b>	<b>Peserta</b>	<b>Pinjaman (RM)</b>
Kuching	144	428,000
Samarahan	94	288,500
Miri	159	380,500
Bintulu	104	183,500

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri telah menjawab jumlah yang besar itu dikeluarkan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu bilakah jumlah pinjaman itu dikeluarkan dan memberitahu peratusan bayaran balik mustahaknya?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pertama yang telah dikeluarkan ialah pada pertengahan tahun 1999, dan sehingga pada hari ini saya telah diberi maklum bahawa bayaran balik adalah memuaskan. Cuma yang lambat bayar ialah dalam kadar 3% sahaja.

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bagi satu kawasan Parlimen ada tiga pegawai yang akan menguruskan pinjaman ini. Jadi, ada di kawasan-kawasan Parlimen tertentu yang penduduknya dan peminjamnya ramai dan ada kawasan-kawasan Parlimen umpamanya macam kawasan Parlimen saya kawasannya luas daripada satu tempat ke satu tempat katakanlah daripada Lipis ke Cameron Highlands sahaja perjalanannya sampai tujuh jam. Oleh itu, saya memandangkan bahawa tiga orang pegawai untuk menyelesaikan beberapa banyak pinjaman ini tidak mencukupi. Soalan saya bolehkah kerajaan mempertimbangkan dalam kes-kes tertentu supaya pegawai yang menguruskan pinjaman TEKUM di peringkat Parlimen ini ditambah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jawapannya boleh.

2. **Tuan Thong Fah Chong [Ipoh Timur]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian dalam menyelesaikan masalah kawasan pelupusan sampah tanpa lesen di seluruh negara; dan
- (b) bilakah sebuah kawasan pelupusan sampah yang baru bagi Ipoh akan diluluskan memandangkan tempoh hayat tapak yang sedia ada telah lama tamat.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan;

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menyelesaikan masalah pelupusan sampah tanpa lesen atau secara tidak sah di seluruh negara, pihak berkuasa tempatan telah diminta untuk meningkatkan penguatkuasaan terutamanya di kawasan-kawasan yang dikenal pasti menjadi tumpuan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk membuang sampah secara tidak sah. Di samping itu, kementerian juga telah mengedarkan surat pekeliling kepada pihak berkuasa tempatan pada bulan Mac tahun ini untuk melantik pegawai khas atau *area officer*, dengan izin, bagi memantau dan melaporkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan antara lainnya adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan aspek kebersihan kawasan, keadaan infrastruktur serta kemudahan awam dan aktiviti-aktiviti yang melanggar undang-undang termasuklah pembuangan sampah secara tidak sah. Pegawai khas ini terdiri dari semua peringkat pegawai dan kakitangan di pihak berkuasa tempatan yang difikirkan sesuai untuk menjalankan tugas di sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan yang telah ditetapkan. Kementerian juga telah mencadangkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menambahkan kakitangan Inspektor Kesihatan yang pada masa ini amat kurang di pihak berkuasa tempatan bagi membolehkan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan dengan berkesan.

- (b) Tapak pelupusan disediakan di Ipoh yang terletak di Batu 8, Jalan Bercham, Tanjong Rambutan dengan keluasan 114 ekar masih lagi beroperasi. Ia mempunyai anggaran jangka hayat di antara empat hingga lima tahun lagi sekiranya diurus dengan baik. Pada masa sekarang tapak ini menerima sisa pepejal sebanyak 450 sehingga 500 tan sehari. Pihak Majlis Bandaraya Ipoh menaik taraf (up-grade) tapak tersebut dengan kemudahan kawalan pencemaran seperti memasang paip licin, paip pengudaraan dan kolam rawatan licin pada tahun hadapan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Bandaraya Ipoh telah mengenal pasti kawasan baru yang sesuai untuk dijadikan tapak pelupusan apabila tapak pelupusan sedia ada ditutup dan akan dikemukakan kepada kerajaan negeri untuk kelulusan.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya menengok masalah pembuangan sampah sekarang amat serius dan boleh mendatangkan masalah alam sekitar seperti bau yang amat busuk terutama pembuangan sampah yang dibuat berhampiran dengan kawasan perumahan termasuk di kawasan saya. Adakah tidak cara yang lain yang kerajaan memikirkan boleh membuat satu pembakaran atau menggunakan mesin moden, teknologi yang baru, dihancurkan sampah-sampah tersebut, dan saya difahamkan bahan ini kalau dihancurkan ia boleh dibuat kertas. Jadi, adakah tidak kerajaan memikirkan cara baru yang lebih moden. Sekarang ini teruk pembuangan sampah, ia amat busuk dan berhampiran dengan tempat tinggal penduduk.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tebrau, buat masa sekarang kita memang sedar tentang ada juga tapak yang sekarang sudah dekat dengan kawasan perumahan walaupun semasa tapak itu diwujudkan iaitu sudah beberapa tahun yang lalu kawasan itu memang jauh daripada kawasan perumahan. Oleh sebab itu, maka tapak-tapak yang dirasakan sekarang terlalu dekat dengan kawasan perumahan, tapak berkenaan akan ditutup dan tapak baru sebagai tapak *sanitary* itu akan dibina oleh pihak berkuasa tempatan. Tapak *sanitary* ini memang menjadi satu tapak yang diurus dengan baik dan tidak ada bau busuk - bukan

tidak ada tetapi kurang bau busuk dan juga di mana kita akan juga cuba menjalankan usaha-usaha kita semula memastikan kawasan itu diurus dengan baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu cara juga kerajaan sedang membuat pertimbangan dan akan dilaksanakan di masa akan datang iaitu menggunakan cara *incinerator* dan *incinerator* ini memang tidak ada unsur-unsur kekotoran dan sebagainya tidak berlaku sebab kegunaan *incinerator* ini memang bahan-bahan yang boleh dibakar terus dibakar dan dengan cara yang bersih dan sebagainya.

**Tuan Thong Fah Chong:** Tuan Yang di-Pertua, dalam fahaman saya dari Majlis Bandaraya Ipoh masalah ini jikalau tidak diselesaikan dengan se gera kegiatan pelupusan sampah di Ipoh tidak boleh dikendalikan. Dengan itu, masalah kebersihan dan kesihatan akan meningkat. Soalan tambahan saya, bilakah peruntukan akan diberi dari kementerian sebagai rancangan prioriti untuk tapak pelupusan sampah baru di Ipoh. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Yang Berhormat, sebaik sahaja pihak kerajaan negeri mengenal pasti tapak yang kita minta itu boleh digunakan peruntukan akan disediakan. Kita jangka dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini satu tapak baru akan diwujudkan di Majlis Bandaraya Ipoh.

3. **Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah strategi untuk mengatasi masalah kes-kes di Mahkamah Perusahaan ditunda serta jumlah kes yang masih belum dibicarakan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini telah mengambil berbagai-bagai langkah dan strategi untuk mengatasi masalah kes tertunggak di Mahkamah Perusahaan. Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah seperti berikut; iaitu menambahkan bilangan jawatan pengerusi, iaitu enam jawatan pengerusi baru telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, maka jumlah pengerusi telah bertambah daripada 9 kepada 15 sekarang; menubuhkan dua buah cawangan Mahkamah Perusahaan baru iaitu satu di Ipoh untuk mendengar kes yang berlaku di Perak dan di Johor Bahru untuk mendengar kes yang berlaku di selatan Semenanjung.

Kementerian telah mengadakan satu rancangan untuk menambahkan bilangan pengerusi dan pegawai serta kakitangan sokongan. Mahkamah Perusahaan sebagai satu strategi untuk mengatasi masalah kes-kes yang tertangguh.

Begitu juga kementerian telah menubuhkan taskforce untuk memantau dan mencari jalan menyelesaikan isu kes-kes tertunggak di Mahkamah Perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini jumlah kes yang masih belum dibicarakan sehingga Ogos 2000 adalah sebanyak 1,583 kes.

**Tuan Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya yakin pihak kementerian akan membawa kes-kes yang benar-benar tidak dapat diselesaikan secara perbincangan atau secara diplomasi dengan kata lain ke mahkamah untuk mencari cara penyelesaian ataupun keadilan. Soalan saya adakah tindakan-tindakan lain yang diambil oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan sebelum sesuatu kes di bawah ke mahkamah. Terima kasih

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, biasanya kes-kes perbalahan perusahaan antara pekerja dan majikan, dengan izin, *industrial dispute*, dikendalikan oleh pegawai-pegawai di Jabatan Perhubungan Perusahaan. Dan dalam keadaan biasa, biasanya pegawai-pegawai yang berpengalaman ini melayan satu atau dua kes sehari, di mana perbincangan akan diadakan di antara majikan dengan pekerja yang berhadapan dengan kes *industrial dispute* tersebut. Dan biasanya kita mengadakan perbincangan, *conciliation*, minimum dua kali. Itu dalam keadaan-keadaan tertentu. Walau bagaimanapun, ekoran daripada kegawatan ekonomi, kes-kes tertunggak begitu banyak pada tahun 1997, 1998 dan 1999. Oleh yang demikian, pegawai-pegawai kita terpaksa bekerja dengan lebih kuat sehingga terpaksa berinteraksi dalam kes-kes *conciliation* hingga 4 kes satu hari. Dan, ini akan mengurangkan juga kualiti perbincangan di antara pekerja dan majikan.

Oleh yang demikian, langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan adalah dengan menambah bilangan-bilangan pegawai yang berpengalaman dan memindahkan mereka ke ibu pejabat. Setakat ini kita telah menambahkan pegawai-pegawai yang senior dan berpengalaman daripada Wilayah Persekutuan dan Selangor ke ibu pejabat.

Kedua, kita juga mendapat persetujuan awal daripada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengambil pekerja-pekerja kontrak khususnya pegawai-pegawai daripada Jabatan Perhubungan Perusahaan yang sudah bersara dan kita berikan satu skim gaji yang menawan yang dapat mereka penuhi bagi membantu kes-kes *conciliation* di peringkat Jabatan Perhubungan Perusahaan.

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Strategi-strategi yang telah dikemukakan tadi telah dalam jangkaan saya sebelum ini bahawa akan menambah mahkamah, akan menambah pegawai. Akan tetapi, strategi tidak akan dapat mengatasi masalah kerana kita tahu menurut Akta Perusahaan, Menteri mempunyai kuasa untuk melantik lebih panel. Mengapakah hanya penambahan 6 orang sahaja jawatan padahal di Ipoh, kami mengalami masalah di mana penambahan 300 persen kes, di mana tarikh bicara diberi dalam tahun 2002.

Kita telah mencipta satu sejarah, di mana bil dikemukakan ketika itu adalah untuk ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Ini hendak beritahu, dia tidak tahu. Ketika bil Akta Perusahaan adalah untuk menyelesaikan kes dalam kadar segera. Kita menceritakan sejarah di mana kita ada MTUC, adakah fikir ..... [Sorak]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tidak payah hujah, soalan sudah kemukakan. Cukup.

**Puan Fong Po Kuan:** Jadi, mengapakah wujud kelewatan untuk mengimplementasikan strategi sedemikian.

**Seorang Ahli:** Itulah. Cukup. Duduklah.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Batu Gajah sepatutnya bersyukurlah, kita sudah tambah satu mahkamah Perusahaan Baru di Ipoh, sepatutnya dia bersyukur. Dia tidak bersyukurlah. [Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua, kita faham *concern* tersebut. Kita jangka antara strategi-strategi yang kita sudah kenal pasti dan kita akan lakukan. Buat masa ini, tiap-tiap Pengerusi Mahkamah, biasanya menurunkan 6 kes satu bulan. Kita ada lebih

kurang 1583 kes setakat Ogos tahun 2000 untuk kita selesaikan. Jadi, kita sudah bersetuju supaya Pengerusi Mahkamah dapat membuat lebih banyak keputusan, minimum 10 keputusan sebulan. Jadi, dengan jangkaan itu, kita yakin dan percaya dalam tahun 2001 kes-kes ini akan dapat diselesaikan di mana kalau seorang hakim atau Pengerusi Mahkamah menyelesaikan 10 kes sebulan, maknanya kalau tiap bulan kita kalikanlah. 15 x 10 x 12. Dan jumlah lebih daripada jumlah kes-kes yang tertunggak. Itu satu.

Kedua, Yang Berhormat bagi Batu Gajah kena faham, bukan sahaja kelewatan kes-kes yang tertunggak ini disebabkan oleh semata-mata kerana Pengerusi Mahkamah. Banyak juga kes di mana peguam yang mewakili kes-kes tersebut tidak dapat hadir. Jadi, bila peguam-peguam ini tidak dapat hadir, Pengerusi Mahkamah terpaksa menanggungkan kepada satu tarikh yang berdekatan. Antara isu yang kita juga faham adalah mahkamah kekurangan kakitangan bagi menyediakan *write-up* untuk satu-satu kes. Ini juga kita sudah dapat persetujuan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menambah pekerja-pekerja untuk menyokong keberkesanan proses kehakiman di Mahkamah Perusahaan.

4. **Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Perdana Menteri menyatakan, bilangan penyimpan Tabung Haji dan nilai yang terkumpul setakat ini sama ada berbentuk Ringgit Malaysia atau harta.

**Setiausaha Parlimen di-Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 September 2000, pendeposit Tabung Haji terkumpul berjumlah seramai 4,292,647 orang. Bagi tahun 1995 hingga 1999, jumlah penambahan pendeposit tahunan adalah pada kadar sekitar 7.76% hingga 7.87%. Berdasarkan sasaran pendeposit baru, seramai 330,000 orang bagi tahun 2000 adalah dijangkakan Jumlah terkumpul pendeposit pada akhir tahun 2000 berjumlah seramai 4,385,000 orang. Manakala bagi simpanan terkumpul pendeposit Tabung Haji sehingga 31 September 2000, adalah sebanyak RM8.94 bilion. Terima kasih.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih. Kalau dilihat wang yang terkumpul oleh Tabung Haji memang begitu banyak. Dan saya dapat tahu bahawa Tabung Haji juga mengeluarkan zakat kepada tiap-tiap negeri dan

saya ingin tahu, sama ada zakat tersebut dikeluarkan termasuk ke negeri Kelantan dan Terengganu. Dan, memandangkan jumlah wang yang begitu banyak, adakah Tabung Haji bercadang untuk membeli kapal terbang bagi menguruskan jemaah haji dengan sendirinya di masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sejak tahun 1980, Tabung Haji telah mengeluarkan zakat sebanyak RM124,492,607.56 sen. Zakat yang dikeluarkan oleh Tabung Haji ialah zakat perniagaan, berdasarkan simpanan yang tidak dilaburkan dicampurkan pula dengan keuntungan bersih Tabung Haji. Formula ini telah pun diluluskan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.

Mengenai bayaran zakat kepada negeri-negeri melalui Jabatan Agama Negeri masing-masing, ianya berdasarkan kepada bilangan pendeposit dari negeri asal mereka. Daripada rekod Tabung Haji, tahun ini sahaja iaitu bagi tahun 2000, negeri Kelantan telah menerima zakat sebanyak RM1,232,949.98 sen. Di negeri Terengganu pula, sebanyak RM1,126,153.67 sen.

Mengenai cadangan Yang Berhormat sama ada Tabung Haji perlu ataupun tidak membeli kapal terbang. Insya-Allah kita dalam rancangan untuk membeli kapal terbang sendiri supaya mudah untuk kita menguruskan bakal-bakal jemaah haji di masa-masa yang akan datang.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih. Saya ingin tanya Yang Berhormat, sama ada benar bahawa Tabung Haji membeli Wisma Maju – bangunan sebelah bangunan MARA, daripada siapa dan berapa harganya?

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan ini, soalan spesifik. Oleh itu saya, minta notis dan walau bagaimanapun, kita memberi jaminan kepada pendeposit-pendeposit, setiap pelaburan yang dibuat oleh Tabung Haji ialah pelaburan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Hukum Syarak. Ertinya sebelum Tabung Haji melabur di mana-mana ianya akan dirujuk dahulu kepada Jawatankuasa Syarak supaya ianya tidak bertentangan dengan hukum-hukum Islam.

5. **Tuan Joseph Salang anak Gandum [Julau]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) adakah Kementerian mengawal yuran pengajian yang dikenakan oleh IPTS yang menawarkan program francais dari universiti tempatan kepada pelajar-pelajarnya; dan
- (b) jumlah pelajar yang memohon melanjutkan pelajaran ke IPTA melalui UPU pada kemasukan tahun 2000 gagal mendapat tempat di mana-mana universiti tempatan dan langkah Kementerian supaya mereka yang gagal ke universiti mendapatkan pendidikan yang berterusan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan

- (a) Kementerian Pendidikan memang mengawal kadar yuran pengajian yang dikenakan oleh institusi pengajian tinggi swasta atau IPTS yang menawarkan program francais dari universiti tempatan berdasarkan kadar yuran yang diluluskan untuk menjalankan program tersebut. Sebarang permohonan untuk menaikkan yuran perlu mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan, selepas 3 tahun dari permohonan sebelumnya. Kenaikan yang dibenarkan tidak melebihi 20%.
- (b) Pelajar yang memohon untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) melalui UPU bagi kemasukan sesi akademik 2000/2001 untuk lepasan STPM atau setaraf, sebanyak 40,968 permohonan diterima. Dari jumlah tersebut 7,185 gagal mendapat tempat. Manakala bagi lepasan SPM atau setaraf, UPU menerima sebanyak 124,310 permohonan dan dari jumlah tersebut sebanyak 83,019 permohonan gagal mendapat tempat di mana-mana universiti tempatan. Bagi pelajar yang gagal mendapat tempat di IPTA, mereka masih berpeluang untuk melanjutkan pelajaran di politeknik, Maktab Perguruan, Tingkatan 6 dan mengikuti kursus-kursus kemahiran anjuran agensi-agensi kerajaan.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian kerana memang ada kawalan tentang yuran pengajian IPTS. Jadi, saya ingin tahu sama ada ataupun

bagaimana kawalan tentang pengendalian pengajian IPTS. Ertinya dari segi sepanjang kursus yang dijalankan itu sama ada pernah melakukan apa-apa masalah. Kalau boleh Yang Berhormat menjelaskan, kalau tidak boleh sekarang mungkin secara bertulis – tentang pengendalian pengajian *space program*, yang ada berhubung kait dengan UTM di Langkawi. Sebab saya baru-baru ini ada dengar sedikit aduan daripada pelajar-pelajar yang mengatakan kebimbangan mereka tentang pengendalian kursus *space program*, yang berada di Langkawi. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya mengenai dengan yuran ini kita tetap mengawal supaya ia tidak dikenakan yuran yang begitu tinggi. Misalnya kalau kita ambil mereka yang menuntut di IPTA, sebenarnya boleh dikatakan kerajaan memberi subsidi yang begitu tinggi sekali. Misalnya, kita ambil sahaja dalam kes penuntut perubatan di Universiti Malaya sahaja dikenakan yuran sebanyak RM47,278 setahun, tetapi pelajar hanya membayar RM1,800 sahaja setahun. Itu contoh – maksud saya.

Begitu juga dengan sastera, di mana pihak kerajaan juga memberi subsidi yang begitu tinggi. Jadi, kalau kita mengambil kes-kes dalam IPTS sememangnya yuran yang dibayar itu adalah kos sebenarnya. Jadi, dalam perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai dengan kursus-kursus yang dikendalikan oleh mana-mana IPTS sekalipun, kita tetap memantau dari masa ke semasa dan begitu juga sekiranya ada kompelin-kompelin daripada penuntut atau ibu, kita akan menyiasat kes itu.

Dalam perkara *space program* yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat pula. Untuk itu saya rasa, saya akan berikan jawapan itu kemudian kerana ini memerlukan rujukan yang terperinci sekiranya ada apa-apa masalah, kita akan lapor kemudian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Fong Kui Lun:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bagaimana kawalan kementerian ke atas program francais kursus IPT, dari segi mutu, yuran, kemudahan dan pengiktirafan. Dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian, jika terdapat kelemahan dalam program kursus francais IPT ini. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Pertama, mengenai dengan kawalan, bagi mereka yang menjalankan program francais itu tetap kita kawal. Malah peperiksaan juga kita akan kawal dari segi pemberian markah dan sebagainya. Itu dikuasai oleh pihak kita. Keduanya, ialah mengenai dengan pengawalan itu dilakukan oleh pihak Lembaga Akreditasi Negara (LAN). Dan, sekiranya kita terdapat apa-apa maklum balas yang tidak menyenangkan, kita akan mengambil tindakan menurut peraturan. Itu yang telah dilakukan.

Mengenai dengan mutu, sama ada ia baik ataupun tidak, disebabkan oleh yuran seperti mana kata Yang Berhormat itu, kita juga memastikan supaya mutu yang dihasilkan oleh setiap pihak yang menjalankan program francais itu benar-benar memberi pelajaran yang baik kepada murid-murid. Ini boleh kita pantau juga melalui peperiksaan dan juga dari masa ke semasa LAN tetap membuat penilaian ke atas satu-satu program francais.

Sebagai makluman kepada pihak Yang Berhormat Bukit Bintang juga, kita sekarang ini sedang mengambil langkah di mana program-program francais daripada universiti itu sudah pun kita hampir tamat di mana kita telah gantikan dengan program matrikulasi yang dikendali sendiri oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Terima kasih.

**6. Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) peraturan menunaikan sembahyang Jumaat di kalangan pekerja-pekerja muslim, peraturan mengenai penggalakan sembahyang fardu di kilang-kilang dan program pendidikan agama di kalangan pekerja-pekerja kilang; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil untuk membasmi gejala salah laku akhlak di kalangan pekerja-pekerja kilang.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sentiasa memberi perhatian serta menasihatkan pengurus-pengurus kilang supaya memberi peluang dan kelonggaran

masa kepada pekerja-pekerja kilang untuk menunaikan sembahyang fardu termasuk sembahyang Jumaat. JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri turut menyampaikan perkhidmatan keagamaan kepada pekerja-pekerja kilang terutamanya kepada pengurus personel.

(b) JAKIM telah, sedang dan akan melaksanakan pelbagai aktiviti keagamaan seperti berikut:-

- (i) Seminar Kepimpinan Islam kepada pengurus personel kilang.
- (ii) Kursus kefahaman dan penghayatan Islam kepada pekerja-pekerja kilang.
- (iii) Kursus kefahaman dan penghayatan Islam kepada pelatih-pelatih Institut Latihan Perindustrian (ILP).

Program-program ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi kesedaran serta membasmi gejala salah laku akhlak di kalangan pekerja-pekerja kilang. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan kepada Yang Berhormat Datuk Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, untuk mengelak salah laku atau salah akhlak atau salah akidah, apakah semua penceramah agama mesti mendapatkan kebenaran daripada jabatan agama dan adakah larangan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan itu mengikut undang-undang atau tidak? Itu soalnya.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kita kena menerima hakikat bahawa daripada segi prinsipnya negara kita memang mengamalkan dasar kebebasan bersuara termasuklah kebebasan berceramah seperti yang termaktub dalam Perlembagaan. Walau bagaimanapun, sudah tentu ada undang-undang tertentu untuk memantau kebebasan ini termasuklah enakmen-enakmen di setiap negeri. Setiap negeri ada enakmen mereka, ada undang-undang mereka, bagaimana cara untuk mereka memberi kebenaran kepada penceramah-

penceramah ini terutamanya penceramah-penceramah agama supaya ajaran agama yang diajar ialah ajaran agama yang betul.

Di setiap negeri terletak kepada negeri masing-masing sejauh mana pihak berkuasa ataupun penguatkuasaan negeri masing-masing untuk menguatkuasakan undang-undang tersebut. Namun demikian, jika penguatkuasaannya kurang, tidak bermakna ianya boleh dilanggar oleh mana-mana pihak mengenai peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Sebagai contoh, Kerajaan Negeri Selangor, sama ada larangan yang diberi oleh Menteri Besar Selangor kepada Menteri Besar Kelantan itu mengikut undang-undang, jawapannya ialah ya. Ianya mengikut undang-undang Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995. Izinkan saya membaca Seksyen 14 iaitu:-

*“Mana-mana orang yang mengajar atau mengaku mengajar apa-apa perkara yang berhubung dengan agama Islam tanpa tauliah yang diberikan di bawah subseksyen 79(3) Enakmen Pentadbiran adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM3,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.”*

Soal Menteri Besar Negeri Kelantan memberi ceramah, kita tidak persoalkan isi kandungan ceramahnya, yang kita persoalkan ialah adakah ia memperoleh permit terlebih dahulu, kebenaran daripada jabatan agama terlebih dahulu sebelum dia memberi ceramah. Oleh itu, saya percaya, setiap negeri harus menghormati enakmen negeri masing-masing.

**Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun tak tahulah, kenapa dibawa ke situ, mungkinlah ada kaitannya. Tetapi yang saya tanyakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang peraturan-peraturan yang dikenakan kepada pekerja-pekerja kilang terutamanya pekerja wanita yang saya lihat. Saya ambil contoh di kawasan Yang Berhormat dan di kawasan saya, setiap maghrib dalam 15 minit sebelum maghrib, sebelum azan, kita dapat puluhan gadis-gadis beratur menunggu bas, yang sebahagiannya bila saya tanyakan mengatakan bahawa mereka terpaksa sampai ke tempat bekerja pukul 8.30 dan mereka berbaris 15 minit sebelum

azan. Ertinya, mereka mengatakan, ada drebar yang singgah dan ada drebar yang tidak singgah surau, kebanyakan drebar tidak singgah surau.

Saya memikirkan begini Yang Berhormat, kalau misalnya hendak mendapatkan pendapatan RM15 atau RM20 tetapi meninggalkan sembahyang, saya tidak tahulah di mana kedudukan kita di hadapan Allah s.w.t., sila Yang Berhormat.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang diPertua, terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana Yang Berhormat nyatakan ini di dalam kawasan kita, saya pun mintalah Yang Berhormat beritahulah kepada pekerja-pekerja kilang itu, supaya jangan pandang sangatlah gaji-gaji yang diberi ini, tetapi lebihkan kepada sembahyang ini. Walau bagaimanapun, saranan itu memang baik, tetapi kita harus ingat, waktu maghrib sebagai contoh, kita tidak tahu, sama ada mereka ini sudah sembahyang atau tidak, kerana waktu maghrib kata sekarang ini pukul 7.05 malam kadang-kadang sampai pukul 8.00 masih ada waktu maghrib. Tetapi kalau Yang Berhormat mengatakan apabila sampai waktu sahaja terus bersembahyang, itu mungkin kenyataan Yang Berhormat itu betul. Kerana soal sembahyang ini saya rasa, itu terpulang kepada individu, mungkin juga dia sempat sembahyang di rumah ataupun dia sembahyang di tempat kerjanya. Jadi, ini soalan yang spesifik, kalau Yang Berhormat nyatakan tadi Yang Berhormat peka kepada perkara ini, maka elok jugalah Yang Berhormat memberikan tanggungjawab kita bersama untuk membetulkan keadaan ini, jangan dok pandai bercakap sahaja, dan lagi satu bila dikenakan ceramah, freelah, tak payahlah kenakan bayaran, kasihan kepada pekerja-pekerja kilang itu. [*Tepuk*] Terima kasih.

*[Soalan No. 7 – Y.B. Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau] tidak hadir]*

**8. Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]** minta Menteri Penerangan menyatakan:-

- (a) apakah jaminan kementerian supaya bahasa Malaysia yang digunakan di RTM1 dan RTM2 menepati piawaian yang betul dan seragam; dan
- (b) adakah kementerian bercadang meneruskan pengudaraan lagu-lagu asli dan berentak lubah di RTM tanpa pengacara mencelah antara lagu ke udara.

**Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.****Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Usaha yang dibuat oleh kementerian adalah seperti berikut:-
  - (i) Dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka, kita melatih beberapa anggota supaya menjadi pakar rujuk bahasa di Kementerian Penerangan dan juga bertanggungjawab untuk memantau dan menegur kesalahan penggunaan bahasa yang ke udara.
  - (ii) Menganjurkan taklimat bahasa dengan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka dua kali setahun.
  - (iii) Mewujudkan Jawatankuasa Bahasa Melayu yang berfungsi memantau dan mengeluarkan panduan penggunaan bahasa Melayu dengan kekerapan satu bulan sekali.
  - (iv) Memberi panduan penggunaan bahasa Melayu yang betul kepada syarikat swasta yang membekalkan penerbitan kepada RTM.
- (b) Pada kebiasaannya pengacara akan menyiarkan lagu secara berterusan dan hanya akan mencelah selepas disiarkan lagu kelima atau keenam bagi pengumuman yang perlu dibuat.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, nampak tidak ada orang yang hendak soal. Tetapi sebelum itu, saya hendak memberi penjelasan sedikit yang soalan (b) itu, saya terlupa beritahu tadi, 'lubah' ini cakap orang Sarawak. Saya sengaja buat itu, ertinya perlahan. Jadi, lagu asli berentak perlahan, memang selalu disiarkan di radio Malaysia tetapi masalahnya, kadang-kadang kawan-kawan yang jadi pengacara itu, tengah-tengah kita syok mendengar berentak perlahan ini, mendodoikan hidup yang selesa dan baik ini, dia mencelah dengan cerita-cerita dongeng lain pula. Jadi, kadang-kadang ini tidak sedap didengar.

Kita hendak dengar lagu yang elok, yang cantik, yang sedap didengar menghayati benda yang begitu mengasyikkan tetapi malangnya pula pengacara ini buat cerita lain. Jadi, hilanglah kesan kebaikan keseronokan lagu itu kepada kita. Jadi, saya minta macam mana tindakan kementerian supaya terutama di Sarawak jangan disuruh pengacara mencelah di tengah-tengah lagu yang sedang kita dengar, kalau hendak bercerita masa yang lain. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, [*Bercakap dalam bahasa Sarawak*] 'rupa Sarawak tahu juga kame'. [*Ketawa*] Cuma memang benarlah, Tuan Yang di-Pertua, kadangkala ada masa-masanya, saya pun selalu dengar bila lagu itu sedang ke udara, ada sesetengah bukan semua, juruhebah-juruhebah ini dia menceceh. Saya kata menceceh, jadi saya sedar, dan kita sudah beritahu juga elaklah. Tetapi kadangkala, Tuan Yang di-Pertua, kalau pergi kita melihat juruacara ini bekerja, terutama sekali selepas waktu pukul 12.00, dia seorang sahaja dalam bilik konti itu, dia seorang sahaja macam orang 'gila'. Jadi, itu kadangkala dia tengah dengar lagu seorang itu, kot dia tersasul dia pun seronok, dia menceceh. Itu sahaja, tetapi kita telah mengambil tindakan supaya jangan buatlah benda macam ini. Terima kasih.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, tidak bolehkah disiarkan lagu-lagu lebih kerap misalnya *Utusan Malaysia* menyatakan golongan A+Ma'unah menyerah diri selepas mendengar lagu Getaran Jiwa. [*Ketawa*] Jadi, bolehkah disiarkan lagu itu begitu kerap supaya perompak-perompak pun tidak merompak dan menyerah diri. [*Ketawa*] Minta komen Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, lagu-lagu ini ada kadangkala kesannya dan ada juga banyak lagu sebenarnya bila kita siarkan ke udara itu yang menyampaikan mesej-mesej, maklumat-maklumat, perutusan-perutusan yang boleh mempengaruhi dan lagu-lagu begini pun memang sentiasa kita dendangkan ke udara untuk memberi maklumat nasihat dan banyak lagu-lagu yang lama biasanya. Jadi, orang lama-lama ini lebih banyak kepada khidmat nasihat.

**9. Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan caj yang dikenakan oleh semua syarikat telefon mudah alih (mobile phone). Mengapa kerajaan tidak berupaya mendesak syarikat telekomunikasi memansuhkan caj sewa RM60 sebulan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia**

**[Tuan Chia Kwang Chye]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai usaha untuk menggalakkan persaingan dalam penawaran perkhidmatan telefon mudah alih, kementerian telah memansuhkan peraturan Atur 1986. Dengan pemansuhan ini caj-caj yang dikenakan oleh syarikat-syarikat pembekal perkhidmatan telefon mudah alih adalah berdasarkan pasaran.

Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia memerhatikan bahawa oleh kerana persaingan yang hebat, pembekal-pembekal telah memperkenalkan pakej-pakej yang menarik untuk pengguna-pengguna di mana terdapat syarikat-syarikat yang telah mengurangkan bayaran sewa melebihi 50%. Sekian, terima kasih.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan. Saya masih ingat pada tahun yang lepas, kami ada membangkitkan caj untuk panggilan yang tidak berjaya dan saya di sini masih ingat Yang Berhormat dari Selayang, dia pernah menjawab di Dewan yang mulia ini, bahawa kementeriannya akan mengkaji caj-caj yang dikenakan untuk panggilan yang tidak berjaya. Panggilan yang tidak berjaya, maksud saya kalau dilihat di statement, setia p bulan kami ada menerima satu statement dari syarikat telefon di mana panggilan hanya untuk satu saat, dua saat, tiga saat itu bermakna tidak berjaya. Satu saat, dua saat dan tiga saat apa yang boleh dicakapkan, tetapi kena caj sepuluh sen. Itu bermakna tidak berjaya, tetapi dia juga kena caj. Bolehkah Yang Berhormat mengkaji semula, sudah satu tahun kata mengkaji tetapi masih belum berhasil lagi, masih wujud lagi perkara ini.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju bahawa Ahli Yang Berhormat bagi Bagan ada mengemukakan masalah semasa saya duduk di belakang sana, oleh sebab itu, dikemukakan lagi sekali, siasatan akan dijalankan dan akan disampaikan keputusannya bila ada. Terima kasih.

**Tuan Lee Kah Choon:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya adalah sementara kita mengkaji kesesuaian untuk memansuhkan caj sewa,

adakah kerajaan bercadang untuk memansuhkan cukai perkhidmatan iaitu service charge yang dikenakan atas penggunaan telefon bimbit untuk menggalakkan penggunaan teknologi maklumat ini.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, memang service charge adalah dikenakan untuk bayaran atau bil-bil setakat ini dan jika ada permintaan atau jika perlu, kerajaan akan menimbang dan jika sesuai, kemungkinan ini di bahagian kawan saya di sebelah sini dan saya berharap pun service charge ini pun boleh dimansuhkan. Sekian, terima kasih.

**10. Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk melindungi hak-hak pengguna yang menjalankan urusan mereka melalui e-dagang.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Bentong bersekali dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Gelang Patah pada 31 Oktober kerana membangkitkan isu yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya.

**Dato' S. Subramaniam:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pembelian barangan atau perkhidmatan melalui e-dagang khususnya melalui Internet, meliputi dua aspek penting iaitu mengenai produk atau perkhidmatan yang dibekalkan dan mengenai tatacara pembayaran. Bagi produk yang diperdagangkan melalui website yang didaftarkan dalam negeri, undang-undang yang sedia ada seperti Akta Perihal Dagangan 1972 dan Akta Kawalan Barangan 1957 (Sales of Goods Act 1957) lebih mudah digunakan untuk melindungi pengguna. Masalah, walau bagaimanapun, akan timbul jika laman web yang terlibat adalah didaftarkan di luar negara.

Perlindungan pengguna melalui Akta Perlindungan Pengguna 1999 tidak dapat dinikmati oleh kerana Akta Perlindungan Pengguna tidak meliputi e-dagang atau e-dagang dikecualikan dari akta. Walau bagaimanapun, perkara ini sedang dalam kajian kementerian.

Bagi aspek yang berkaitan dengan tatacara pembayaran, ianya lebih merupakan isu sekuriti semasa berurus niaga di laman web atau Internet di mana pengguna harus berwaspada.

Mengenai kerjasama kementerian ini dengan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat sekarang ini sebuah Jawatankuasa Kebangsaan Perdagangan Elektronik atau National Electronic Commerce Committee (NCC) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara.

Jawatankuasa ini adalah bertanggungjawab untuk, di antara lain, menyediakan pelan pembangunan dan pelaksanaan perdagangan elektronik. Di bawah Jawatankuasa Kebangsaan ini telah ditubuhkan dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Perdagangan Elektronik dalam Perdagangan dan Industri di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Jawatankuasa Infrastruktur di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna adalah ahli di dalam Jawatankuasa Perdagangan Elektronik dalam Perdagangan dan Industri dan diberi tugas untuk mengkaji isu-isu berkaitan harta intelek, perlindungan pengguna, perdagangan dalam negeri dan pendaftaran perniagaan atau syarikat.

Justeru itu, kementerian ini telah menubuhkan empat kumpulan kerja bagi mengkaji isu-isu e-dagang berkaitan dengan aspek-aspek tersebut. Kumpulan kerja mengenai perlindungan pengguna telah mencadangkan supaya undang-undang sedia ada dipinda atau undang-undang baru digubal untuk melindungi kepentingan pengguna yang berurus niaga melalui Internet. Ianya juga mencadangkan supaya diadakan garis panduan bagi pengguna yang boleh meningkatkan keyakinan mereka untuk berurus niaga melalui Internet. Cadangan-cadangan ini masih di dalam pertimbangan kementerian.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini tentang perkara-perkara yang berbangkit, risiko yang dihadapi dalam e-commerce, e-dagang ini.

Saya hendak bertanya selain daripada isu kemungkinan kerugian dari segi duti khidmat kepada negara, *service charge* kepada tempoh perkhidmatan atau penjualan barang-barang, saya hendak bertanya juga dari segi keselamatan, ada keluhan kita dengar, mereka yang menggunakan kredit kad sama ada menggunakan khidmat Internet atau pembelian melalui Internet, kadang-kadang oleh kerana keselamatan dalam service provider kita di negara ini belum sampai tahap yang tinggi menggunakan *inscription* standard yang tinggi, kadang-kadang mereka boleh menggunakan, mencuri kredit kad yang digunakan oleh pengguna-pengguna yang duduk masuk dalam sistem, yang ini boleh disalahgunakan oleh pengguna-pengguna, orang di luar negara kita sendiri.

Saya hendak bertanya sedikit bagaimana persediaan kementerian atau negara kita untuk menghadapi cabaran dari segi keselamatan kepada pengguna di negara ini yang makin hari, makin ramai yang akan menggunakan e-commerce atau e-dagang ini?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai penggunaan kad kredit, saya pun ada dengar dari masa ke semasa, atau melalui pembacaan bahawa banyak penyelewengan ataupun kecurian berlaku apabila kad kredit digunakan. Tetapi perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Bank Negara dan saya tidak mempunyai maklumat mengenai keselamatan dan tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak Bank Negara mengenai keselamatan penggunaan kad kredit.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada kementerian kerana telah mengambil langkah-langkah untuk mengawal hal ehwal pengguna dan saya memandangkan perdagangan e-commerce ini, e-dagang ini semakin popular, ada banyak syarikat mengambil kesempatan untuk menjalankan perniagaan melalui secara direct sales melalui e-dagang. Apakah syarikat-syarikat ini perlu memohon lesen, dapat sales melalui e-dagang melalui kementerian dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan kawalan terhadap direct sales melalui e-dagang dapat dikawal. Terima kasih.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang jualan langsung yang dilakukan oleh syarikat-syarikat secara e-commerce itu tidak perlulah memohon lesen kepada kementerian.

Walau bagaimanapun, perkara ini adalah dalam penelitian bukan sahaja oleh kementerian tetapi di peringkat antarabangsa oleh kerana kita masih dalam usaha untuk mencari jalan baik melalui undang-undangkah atau mana-mana cara lain, macam mana mahu kawal jualan langsung melalui e-dagang. Setakat ini tidak perlu memohon lesen.

11. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa buahkah sekolah mengikut negeri yang telah dipilih untuk mengikuti Program Bestari. Sejak program ini diperkenalkan apakah kementerian berpuas hati mengenai 'hardware' dan 'software' yang dibekalkan oleh syarikat yang dilantik oleh kementerian.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali ialah sebanyak 86 daripada 90 buah sekolah Projek Rintis Bestari telah beroperasi. Bilangan sekolah rintis bestari yang telah beroperasi mengikut negeri adalah seperti berikut:

<u>Negeri</u>	<u>Jumlah</u>
Perak	9
Selangor	11
Pahang	6
Kelantan	6
Johor	9
Kedah	6
Melaka	2
Negeri Sembilan	7
Pulau Pinang	3
Perlis	2
Terengganu	4
Wilayah Persekutuan	8
Sabah	7
Sarawak	6

Setakat ini Kementerian Pendidikan berpuas hati dengan kualiti *hardware* atau komputer dan *networking* serta *software*, dengan izin, atau perisian sistem yang dibekalkan oleh syarikat yang dilantik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7 dan 12 hingga 23 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO.2) 2000**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967; Akta Petroleum Cukai Pendapatan 1967; Akta Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Setem 1949; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## **RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2001**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

**DAN**

**USUL**

### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 2001**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Rang Undang-undang Perbekalan 2001 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini mengikut sub-seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dua puluh lapan bilion lapan ratus tiga puluh enam juta tiga ratus empat puluh lapan ribu empat ratus enam puluh ringgit (RM28,836,348,460) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2001, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2001 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 2000 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah

yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, hendaklah disahkan. *[27 Oktober 2000]*

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2001 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun – Yang Berhormat *[Memandang ke arah Yang Berhormat bagi Pendang]* Ya....

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** .....tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-sebuah majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Pendang sila.

**11.08 pagi.**

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]:** Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat Sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih atas izin yang diberikan untuk saya berucap bagi membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2001.

Perbincangan Belanjawan telah menjadi satu agenda tahunan dalam mana-mana amalan demokrasi berparlimen bahkan menjadi pencetus keperluan penubuhan Parlimen dalam sejarah amalan demokrasi ala Britain. Justeru, forum dan pentas perdebatan yang membicarakan seluruh pengurusan kewangan, ekonomi dan perbendaharaan negara ini perlu diberi segala penghormatan, kepentingan dan kemuliaan yang selayak dan sewajar baginya.

Kedudukan Belanjawan adalah penting untuk menjadi alat menjaga kesihatan ekonomi secara tahunan, sementara dasar-dasar pengurusan ekonomi yang bersifat jangka panjang seperti Dasar Pembangunan Negara, Rancangan Malaysia Kelapan dan juga out line perspektif Pelan Tiga, dengan izin, perlu diberi perhatian dan fokus

dalam proses untuk membaik puluh pengurusan ekonomi negara secara lebih berkesan dan bersifat jangka jauh.

Dewan ini perlu diingatkan supaya perbincangan Belanjawan tahunan yang dilakukan secara rutin mesti disejajarkan dengan polisi dan dasar pengurusan ekonomi dan pembangunan negara untuk lebih bermakna dan berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2001 di Dewan yang mulia ini, saya ingin menyatakan rasa tertarik kepada bahagian penutup ucapan Menteri Kewangan Jumaat lalu yang merujuk kepada Surah Sabaqq, yang mengajak kita bersyukur kepada pencipta kita yakni Allah S.W.T. atas kemakmuran yang dicurahkanNya kepada kita.

Saya amat bersetuju bahawa segala kesyukuran secara mutlaknya hanya kepada Allah Azzawajalla. Oleh itu janganlah kita sebagai *beneficiary* daripada kemurahan Al- Khalid itu memaksa dan menuntut orang lain bersyukur kepada diri kita sedangkan kita hanya diberi amanah oleh rakyat melaksanakan tanggungjawab kita di muka bumi ini. Saya nampak Menteri Kewangan cuba mengingatkan hal ini mungkin kepada orang tertentu yang ke sana ke mari cuba meraih simpati, minta disanjung, dipuji dan disyukuri.

Oleh kerana surah ini telah disentuh lebih lanjut daripada itu, elok kita meneliti sejarah kaum Sabaq seperti yang diterangkan oleh Allah S.W.T. di dalam Al-Quran. Menteri Kewangan merujuk kepada ayat 15 yang berbunyi [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*], "*Makanlah olehmu dari rezeki Tuhan dan bersyukurlah kepadaNya, sebuah negeri yang baik dan Tuhan yang Maha Pengampun.*"

Dalam ayat 16 selepas itu sebagai sambungan kepada ayat 15 yang dibacakan oleh Menteri Kewangan, erti ayat itu, dalam ayat yang ke -16, Allah S.W.T. berfirman [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] ertinya "*Tetapi mereka berpaling, penduduk-penduduk Sabaq berpaling dan menderhaka kepada Allah kerana tidak mematuhi seluruh perintah-perintah Allah, maka kami datangkan kepada mereka banjir yang besar dan pelbagai musibah dalam pelbagai bentuk dan kami tukarkan kedua-dua kebun mereka dengan dua kebun yang ditumbuhi pohon-pohon yang berbuah pahit, pohon As dan sedikit dari pohon Sidiq.*"

Ayat yang ke-17 pula menerangkan yang bemaksud, *“Dengan demikian Kami memberikan balasan kepada mereka kerana kekufuran mereka dan Kami tidak menjatuhkan azab, yang demikian itu melainkan hanya kepada mereka yang sangat kufur.”*

Tuan Yang di-Pertua, dinamakan surah ini sebagai Surah As-Sabaq kerana di dalamnya terdapat kaum Sabaq, Sabaq adalah nama satu Kabilah dari pelbagai kabilah Arab yang tinggal di daerah Yaman sekarang ini. Mereka mendirikan kerajaan yang terkenal dengan nama Kerajaan Sabaqiah, ibu kotanya bernama Makrib kerana telah dapat membangun satu empangan raksasa diberi nama empangan Makrib sehinggakan negara mereka subur dan makmur.

Kemewahan dan kemakmuran ini menyebabkan kaum Sabaq begitu angkuh, lupa dan ingkarkan perintah Allah yang telah melimpahkan nikmatNya kepada mereka serta mereka juga ingkar akan seruan para Rasul yang diutuskan kepada mereka. Disebabkan keingkaran mereka ini Allah menimpakan mereka azab yang berupa banjir besar yang ditimbulkan oleh bolosnya bendungan empangan Makrib. Setelah empangan Makrib itu pecah, negara Sabaq menjadi kering dan musnah sama sekali.

Ini isyarat daripada Allah yang sangat wajar dijadikan iktibar oleh kita semua terutama oleh mereka yang diberi amanah untuk memerintah bahawa mereka jangan angkuh, kononnya mereka mencipta pelbagai kejayaan, membina KLIA, Menara Kembar, Putrajaya, Cyberjaya dan macam-macam lagi.

Kita tidak menentang secara mutlak pembinaan ini tetapi pembinaannya telah merangsang rasa angkuh dan sombong yang bukan kepalang sehingga lupa diri dan memaksa rakyat supaya bersyukur kepada mereka. Pada hal yang dituntut di sini ialah pemimpin dan rakyat mesti menyatakan dengan jelas rasa kesyukuran mereka atas nikmat dan kurniaan Allah S.W.T.

Kurnia nikmat kepada negara kita bukan sebaliknya iaitu menderhaka kepada Allah kerana menolak hukum dan peraturan-peraturannya. Mereka membina masjid mega untuk menunjukkan konon mereka sangat mengambil berat dengan pembangunan Islam tetapi dalam masa yang sama, mereka mengadakan pelbagai halangan dan sekatan untuk menghalang dakwah berkembang dengan masjid dan

surau dengan hujah kononnya orang yang mengajar membawa unsur politik dan membawa perpecahan. Ini adalah hujah yang sama digunakan di mana sahaja pemerintah sekular dan antiagama sejak zaman berzaman seperti pemerintahan sekular Kamal Attartuk di Turki, kerajaan-kerajaan sekular di dunia Arab seperti Tunisia, Algeria bahkan di Indonesia dan lain-lain pada suatu masa dahulu.

Sebenarnya mereka bimbang jika dakwah berkembang subur rakyat berpegang kepada Islam sekukuhnya, maka rakyat semakin meninggalkan UMNO dan Barisan Nasional. Ini sebenarnya yang mereka takuti. Mudah-mudahan dengan memahami konteks sebenar ayat ini akan menjadikan kita lebih dekat kepada Allah dan sentiasa berharap akan pertolongannya dan bersyukur dengan melaksanakan arahan-arahan dan perintah-perintahnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya memberi tajuk kepada Belanjawan 2001 sebagai 'Belanjawan Tanpa Arah dan Belum Siap'. Ini kalau semasa ucapan Menteri Kewangan Jumaat lalu, beliau telah menggariskan lima strategi utama, namun beliau mencadangkan supaya tumpuan khusus diberikan kepada tiga daripada lima teras utama itu, lalu beliau tidak langsung menyentuh strategi mengenal pasti sektor pertumbuhan baru dan strategi meningkatkan kualiti hidup. Kedua-duanya saya rasa amat penting bagi menjamin ekonomi yang berkembang dan berdaya tahan. Bila pula agaknya beliau akan menghuraikan kedua-dua strategi ini? Selagi belum dihurai, saya menganggap Belanjawan ini belum siap.

Jelasnya, Tuan Yang di-Pertua, ekonomi telah semakin pulih dan negara telah keluar dari kegawatan ekonomi. Barisan Alternatif turut menerima kedudukan perkara ini. Kita sedar bahawa pertumbuhan ekonomi dalam tempoh suku tahun pertama 2000 ialah 11.9%. Bank Negara pula mengumumkan pertumbuhan sebanyak 8.8% dalam suku kedua serta pengurangan sebanyak 3%. Kita tidak harus terlalu gusar dengan nilai-nilai ini. Pertumbuhan kepada awal pemulihan telah dipacu oleh sektor pembuatan dengan indeks produksi industri IPI yang tinggi dan juga merupakan sepertiga daripada KDNK dalam suku tahun kedua sektor pembuatan tumbuh sebanyak 20%, sementara sektor pembinaan hanya tumbuh sebanyak 3% dan perkhidmatan sebanyak 6.5%.

Walaupun akaun semasa dan imbalan dagangan nampaknya sihat, import semakin meningkat dan lebih dagangan semakin menipis kebelakangan ini, pakar-pakar ekonomi tempatan telah mula meragukan sama ada pemulihan tahap pertama yang digerakkan oleh pelaburan dan penggunaan awam mampu diikuti oleh pelaburan dan penggunaan pihak swasta. Inilah yang diharapkan akan mencetuskan pemulihan dari segi bekalan kewangan atau *money supply* dengan izin, dan pertumbuhan pinjaman atau *loan growth* namun ia masih belum dapat dipastikan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pemulihan ekonomi tahun 2000 tampaknya macam menyeluruh, kita masih terdedah kepada pelbagai risiko perkembangan negatif dalam senario ekonomi antarabangsa terutama memandangkan pertumbuhan-pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah dipacu eksport.

Pertama, ada risiko berkaitan dengan terjadinya kemelesetan besar di dalam ekonomi Amerika Syarikat sekiranya berlaku kejatuhan di dalam pasaran saham.

Kedua, peningkatan kadar faedah antarabangsa berbanding kadar faedah dalam negara boleh mengurangkan aliran masuk Dana.

Ketiga, jika pasaran elektronik jatuh mendadak pertumbuhan eksport akan terjejas.

Keempat, jika pelaburan terus berada dalam kemelesetan maka pertumbuhan ekonomi dalam tahun 2000 akan turut terjejas.

Kelima, wujud ketidaksejajaran di antara pertumbuhan ekonomi benar dengan pemulihan pasaran saham membayangkan modal jangka pendek dan *hot money* dengan izin, masih menguasai ekonomi dan pasaran dikuasai oleh kegiatan spekulatif.

Oleh itu adalah bijak untuk melihat pemulihan yang berlangsung sekarang dengan pendekatan yang berhati-hati. Kepincangan dan dialog ini akan terus berlaku dan pelbagai teori dan telahan akan seterusnya dibuat oleh pakar tempatan dan juga antarabangsa.

Saya menjangkakan bahawa Belanjawan kali ini akan mengambil kira senario di dalam penyediaannya. Tetapi seperti ramalan beberapa orang pakar ekonomi ianya belanjawan yang tidak ada kelebihan atau keistimewaan mungkin kerana pilihan raya masih jauh.

Tuan Yang di-Pertua, keseluruhan pembentangan Belanjawan ini secara umumnya mendedahkan kepada satu perancangan ekonomi yang kelam-kabut dan tidak merujuk kepada satu perancangan jangka panjang atau jangka sederhana. Ini kerana kedua-dua pelan yang sedia ada iaitu, ..... *perspective plan 2* dan perancangan daripada tahun 1990 sehingga tahun 2000 dan perancangan jangka sederhana, Rancangan Malaysia Ketujuh tahun 1996 - 2000, kedua-duanya akan tamat dalam tahun 2000 ini. Sementara rangka rancangan jangka panjang seterusnya hanya akan dibentangkan tahun hadapan.

Pihak kerajaan boleh mendakwa bahawa belanjawan kali ini adalah lanjutan atau fasa terakhir kepada kedua-dua plan. Tetapi jika meneliti secara mendalam Belanjawan ini tidak lebih daripada Belanjawan politik UMNO - Barisan Nasional dalam usaha mereka mendapatkan semula pengaruh yang terhakis dalam pilihan raya yang lalu. Ianya tidak langsung memberikan gambaran ianya belanjawan untuk pertumbuhan seperti yang didakwa.

Kita juga kagum dengan peruntukan atau hairan dengan peruntukan sejumlah RM204.79 juta yang diperuntukkan kepada JAKIM, RM67.25 juta untuk Kementerian Pendidikan dan RM51.34 juta kepada Jabatan Perdana Menteri untuk aktiviti Islam. Semua ini dihapuskan oleh tindakan Kerajaan BN yang cuba memisahkan rakyat daripada institusi ulama, menekan pendidikan Islam dari peringkat tadika hingga universiti di mana kursus-kursus pendidikan Islam telah dikurangkan

Pengajian di peringkat universiti umpamanya di UiTM dikurangkan kepada enam semester kepada lima pertiga semester, mengecilkan fungsi masjid, melagakan masyarakat melalui perlantikan jawatankuasa masjid yang tidak demokratik, melabel gerakan Islam sebagai fanatik, memperkecilkan hasrat rakyat untuk menjuruskan anak mereka dalam jurusan agama, menghalang kuliah-kuliah dan majlis ilmu semata-mata kerana dimakmurkan oleh parti pembangkang kononnya, mengugut untuk mendakwa pemimpin parti pembangkang yang melaksanakan tugas dakwah dan bermacam-macam lagi kerenah pemimpin Barisan Nasional.

Ada juga pemimpin tertinggi UMNO yang berlagak sebagai ulama dan memberikan fatwa-fatwa termasuk mengenai dengan solat, fatwa-fatwa yang

mengelirukan, menggunakan akal semata-mata untuk mempertikaikan hukum syarak dan perintah yang termaktub dalam Al-Quran dan al-sunnah. Sebahagian daripada hujah pemimpin UMNO ini adalah sama dengan pandangan kumpulan antihadis yang sepanjang zaman mahu meruntuhkan akidah umat Islam.

Saya mencadangkan supaya peruntukan khas disediakan kepada JAKIM untuk memulihkan akidah kumpulan antihadis ini serta mana-mana pemimpin negara yang sehaluan dengan mereka. Kami tidak dapat menerima sebarang tindakan yang meng*sabotaj*kan Islam.

**Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Ketua Pembangkang hendak tanya sedikit, sunyi ya.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan kepada JAKIM tahun ini cukup tinggi diberi dan kita minta Yang Berhormat Ketua Pembangkang setuju atau tidak JAKIM mengendalikan kursus terutama sekali kepada mereka yang diisytiharkan menyeleweng oleh Majlis Fatwa, di antaranya kumpulan antihadis.

Dalam ucapan pemimpin antihadis ini, pemimpin Jemaah Al-Quran yang berucap dalam mesyuarat agung mereka, mereka mengatakan bahawa pertubuhan mereka dilindungi oleh Perdana Menteri iaitu, Majlis Fatwa isytihar Jemaah Al-Quran ini menyeleweng. Presidennya, Pengerusinya kata, ia dilindungi oleh Perdana Menteri sebab itulah mereka tidak ditahan di bawah ISA, tidak seperti orang-orang yang dituduh syiah dan sebagainya - sekarang tiga orang dalam ISA yang telah ditahan begitu banyak dahulunya. Ertinya, apakah orang Jemaah Al-Quran ini perlu, yang telah difatwakan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dididik oleh JAKIM di Pusat Pemulihan Akidah atau di lain-lain kursus dan juga orang yang melindungi Jemaah Al-Quran ini perlu juga diberi kursus oleh JAKIM supaya tidak melindungi satu pertubuhan yang telah difatwakan oleh Majlis Fatwa sebagai “sesat”, minta ulasan Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Memang saya telah mencadangkan dan saya sendiri pun membaca ucapan Kassim Ahmad ini iaitu, Pengerusi Pertubuhan Al-Quran yang mendakwa mereka mendukung Al-Quran, sebenarnya apabila mana-mana kumpulan yang menolak hadis Rasulullah s.a.w bererti mereka juga menolak Al-Quran. Janganlah mereka cuba

hendak menipu, memperdayakan diri mereka dan memperdayakan orang lain. Saya sangat terkejut apabila membaca ucapan itu dan mendapati bahawa pengerusinya mengakui bahawa mereka mendapat perlindungan daripada Perdana Menteri. Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya JAKIM mestilah dibekalkan dengan tokoh-tokoh Islam yang lebih berwibawa, yang mampu untuk memulihkan akidah kumpulan-kumpulan yang menyeleweng, ini juga boleh memulihkan akidah mereka yang mendukung atau memberi perlindungan atau menyokong kumpulan-kumpulan yang sesat dan menyeleweng ini tanpa mengira kedudukan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menerima sebarang tindakan yang dianggap sebagai satu *sabotaj* kepada Islam. Jika BN serius, kita mahu mencadangkan sebahagian peruntukan di atas dijadikan sebagai biasiswa untuk menghantar anak-anak kita ke institusi pengajian Islam seperti Al-Azhar di Mesir, Madinah, Saudi Arabia ataupun universiti-universiti di Jordan dan sebagainya. Janganlah kita meragui masa hadapan lulusan agama ini dan sebagai mata rantai dakwah Islam, mereka mempunyai tugas berat dan penting.

Kami kesal dengan tindakan kerajaan dan menghasut pentadbiran Universiti Al-Azhar untuk tidak menerima kemasukan pelajar Malaysia melainkan mereka yang mempunyai kelulusan Sijil Tinggi Agama Malaysia sahaja, [*Tepuk*] satu peperiksaan yang dikendalikan oleh kerajaan. Sebelum ini pelajar kita dapat memasuki Al-Azhar berbekalkan pelbagai sijil yang diiktiraf. BA sentiasa mahukan pembangunan seimbang dan tidak hanya cenderung kepada pembangunan fizikal semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pergi lebih lanjut, saya minta JAKIM dan masyarakat Islam negara ini melihat satu pelanggaran terhadap Islam yang berlaku dalam keghairahan sebahagian kita mencari keuntungan.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]:** Yang Berhormat Ketua Pembangkang, minta penjelasan sedikit. Saya kurang jelas yang sebenarnya, apakah alasan kerajaan menghadkan mana-mana pelajar aliran agama yang akan ke Al-Azhar mesti hanya mendapat kelulusan STAM sahaja dan tidak sijil-sijil yang lain. Walhal, sijil-sijil yang lain itu yang dikendalikan oleh pihak-pihak negeri yang sudah sekian lama, berpuluh-puluh tahun telah diluluskan oleh pihak Al-Azhar dan mana-mana universiti terkemuka Islam dunia telah melahirkan tokoh-tokoh agama seperti

Ketua Pembangkang sendiri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan dan juga 'Yang Amat Berhormat Menteri Agama' di Jabatan Perdana Menteri sendiri. Apakah alasan hanya STAM sahaja, apakah ada rahsia-rahsia di sebalik STAM itu? Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jeli. Pada hemat saya tidak ada alasan selain daripada hendak menyempit peluang pelajar-pelajar agama dari sekolah-sekolah agama rakyat dan sekolah-sekolah agama yang dikendalikan oleh negeri-negeri untuk menyambung pengajian mereka di peringkat yang lebih tinggi dalam Universiti Al-Azhar, yang merupakan universiti yang tertua, bukan sahaja di dunia Islam tetapi di dunia ini.

Kita juga mendapat penjelasan dari pihak Universiti Al-Azhar sebenarnya satu perjanjian telah ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan dengan Kerajaan Mesir oleh Kementerian Pendidikan di sana yang membatasi kelayakan untuk memasuki ke Universiti Al-Azhar hanyalah bagi mereka yang memegang Sijil Tinggi Pelajaran Agama yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan sahaja. Dengan itu kita tidak bersetuju dengan langkah ini kerana terdapat sekolah-sekolah agama yang dikendalikan oleh kerajaan-kerajaan negeri yang telah pun mendapat pengiktirafan Al-Azhar sejak berpuluh-puluh tahun bahkan adanya di antara sijil-sijil itu yang mendapat pengiktirafan oleh Universiti Al-Azhar sebelum wujudnya Kementerian Pendidikan dan sebelum negara kita merdeka. Tetapi telah....*[disampuk]*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang.

Saya ingin penjelasan kerana kita tidak boleh hendak membuat tuduhan melulu di Parlimen ini melainkan lebih baik kita membuat penjelasan supaya semua pihak faham. STAM ini ialah Sijil Tinggi Agama Malaysia ini ialah untuk menyelaraskan kelulusan-kelulusan pelajaran agama di Malaysia yang hendak melanjutkan pelajaran ke universiti kerana tidak mahu seperti yang ada pada hari ini bertelingkah antara satu dengan lain dan yang lebih hendak dititikberatkan ialah

kerana kelemahan Bahasa Arab Bahasa Arab yang lemah yang dimiliki oleh pehjar-pelajar kita iaitu, menyebabkan supaya diselaraskan semua sijil ini untuk menentukan ia punya kelayakan hendak menduduki Universiti Al-Azhar. Jadi, itu sebabnya STAM ini menjadi salah satu sebab untuk kita menghantar pelajar-pelajar kita ke universiti, jadi saya ingin penjelasan. Apakah penjelasan ini tidak baik?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sejak tahun lalu lagi saya mengatakan bahawa kita tidak menentang sijil STAM ini. Tetapi yang kita tentang ialah usaha, tindakan untuk mempengaruhi Universiti Al-Azhar untuk membatalkan pengiktirafannya terhadap sijil-sijil yang telah sedia diiktiraf.

Persoalan mengenai dengan kelemahan Bahasa Arab, kewujudan sijil STAM ini juga tidak menjamin penguasaan Bahasa Arab yang baik yang akan dicapai oleh pelajar-pelajar yang mengambil Sijil Tinggi STAM ini. Kamu boleh mengeluarkan sijil kamu sendiri tetapi jangan menghalang sijil ini dikeluarkan bahkan yang telah sedia diakui dan diiktiraf sejak berpuluh-puluh tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pergi lebih lanjut, saya minta JAKIM dan masyarakat Islam negara ini melihat satu pelanggaran terhadap Islam yang berlaku terhadap keghairahan sebahagian kita mencari keuntungan. Saya tidak mahu mengulang pendedahan tentang tokoh ternama Melayu yang mempengerusikan syarikat-syarikat judi seperti Magnum Corporation dan Genting Berhad kerana saya yakin semua sudah tahu.

Saya ingin mendedahkan perihal syarikat-syarikat di mana Permodalan Nasional Berhad (PNB) merupakan pemegang saham terbesarnya terlibat melabur dalam syarikat yang aktiviti bertentangan dengan Islam. Begitu juga saham amanah lain dan juga Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan KWSP. Sebagai contoh Syarikat Hup Seng Consolidated Berhad di mana PNB memegang 12.56 peratus sahamnya adalah pemegang 25.7 peratus saham Carlsberg Brewery Malaysia Berhad. KWSP juga mempunyai hampir RM8 juta saham atau 1.12 peratus saham Genting Berhad. Saham Amanah Sabah pula melabur dalam Repco Holding Berhad yang juga merupakan syarikat judi. Lembaga Tabung Angkatan Tentera pula melabur lebih RM62 juta saham dalam Resort World Berhad sebuah lagi syarikat judi.

Sebagaimana yang kita tahu semuanya dalam perbahasan mengenai dengan Akta Rumah Terbuka Judi, Dewan ini telah mendengar pandangan-pandangan dari wakil-wakil pelbagai kaum, walaupun mereka tidak mewakili kaum tetapi mencerminkan yang menyatakan bahawa tidak ada kaum dalam negara ini menjadikan judi sebagai budaya mereka.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Yang Berhormat Ketua Pembangkang minta penjelasan sedikit. Kita perhatikan bahawa di dalam belanjawan ini, bahawa kerajaan telah pun meningkatkan cukai bagi rokok dan juga bagi arak, umpamanya minuman keras daripada 20% kepada 25% dan kerajaan juga mengakui bahawa belia-belua negara rosak disebabkan oleh pusat-pusat snooker dan pusat-pusat video dan telah mengharamkan pusat-pusat snooker dan pusat-pusat video baru-baru ini yakni setelah sepuluh tahun Kerajaan PAS Kelantan mengharamkan pusat-pusat snooker dan pusat-pusat video. Tetapi kita lihat bahawa kerajaan tidak menunjuk minat untuk mengurangkan aktiviti-aktiviti perjudian di dalam belanjawan ini. Apakah dan sebab apakah kerajaan bagi pandangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang memikirkan bahawa judi tidak memberi apa-apa kesan kepada belia-belua negara. Minta penjelasan Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih Yang Berhormat dari Jeli. Inilah menunjukkan sikap keragu-raguan UMNO dan Barisan Nasional. Dalam peribahasa Arab mengatakan orang yang sebelah kakinya melangkah ke hadapan dan sebelah lagi melangkah ke belakang, tidak mempunyai pendirian yang jelas, sikap yang tegas. Satu ketika mereka bimbang dengan gejala sosial yang berlaku, satu ketika mereka merangsangkan faktor-faktor yang membawa kepada berlakunya gejala sosial.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sipitang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya memang mendengar ucapan Yang Berhormat daripada Pendang, Ketua Pembangkang dan kita hormati kenyataan beliau, apa-apa cadangan itu memang baik, tetapi apakah Yang Berhormat juga sedar bahawa di Terengganu baru-baru ini masih lagi membenarkan penjualan arak. Di negeri Terengganu lesen arak dikeluarkan

apakah juga Kerajaan Negeri Terengganu tidak mendapat saham daripada lesen arak tersebut?

Lepas itu pula, Kerajaan Terengganu pula mengalu-alukan kaum Cina memelihara babi di Terengganu, apakah juga saham daripada Kerajaan Terengganu?

Jadi, saya ingat tuduhan Yang Berhormat itu kalau begitu, PAS juga kaki ke depan sebelah, kaki belakang sebelah, jadi, tidak ada beza.

Kita mestilah peka dengan keadaan berbilang kaum, berbilang agama yang ada di negara ini dan kita mesti sensitif dengan keadaan ini. Apakah Kerajaan Terengganu bercadang untuk menghapuskan segala undang-undang dan mengharamkan segala yang berbentuk tidak halal dari segi Islam di negeri Terengganu dan juga Kelantan itu sendiri, saya minta penjelasan. Banyak lagi, kalau saya hendak cakap Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan juga Yang Berhormat bagi Sipitang. Kita kerajaan yang didukung oleh PAS atau Barisan Alternatif di Terengganu dan di Kelantan. Kita mengasaskan pembangunan kita kepada prinsip-prinsip Islam. Kita akan membenarkan kepada rakyat apa yang dibenarkan oleh Islam. Oleh kerana Islam membenarkan orang-orang yang bukan Islam mengamalkan apa-apa amalan atau budaya yang dibenarkan oleh agama mereka dan Islam melarang kita mengganggu apa-apa amalan yang dilakukan oleh penganut-penganut agama lain selama ianya tidak menyinggung ketenteraman awam. Maka kita membenarkan, Terengganu dan Kelantan membenarkan penjualan arak untuk orang-orang yang bukan Islam di kalangan mereka dengan menghadkan jumlah premis yang tertentu sesuai dengan bilangan jumlah penduduk yang bukan Islam di Terengganu dan tidak ada sebarang premis judi yang dibenarkan di Kelantan dan di Terengganu, tidak seperti Barisan Nasional yang mengaut keuntungan beribu-ribu juta daripada judi dan arak. Ini perbezaan.

Umpamanya mengenai dengan judi. Kita telah mendengar perbahasan dalam Dewan ini wakil daripada Sabah, bukan Islam, wakil dari kawasan Gaya, wakil daripada yang mewakili MCA dalam Dewan ini, Gelang Patah, wakil daripada Bagan yang mewakili DAP semuanya bercakap bahawa judi bukan budaya mana-mana kaum termasuk bukan oleh orang-orang Cina, [*Tepuk*] mereka tidak mempertahankan

amalan judi, bahkan mereka menuntut supaya judi dihapuskan sama sekali [Disampuk] melainkan UMNO, [Tepuk] wakil rakyat daripada Arau, seorang wanita UMNO, rupanya dalam UMNO ini wanita pun bermain judi juga. [Tepuk]

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Yang Berhormat mohon penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, hendak beri jalan ya?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Ya.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Okay, terima kasih. Sebagai orang tua dalam Dewan ini, saya ingat adalah tidak elok menuduh dengan perasaan marah menuduh wanita UMNO main judi. Kalau ada wanita yang tidak main judi, berdosa Yang Berhormat, ini tuduhan tidak baik, ceritalah, tetapi jangan tuduh kepada wanita. Kalau wanita itu tidak main, apa kata Yang Berhormat sebagai orang alim menuduh sedemikian rupa. Terima kasih.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Ini bukan tuduhan, ini adalah kenyataan, ada dalam *Hansard* Parlimen, wakil rakyat dari Ahli Parlimen Arau yang mempertahankan judi dengan mengatakan, ini kita menghormati budaya kaum, macam juga apa yang disebutkan oleh wakil Sipitang tadi. Ini bukan tuduhan. Jadi, wanita UMNO juga mempertahankan judi.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, itu perbahasan. Tuduh berucap dalam Dewan dengan tuduh orang main judi, jauh bezanya. Kalau tuduh orang main judi, maknanya dia tuduh Ahli Parlimen daripada Arau itu main judi.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Wanita UMNO mempertahankan judi.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Cakap umumnya, tidak ada benda, ini menuduh wanita UMNO. Arau itu menegur bukan maknanya dia main judi. Dia berucap dalam Dewan ini, sama juga dengan Yang Berhormat, bercakap dalam Dewan ini saha ja.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya bukan mengatakan dia main judi.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Tadi Yang Berhormat cakap Arau itu tadi. Itu kata saya Yang Berhormat, cakap itu baik-baik.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, wakil daripada Arau mempertahankan judi, mempertahankan amalan judi di atas alasan ianya merupakan budaya pelbagai kaum atau kaum-kaum yang lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Dan telah dinafikan oleh wakil-wakil yang bukan Melayu dan bukan Islam dan bukan bumiputera yang berucap untuk menolak judi sebagai satu budaya mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sipitang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Jadi, saya katakan bahawa rupanya dalam UMNO ini wanitanya pun mempertahankan judi kalau pun, saya tidak mengatakan wakil Arau itu berjudi.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Mempertahankan dengan main judi – lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Sipitang bangun, hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Ya, saya sudah beri kepada dia tadi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Sri Gading?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Pun samalah juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Sebenarnya banyak lagi yang boleh didedahkan tetapi apa yang saya hendak sebutkan ialah kita tidak mahu pelabur-pelabur dari kalangan umat Islam teraniaya dengan pelaburan mereka dalam saham amanah ...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Minta sedikit laluan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ... atau simpanan mereka dalam tabung ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tabung Angkatan Tentera dan KWSP terlibat dalam pelaburan yang haram. Pengiktirafan terhadap kerja kuat sektor awam

yang bersedia berdikit-dikit semasa negara susah, tanpa mengurangkan prestasi kerja mereka.

Saya ingin bertanya kepada umat Islam yang melabur sama ada mereka mahu mendapat hasil daripada aktiviti perjudian atau arak. Bagaimana kita mahu mendapatkan keberkatan apabila aktiviti kita dicemari oleh kegiatan haram. Perkara ini mesti dihentikan segera. JAKIM perlu berani bertindak.

Tuan Yang di-Pertua, jika belanjawan asal 2000 yang dibentangkan pada Oktober 1999 adalah belanjawan persediaan pilihan raya bagi BN, belanjawan kali ini adalah belanjawan balas dendam. Ini amat mudah disaksikan apabila Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan dalam ulasan mereka selepas pembentangan belanjawan merasionalkan kenapa tiada bonus diberikan untuk kakitangan perkhidmatan awam.

Mereka mengatakan bahawa kenaikan gaji 10% tahun lalu adalah lebih tinggi daripada bonus sebulan. Ini adalah kenyataan yang mengelirukan serta menggambarkan ketidakikhlasan pemimpin negara, apakah mereka tidak dapat membezakan antara kenaikan gaji dengan bonus.

Adakah asas pemberian bonus dan kenaikan gaji itu sama pada anggapan mereka. Tidakkah mereka peduli untuk memahami bahawa kenaikan gaji berkait dengan kos hidup yang sentiasa meningkat sementara bonus adalah bentuk pengiktirafan terhadap kerja kuat sektor awam yang bersedia berdikit-dikit semasa negara susah, tanpa mengurangkan prestasi kerja mereka. Tidakkah kakitangan awam menjadi tulang belakang kepada apa yang dikatakan sebagai pemulihan ekonomi Malaysia, tentunya mereka layak menerima bonus.

Kesatuan-kesatuan sekerja dalam perkhidmatan awam harus bangkit bersuara mempertikaikan permainan kata-kata pemimpin BN ini, kami melihat sikap kebudak-budakan pemimpin BN ini adalah cara mereka menunjukkan rasa marah terhadap kakitangan awam yang telah menggunakan platform demokrasi menyokong parti yang mereka suka dalam pilihan raya yang lalu.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kerajaan mengiktiraf sumbangan kakitangan awam yang cukup hebat semasa tempoh kegawatan ekonomi lalu dan memberikan mereka bonus sebagaimana yang dituntut oleh kesatuan sekerja,

MTUC sekurang-kurangnya satu bulan gaji ataupun yang dituntut oleh MTUC sebanyak dua bulan gaji dengan jumlah minimumnya RM1,000. [*Tepuk*]

Antara yang ketara sifat balas dendam kerajaan ialah tiadanya pemotongan cukai korporat seperti yang disebut-sebut sebelum ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Sipitang bangun Yang Berhormat, boleh beri jalan atau tidak?

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, hanya ingin bertanya sahaja. Kalau boleh, kerana kita memang menghargai.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Ya.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Ingin tanya sahaja Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ketua Pembangkang yang memberi laluan. Kita memang menghargai tugas-tugas pegawai kerajaan dan sebagainya. Kita memang menghargai, mereka memang telah menjalankan tugas baik sehingga negara kita maju dan merekalah penggerak menuju Wawasan 2020. Tanpa ada komitmen daripada pegawai kerajaan ini memang sukar untuk kita mencapai hala tuju ini dan sebab itulah baru-baru ini kerajaan menaikkan 10% dan bonus tidak diberi disebabkan telah diberi ganti 10% sebagai kenaikan gaji itu.

Saya tidak tahulah ini, tahun akan datang barangkali ada bonus. Kalau kerajaan PAS sayangkan pegawai kerajaan negeri berilah kepada negeri Kelantan dan Terengganu bonus dahulu, 20%, 30%, 40% terpulang kepada mereka untuk membantu. Jadi kita yang lain kita...

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, nampaknya sahabat saya Yang Berhormat bagi Sipitang sama fikirannya dengan Menteri Kewangan. Tidak memahami status bonus dan kenaikan gaji.

Saya telah sebutkan tadi antara yang ketara sifat balas dendam kerajaan ialah tiadanya pemotongan cukai korporat seperti yang disebut-sebutkan sebelum ini. Apakah kerajaan juga marah dengan kumpulan-kumpulan peniaga yang dilihat sudah mula cenderung ke pada Barisan Alternatif dalam pilihan raya yang lalu.

Jika Barisan Nasional bersikap *gentleman* dan percaya dengan sistem demokrasi yang selama ini telah mengurniakan mereka kuasa, mereka juga harus

bersedia untuk menerima hukuman rakyat melalui sistem yang sama apabila mereka menyeleweng. Kita melihat tingkah laku sumbang dan balas dendam Barisan Nasional ini juga berlaku di negeri Terengganu. Menteri Kewangan cuba berbohong dalam Parlimen ini apabila menyamakan royalti minyak....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat perkataan bohong itu adalah *unparliamentary* Yang Berhormat, minta tarik balik Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya kata "cuba" Tuan Yang di-Pertua. "Cuba" pun tidak boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat perkataan itu *unparliamentary* Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Cuba mengelirukan Parlimen

**Tuan Yang di-Pertua:** Perkataan itu serupa Yang Berhormat. Minta cuba jangan menggunakan perkataan "bohong" ataupun "menipu" itu. Saya mintalah.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** "Mengelirukan" boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya boleh.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya menggunakan perkataan "mengelirukan".

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta tarik balik perkataan tadi Yang Berhormat. Minta tarik balik perkataan tadi Yang Berhormat ya.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tidak apalah bagi menghormati Tuan Yang di-Pertua saya tariklah.

Menteri kewangan telah cuba untuk mengelirukan Parlimen apabila menyamakan royalti minyak kepunyaan Terengganu dengan ihsan yang entah dari mana datangnya. Ihsan itu pun tidak diberikan tafsiran yang tepat. Perkara ihsan adalah perkataan 'Islam'.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tidak apa, saya beri sekali lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang. Yang Berhormat Menteri Kewangan jelas telah menyatakan pada 27 hari bulan, kalau masih ada rasa keraguan, tidak puas hati bawalah perkara ini ke mahkamah, habislah kisah. Mahkamah boleh memutuskan. Jadi lebih baiklah. Ini adalah satu permintaan daripada Menteri Kewangan untuk menjelaskan segala kekeliruan jikalau berbangkit. Jadi bawa ke mahkamah selesai masalah itu sahaja. Terima kasih. Setuju tak Yang Berhormat Ketua Pembangkang bawa ke mahkamah.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** Mahkamah, 'mahkamah Ahmad Nispu'.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jangan jadikan isu politik.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak perlu melayan, kerana itu soal yang lain.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Ketua Pembangkang tolong layan saya.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tidak perlu kita bincang.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Minta layan Kuala Kedah sedikit. Tuan Yang di-Pertua, Parlimen tempat orang kata *the highest body* untuk membuat undang-undang dan sebagainya. Oleh itu bercakap di Parlimen ini kena menghormati orang-orang yang terdahulu. Kalau dia ubah yang dahulu, ertinya bercakap tidak betul ataupun dalam bahasa yang lain bohong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Perkataan Yang Berhormat itu.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tidak betul, bercakap tidak betul. Misalnya Ketua Pembangkang Lim Kit Siang meminta Perdana Menteri menyatakan sama ada semua negeri di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah telah menandatangani perjanjian dengan Petronas untuk mencari gali minyak sepanjang pantai, sama ada perjanjian tersebut mengandungi apa-apa syarat ataupun kepentingan bersama, nyatakan juga keuntungan bersama yang akan diterima oleh setiap negeri. Jawab Perdana Menteri. Ini bukan *backbancher* ya, Perdana Menteri. Perdana Menteri ini bernama Allahyarham Tun Abdul Razak.

Tuan Yang di-Pertua, semua negeri di Malaysia melainkan Sabah dan Selangor telah menandatangani perjanjian dengan Petronas sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Kemajuan Petroleum 1974. Saya diberitahu, Kerajaan

Negeri di Selangor pun telah bersetuju menandatangani perjanjian ini. Mengikut perjanjian itu tiap-tiap negeri akan menerima 5% daripada nilai petroleum yang dijumpai, diperolehi negeri masing-masing sama ada diperolehi dalam kawasan perairan atau di luar perairan negeri tersebut yang dijual oleh Petronas atau agen-agen atau kontraktor-kontraktornya. Adakah Tun Abdul Razak bohong, Menteri Kewangan bohong?.

**Seorang Ahli Pembangkang:** Ha jawab. *[Tepuk]*

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Jadi ini Parlimen Tuan Yang di-Pertua, kalau Perdana Menteri yang berwibawa begitu telah bercakap iaitu 5% , sedangkan Menteri Kewangan sendiri menafikan, kena buat pindaan Akta Petroleum untuk menarik balik 5% itu, kalau tidak *Hansard* ini kita buang semua dalam parit dan Parlimen ini tidak guna bersidang, tempat bohong. *[Tepuk]*. Jadi minta Ketua Pembangkang ulas, sekarang perkataan bohong saya tarik dan saya gunakan perkataan menipu. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya sila.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Memang kita mempunyai himpunan-himpunan *Hansard* Parlimen yang membincangkan mengenai dengan isu royalti dan isu petroleum di dalam Parlimen ini. Tidak ada sebutan dalam perbahasan semenjak tahun 1980, 1982 dan seterusnya , yang menyebutkan perkataan ihsan dalam perbahasan ini. Jadi ini satu putar belit yang dilakukan oleh Menteri Kewangan. Putar belit tidak boleh Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Untuk melayan sedikit daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi, soal ....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Sekejap, hendak jawab Yang Berhormat bagi Sri Gading. Bukan tidak boleh Terengganu membawa kes ini ke mahkamah, memang boleh tetapi apa yang dibimbangi kalau-kalau nanti Menteri Kewangan dipanggil menjadi saksi, dia berdolak dalik dan tidak akan pergi ke mahkamah.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** Ya [*Ketawa*]

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Ini sudah berlaku dalam kes Dato' Seri Anwar Ibrahim, bila Perdana Menteri...

**Beberapa Ahli Pembangkang:** Ya, [*Tepuk*]

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Dan beberapa orang menteri dipanggil untuk memberi saksi, mereka berdolak-dalik meminta mahkamah menyatakan mereka tidak perlu menjadi saksi.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** Ya [*Tepuk*]

**Seorang Ahli:** Takut

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Boleh minta laluan sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya hendak beri jalan tidak.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tidak pernah tanya lagi ini. Pertama kali hendak bertanya Ketua Pembangkang.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Oleh kerana dia tidak bertanya lagi jadi tidak apalah.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasihlah. Tadi Ketua Pembangkang ada mengatakan tidak perlu perkara ini dibawa ke mahkamah. Saya hendak bertanya, adakah PAS takut hendak membawa perkara ini ke mahkamah.

**Puan Chong Eng:** [*Menyampuk*]

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** No, no yang lain jangan campur. Hendak bangun. Saya cuma hendak tanya itu sahaja. Adakah takut dengan kenyataan untuk membawa perkara ini ke mahkamah. Itu sahaja. Takut kalah kah? Jadi minta penjelasan. Janganlah Ketua Pembangkang kata tidak perlu dijawab. Kita menghormati Ketua Pembangkang sebagai contoh, *role model* di Parlimen ini. Terima kasih

**Dato' Haji Fadzil bin Md.Noor:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Tuan Yang di-Pertua soal mahkamah ini saya tidaklah hendak menyebutkan dalam Parlimen ini untuk menambah buruk lagi imej mahkamah dalam negara kita. Kerana dunia semua mengetahui tentang kebebasan kehakiman, kebebasan sistem keadilan

yang berlaku dalam negara kita. Bukan sahaja rakyat Malaysia yang melihat dengan pandangan yang tidak yakin tetapi masyarakat antarabangsa juga terutama di kalangan pengamal-pengamal undang-undang juga mengkritik dengan sistem perundangan yang berlaku dalam negara kita.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini saya ingat kena hati-hati sedikit Ketua Pembangkang ini kita...

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Yang di-Pertua, pohon penjelasan.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Itu pandangan tentang institusi kehakiman. Saya rasa kita jangan bawa institusi kehakiman ke mari. Ini mungkin dianggap kita membuat satu pandangan yang tidak begitu baik untuk mahkamah.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini hendak jaga Ketua Pembangkang kamu ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya belum beri jalan Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Rompin sudah bangun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya tidak beri jalan kepada Yang Berhormat bagi Rompin. Siapa suruh dia bercakap pandai-pandai.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Yang di-Pertua, pohon penjelasan.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya ada yang bangun di belakang.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Peraturan mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** 36(6) seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas seseorang ahli lain. Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi telah mengeluarkan sangkaan jahat kepada Menteri Kewangan yang membuat *presumption* bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan nanti tidak akan menghormati perintah mahkamah kalau kes ini dibawa ke mahkamah. Ini satu sangkaan jahat. Berbalik kepada kes-kes yang lepas Tuan Yang di-Pertua pun sedia

maklum prosedur kita hendak sapina seorang saksi, ada peraturan-peraturan tertentu. Jadi ini harus ditarik balik. Tidak boleh menganggap bahawa Ahli-ahli Parlimen tidak mahu menghormati keputusan mahkamah. Ini sangkaan jahat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Yang Berhormat bagi Tumpat tadi.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Pohon penjelasan. Yang Berhormat Ketua Pembangkang menyebut dalam menjawab soalan tadi berkaitan dengan sistem kehakiman. Saya pohon penjelasan dan pandangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang mengenai satu laporan yang kita ada yang merujuk kepada suatu kajian yang dibuat oleh sebuah badan di Hong Kong yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru sahaja pergi.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] *mempengerusikan mesyuarat*]

Yang menyatakan mengikut laporan oleh *Political and Economic Risk Consultancy* bahawa tempat Malaysia dari segi keyakinan dunia pedagang kepada sistem kehakiman dan hakim-hakim kita, jatuh kepada nombor lapan. Nombor satu Singapura, nombor dua Jepun, nombor tiga Hong Kong, nombor empat Taiwan, nombor lima Filipina, nombor enam Thailand, nombor tujuh Korea Selatan, nombor lapan Malaysia dan apakah pandangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang, kenyataan Yang Berhormat Dato' Megat Najmuddin, *President for Federation of Public Listed Company* yang mengatakan bahawa *the country needs better judges to counter low confident in its legal system*. Negara ini memerlukan hakim-hakim yang lebih baik untuk meyakinkan dunia perdagangan akan sistem kehakiman negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, perkara 36(8). Yang Berhormat bagi Tumpat ini cuba hendak mengalihkan perhatian. Ini 36(8).

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti dia jelaskan.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** 36(8) Tumpat cuba hendak mengalihkan ini kepada yang lain. Cuba baca 36(8), kita tidak boleh

menyentuh tentang sifat-sifat di bawah itu Yang di-Pertuan Agong, Raja-raja Melayu. Tuan Yang di-Pertua, Yang di-Pertuan Negeri ataupun hakim-hakim. Kita tidak boleh menyentuh sifat hakim-hakim. Yang Berhormat bagi Tumpat cuba membawa kepada perkara yang lain. Ini saya kalau boleh beralih kepada perkara yang dikatakan sekarang. Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apa Yang Berhormat duduk.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kita tidak hendak menyentuh dalam Dewan yang mulia ini, institusi Parlimen tidak boleh mempersoalkan institusi yang lain. Jangan Yang Berhormat bagi Tumpat hendak membawa perkara yang lain. Ini bukan ceramah di luar. Ini Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk-duduk Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ini disebabkan oleh kerana wakil Yang Berhormat bagi Sri Gading mencabar Kerajaan Negeri Terengganu untuk membawa kes ini ke mahkamah. Jadi persoalan mahkamah harus diperjelaskan, mengikut pandangan bukan sahaja seorang tetapi pandangan berbagai pihak dan saya bersetuju.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Satu lagi, jawab sekalilah. Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang jaga undang-undang. Beliau buat Ph.D di antaranya mempertikaikan sistem kehakiman di Malaysia dikuasai oleh eksekutif.

**Seorang Ahli:** Betul.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Adakah kerajaan bersetuju pecat menteri itu. Kerana dia menjadi menteri undang-undang sedangkan dia kata bahawa di Malaysia ini eksekutif yang menguasai kehakiman. Kamilah yang menjadikan bukunya itu, bahan ceramah di seluruh negara. Kami yang tidak tahu undang-undang baca buku Dr. Rais Yatim untuk memahami undang-undang bagaimana eksekutif menguasai kerajaan.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk][Tepuk]*

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Sekarang pecat menteri itu setuju atau tidak. Minta Perdana Menteri pecat dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini bukan kuasa kita, tidak payahlah.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh wakil Yang Berhormat bagi Tumpat dan juga Yang Berhormat bagi Kuala Kedah berhubung dengan sikap berubah-ubah Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang ditugaskan untuk menjaga hal-hal undang-undang. Beliau ini memang berubah-ubah bukan sahaja dari pandangan dan sikap tetapi juga dari segi platformnya, berubah-ubah. Orang yang seperti ini, orang yang tidak berprinsip seperti ini tidak boleh diambil kira. Memang saya telah menyentuh soal buku yang ditulis oleh beliau, tesisnya itu dalam ucapan yang lalu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Tanjung Karang.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Fadzil bin Md.Noor:** Saya tidak beri jalan.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Bolehlah, sekali sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak beri Yang Berhormat.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Sekali sahaja, last selepas ini sudah tidak kacau lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak beri Yang Berhormat.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Tolong sekali sahaja

**Beberapa Ahli:** *[Sorak] [Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak beri Yang Berhormat.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Ini sebab kita ada bukti ini. Minta penjelasan ini. Hendak minta bukti ini. Hendak minta penerangan sahaja ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak beri, berilah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Ini dalam surat khabar ini, saya hendak bertanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak beri jalan.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Hendak minta penjelasan ini.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Berilah, bagi dia puas hati.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha dia beri.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih. Saya hendak tanya pendapat daripada pihak pembangkang. Adakah pembangkang ini dia lebih percaya kepada mahkamah ataupun dia lebih percaya kepada fitnah. Ini dua perkara. Saya hendak baca ini ya kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Marang dalam surat khabar Islah, ini bukan surat khabar UMNO, surat khabar pembangkang. Saya hendak baca ini. Tajuk dia, guna royalti minyak langgan perempuan. Dia beritahu di sini, saya ambil antaranya, kerja mereka cukup memalukan. Wang hasil royalti minyak itu digunakan untuk perempuan, minum arak dan melakukan maksiat. Kita ada bukti nyata tentang hal ini, katanya sambil mengingatkan bahawa ada bukti 'berlori-lori' tentang penyelewengan pemimpin-pemimpin terdahulu.

Jadi kalau betul PAS ada bukti, mengapa tidak bawa ke mahkamah. Adakah PAS lebih suka menaburkan fitnah seperti ini. Menuduh pemimpin dahulu menggunakan wang untuk maksiat dan perempuan di dalam surat khabar tanpa memberikan bukti-bukti yang kukuh. Kita sedia maklum, bukti yang kukuh ini kena ada di mahkamah. Kalau macam ini memang saya tidak hairan. Memang tabiat dan perangai pembangkang suka menaburkan fitnah. Yang mana lebih baik, sama ada kita membawa kes ini ke mahkamah ataupun berterusan menaburkan fitnah di kalangan rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat jawab dahulu.

**Seorang Ahli:** Siapa hendak jawab

**Tuan Mustafa bin Ali:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebut sebagai fitnah itu bukan fitnah, kita mempunyai proof, ada puncanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini tidak mahu, ini tidak mahu Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak boleh jawab. Itu

menjawab tuduhan dia sebab itu saya tidak bagi. *[Ketawa]*. Sekarang ini di antara Tanjong Karang dengan Pendang. Jadi Pendang hendak jawab, jawablah kalau tidak hendak jawab, awak orang berdiri minta penjelasan.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih Yang Berhormat, saya percaya bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu membuat kenyataan itu sudah tentu beliau mempunyai bukti yang cukup kukuh dan insya -Allah akan sampai masanya untuk Yang Berhormat Tanjong Karang akan mengetahui bukti-bukti itu. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Tumpat minta lagi.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Saya pohon penjelasan dari Ketua Pembangkang adakah Ketua Pembangkang sedar bahawa dari segi membawa kes ini kepada mahkamah seperti yang dirujuk oleh Tanjong Karang itu adalah tugas orang yang kena tuduh atau merasakan mereka yang kena tuduh ataupun kalau kes itu kes jenayah oleh pihak Peguam Negara dan bukannya pihak yang mengeluarkan kenyataan yang dikaitkan dan dibaca oleh Yang Berhormat tadi.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Ya, memang Tuan Yang di-Pertua bahawa undang-undang menentukan bahawa kes-kes jenayah hanya Peguam Negara sahaja yang berhak untuk membawakan kes-kes itu ke mahkamah. Insya-Allah, jika penyiasatan dibuat lengkap saya rasa Kerajaan Terengganu akan mengemukakan kes itu untuk dirujuk kepada Peguam Negara untuk diambil tindakan-tindakan jika terdapat kesalahan-kesalahan jenayah dilakukan oleh pihak-pihak tertentu mengenai wang royalti minyak ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sungai Petani bangun Yang Berhormat. Hendak bagi?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Dia hendak buat apa itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak tahu dia. Dia minta penjelasan. *[Ketawa]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tidak, tidak. Minta penjelasan sedikit.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Cakaplah, bangkit berdiri sahaja siapa pun boleh bangkit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, minta penjelasan. Bagi?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sebelum kita dapat penjelasan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia belum tentu lagi bagi tidak bagi. Pendang bagi?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Bolehlah sekali sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia hendak minta penjelasan.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Minta penjelasan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tidak apalah, bagilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Silalah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Dato' Ketua Pembangkang. Banyak Dato' telah beri penjelasan begitu begini dan juga disambut oleh ahli-ahli dan disokong oleh parti pembangkang. Nampaknya kita tidak perlu lagilah putar belit sana sini mengatakan itu bawa mahkamah dia kata mahkamah nampak macam tidak betul, kata dia nampak macam tidak betul kemudian keluaranya evidence, keluaranya kata orang itu kata orang ini kata di Hong Konglah. Banyak sangat ini cerita-cerita.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, apa penjelasan yang dia hendak buat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Jadi penjelasan saya apakala sudah banyak sangat macam itu Yang Berhormat sudah bangkit, sekarang saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang apa tunggu lagi, terus sahaja, ayuh bawa ke mahkamah kes ini. *[Sorak]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ala, hak itu la sahaja pun. Mahkamah 'Ahmad Nisfu'. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, rakyat telah melihat sendiri isu perjanjian antara Petronas dengan Kerajaan Terengganu. Kita juga telah membaca sendiri isi ucapan pemimpin negara dalam Parlimen pada masa lalu yang dicatat dalam *Hansard* Parlimen yang mengakui bahawa bayaran tunai kepada Kerajaan Terengganu oleh Petronas adalah bayaran royalti. Sehingga dalam Laporan

Audit Negara mengenai dengan perjalanan kewangan Negeri Terengganu tahun 1998 Jabatan Audit Negara masih menyebut bahawa bayaran oleh Petronas itu sebagai bayaran royalti. Dalam muka 10 Jadual 8 - hasil tahun 1998 berbanding hasil 1997, Ketua Audit Negara menyebut royalti petroleum dan gas, beliau tidak menyebutkan ihsan sebagaimana disebutkan oleh Menteri Kewangan. [*Sorak*] [*Tepuk*]

Sejak bila pemimpin UMNO mendapat mimpi untuk menukar royalti kepada ihsan?

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Bukan mimpi, mamai, mamai.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Pada hal sewaktu Perdana Menteri membuat kenyataan ketika beliau pulang daripada lawatan ke Mesir menyatakan tentang wang royalti ini sebagai ihsan, Ketua Eksekutif Petronas menyatakan bahawa memang ada perjanjian bayaran royalti yang mesti dibuat oleh Petronas kepada Kerajaan Terengganu. [*Tepuk*] Bahkan dalam sepanjang budget negeri Terengganu sejak 22 tahun yang lalu, begitu juga dalam kenyataan-kenyataan rasmi oleh Ketua Audit Negara menyebutkan bayaran itu sebagai bayaran royalti dan bukan bayaran ihsan. Itu pun kerajaan tidak memahami apakah itu ihsan sebenarnya. 'Ihsan' dalam Islam ialah kamu membuat sesuatu kebaikan yang lebih melebihi daripada satu kewajipan. Itu ihsan. Bukan mengambil wang orang kemudian menaburkan balik kepada orang-orang tertentu dikatakan ini pemberian ihsan. Kalau mengikut perjanjian itu jelas bahawa 5% daripada perolehan Petronas daripada hasil petroleum dan gas adalah menjadi milik Kerajaan Negeri Terengganu sebagai satu royalti.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Yang Berhormat....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Jeli berdiri ya.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Yang Berhormat Ketua Pembangkang, minta satu soalan lagi kalau boleh, penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, hendak bagi jalan?

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Dato' Ketua Pembangkang. Bila kita meneliti *Hansard* perjalanan Parlimen yang lepas-lepas bermula daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

Malaysia yang kedua, Tun Haji Abdul Razak ayahanda kepada Menteri Pertahanan sekarang, diikuti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ketiga Allahyarham Tun Hussien Onn ayahanda kepada Menteri Belia dan Sukan sekarang, dan diikuti dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sekarang Dato' Seri Dr. Haji Mahathir sehingga kepada tarikh 27 Oktober 2000 *Hansard-Hansard* tersebut semua menyebut di dalam perjalanan Dewan ini semasa disoal balas, semasa sesi soal balas dan sebagainya semua menyebut perkataan royalti. Tidak ada satu pun perkataan sebelum itu yang menyebut 'ihsan' dan apa bahasa-bahasa lainnya. Tetapi kenapa pada tanggal 27 Oktober 2000 satu malapetaka bahasa telah berlaku bila mana ada satu hamba Allah yang menukar perkataan 'royalti' kepada 'ihsan'. Apa sebab jadi begini? Saya minta Yang Berhormat Ketua Pembangkang jawab alasan sebab-sebab kenapa 'royalti' ditukar kepada bahasa 'ihsan' semenjak 27 Oktober 2000. Sekian terima kasih..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak boleh jawab. [*Ketawa*] Hendak jawab, jawablah tetapi tidaklah serupa kerajaan jawab. Sila, sila.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa keputusan yang diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional pusat untuk merampas pertama menahan royalti itu dibayar oleh Petronas kepada Kerajaan Terengganu adalah atas agenda politik UMNO Terengganu dan politik UMNO Malaysia. Ini kita dapat buktikan daripada satu perbincangan yang diatur di negeri Terengganu oleh Ketua Penerangan UMNO Malaysia dengan pemimpin-pemimpin UMNO negeri Terengganu yang juga dipanggil dijemput bersama pegawai-pegawai dari JPP (Jabatan Pembangunan Persekutuan) di Terengganu untuk berbincang tentang royalti minyak di Terengganu. Atas kapasiti apa orang yang bernama Mustafa Mohamad itu memanggil kakitangan kerajaan untuk berbincang bersama dengan pemimpin-pemimpin UMNO Terengganu mengenai dengan isu royalti minyak di Terengganu. [*Tepuk*]

Kita mempunyai cukup bukti di mana UMNO Terengganu mendesak kerana UMNO Terengganu telah hampir mati selepas pilihan raya yang lalu. Rakyat tidak lagi menerima UMNO di Terengganu.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Minta penjelasan sedikit.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Mereka tidak ada sumber untuk membiayai perjalanan mereka.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada dua orang berdiri, Pendang.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Kedua-duanya saya telah beri tadi.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Eh, belum.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya minta mereka dengar dulu apa saya hendak cakap.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Saya belum diberi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tiga berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi tidak bagi?

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Bagi. Ketua Pembangkang baik hati mesti bagi.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tidak apa, bagilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang mana satu? Daripada empat itu yang mana?

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Yang mana, yang mana?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang mana satu pilihan?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Okaylah Rompin. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, Rompin. Sila Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya nampak dari segi Ketua Pembangkang ini hatinya baik. Tetapi kadang-kadang itu yang nota-nota dihantar daripada belakang itu. Yang sebenarnya yang berdiri ini tadi dia terpaksa

terima kasih kepada Ketua Pembangkang yang menyelamatkan nyawa dia baru ini dalam pilihan raya. Kelantan tidak terima dia hantar ke Kedah. Alhamdulillah Ketua Pembangkang orang Kedah, dapat juga selamat sebab orang Kelantan tidak mahu terima dia. Sebab ada kes yang kita tahu dekat hotel itu kita tahulah. *[Ketawa]*

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Sekali lagi saya pergi Rompin, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Ketawa]*

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Saya pergi Rompin sekali lagi, insya-Allah.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih. Saya minta maaf Yang Berhormat. Berbalik kepada isu ini, saya minta penjelasan kepada Ketua Pembangkang, isu wang ini atas apa nama juga dia tetap disalurkan kepada rakyat Terengganu. Yang apa ini gawat dan bangun orang Terengganu ini. Kalau wang itu dibawa ke negeri Pahang barulah ataupun dibagi ke Johorkah. Wang itu tetap diperuntukkan kepada rakyat Terengganu, itu apa isunya? Bermakna yang kita tahu bagi kepada rakyat Terengganu, kalau wang itu disalur kepada negeri lain mungkin boleh menjadi isunya, rakyat Terengganu tidak terbelah. Wang untuk rakyat Terengganu dibagi kepada negeri yang lain, mungkin ada isunya.

Yang keduanya, saya nampak Ahli Parlimen Dungun ada. Dia ini orang lawyer. Lawyerkan? Dengan izin, the man behind the State Government of Terengganu. Betul, dari segi Kerajaan Terengganu latar belakang saya terima kalau dibanding dengan Kerajaan Kelantan orangnya berkaliber macam Dungun itu sendiri, termasuk juga the Lord President. Bekas Lord President ya? Bekas ya? Exco kerajaan. Bermakna kalau ada perkara yang tidak puas hati, the legal with cost, dengan izin, patut diambil. Gunakanlah kesempatan ini kita bawa kepada mahkamah. Tumpat dia sebelah sini dulu dia bersetuju. Bila belah sana dia lagu lain sikit. Ini biasalah dia kata Dato' Rais Yatim lagu lain-lain. Tumpat tidak lagu lain-lain? Lagu lain juga.

Itu saya minta kalau boleh Ketua Pembangkang nasihat kepada anak buah belakang itu, nasihat kepada Kerajaan Terengganu sebab sebagai Presiden PAS dia boleh menasihati kepada Kerajaan Terengganu. Itu kalau Terengganu hendak dengar kata kepada Presiden PASlah. Tetapi kadang-kadang PAS Terengganu ini tidak mahu ikut juga Presiden dia. Minta pandangan daripada Ketua Pembangkang sikit.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Mahkamah 'A.R. Tompel' lah.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya penyokong-penyokong kerajaan tidak ada alasan lain selain daripada isu mahkamah.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Penjelasan Dato'. Ringkas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, hendak jawab dulukah ataupun hendak minta penjelasan. Dia hendak jawab dulu.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya hendak menjelaskan tentang isu-isu yang dibangkitkan tadi. Apa yang dibangkitkan oleh Tumpat dan lain-lain tadi iaitu mengenai dengan kenapa kita menentang hak yang semestinya diperolehi oleh Kerajaan Terengganu dirampas oleh Kerajaan Pusat. Kita menentang rampasan itu..

Wang Petronas, selain daripada kita mempunyai rekod dalam *Hansard* Parlimen, jawapan yang diberi oleh Perdana Menteri yang ada sekarang, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam sidang Parlimen yang bertarikh 17 November 1982, antara lain beliau menyatakan "*Berdasarkan kepada sikap dan dasar inilah maka Kerajaan Pusat dan Kerajaan Persekutuan telah membuat pertimbangan yang penuh teliti mengenai kadar pembayaran royalti dari hasil pengeluaran minyak yang harus dibayar kepada Kerajaan Negeri Sabah, Sarawak dan Terengganu.*" Beliau menyebut perkataan 'royalti', beliau tidak menyebut perkataan 'ihsan'. Entah syaitan mana yang membisikkan ke telinganya untuk menukar perkataan 'royalti' kepada 'ihsan'.

Kerajaan tidak bercadang, kata beliau, untuk menaikkan kadar pembayaran royalti yang sedia ada. Itu tidak apalah, tidak naik 5%. Tetapi bagilah 5% itu. Kemudian, dalam *Hansard* ini juga menyebut seorang wakil UMNO Barisan Nasional daripada Pasir Putih menyoal kepada Perdana Menteri, "Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, daripada jawapannya, telah menyebutkan bahawa kerajaan telah pun memberi royalti kepada negeri Sabah, Sarawak dan Terengganu." Ahli Parlimen UMNO pun mengaku pada waktu itu, itulah royalti. Cuma Ahli Parlimen sehari dua ini sahaja yang tersasul. "Setakat ini, sebanyak manakah setahun yang diterima dari segi wang bukan dari segi peratus yang diterima oleh ketiga-tiga buah negeri tersebut?"

Satu lagi pertanyaan yang dikemukakan oleh wakil yang sama kepada Perdana Menteri, beliau berkata, saya quote, “Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sekali lagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, daripada jawapan Yang Amat Berhormat tadi bahawa dalam masa tiga tahun negeri Terengganu telah mendapat RM300 juta. Ini merupakan minat parti pembangkang untuk merampas negeri Terengganu. Jadi, apakah pihak Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa yang lebih untuk menentu, menambah ataupun mengurangkan royalti pada masa akan datang?”. Dia sebut juga perkataan ‘royalti’.

Perdana Menteri menjawab, “Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kemungkinan ini tidak akan wujud sama sekali kerana tidak mungkin.....” kata beliau, “...parti pembangkang menang di Terengganu”. Ini satu sikap yang lupa daratan, angkuh, yang menganggap seolah-olah dia yang berkuasa. Dia lupa kepada kuasa Allah s.w.t. [*Membacakan beberapa potong ayat Al-Quran*] Kuasa itu sebenarnya di tangan Allah. Dia yang berhak memberikan kepada sesiapa yang Dia kehendaki dan mencabut kuasa itu daripada sesiapa yang Dia kehendaki.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat ya. Parit Sulong. Hendak bagi jalan? Ha, sila.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Dato’ Ketua Pembangkang, kenapa pertanyaan daripada Rompin tidak dijawab. Pokoknya sekarang, sama ada wang itu masih lagi diberikan kepada Kerajaan Terengganu atau tidak. Menurut kita, masih lagi diberikan hanya menerusi saluran yang sama dan mungkin diberikan nama yang lain. Soalnya sekarang, kalau pihak pembangkang ingin menegaskan Dewan yang mulia ini bahawa rakyat Terengganu tidak lagi menerima bantuan daripada Kerajaan Persekutuan hasil daripada minyak itu adalah tidak benar.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat telah melihat perjanjian itu di mana perjanjian itu hanya mengatakan bahawa minyak yang dikeluarkan dalam kawasan Terengganu dan perairan yang tidak termasuk di dalam kawasan *zone economic exclusive*? Itu saya hendak tahu daripada pihak pembangkang. Terima kasih.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, ini perjanjian. *[Menunjukkan satu dokumen perjanjian]* Ini perjanjian yang jelas, yang mungkin wakil dari Parit Sulong tidak membaca. Saya percaya kalau wakil dari Parit Sulong berminat untuk mendapatkan butir-butir perjanjian ini, mereka boleh menghubungi Pejabat Ketua Pembangkang kemudian ini. Jelas.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Ketua Pembangkang, pendek sahaja soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak jawab dahulukah atau hendak minta penjelasan?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya hendak terangkan sedikit pasal dua persoalan yang dibangkitkan oleh Rompin dan juga Parit Sulong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak jawab dahulu ya?

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tak, hendak lawan pembangkang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia hendak jawab dahulu, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tidak apalah.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Sikit sahaja.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Boleh, sekali kot.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Kalaulah perjanjian itu tidak betul, Petronas tersilap bayar, mahu atau tidak Kerajaan Pusat mengarahkan supaya Kerajaan Terengganu bayar balik kepada Kerajaan Pusat sebanyak RM7 bilion kerana tersilap dahulu ini. Bolehkah kita berbuat begitu? Sebab kita cakap dengan orang bodoh, kena cakap macam itulah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jangan sebut begitu, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tarik balik. Point of Order, Tuan Speaker, bahasa.....

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tarik balik "bodoh". Kurang cerdas. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kita kadang-kadang sama-sama bodoh belaka. Sila. Serupa sahaja manusia, bukan cerdas. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya fikir Tuan Yang di-Pertua tidak perlu campur dalam perbahasan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya tidak campur tapi janganlah sebut kata-kata macam itu, tidak baik.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Memanglah. Itu yang disebut oleh Menteri Kewangan dengan niat suci murni, hati murni. Apakah kalau sekiranya seorang yang merompak sebuah bank, kemudian dia mengambil wang itu dan membahagi-bahagikan kepada penyimpan-penyimpannya, memanggil orang-orang miskin, dibahagikan wang itu – bolehkah kita anggap dia seorang yang baik hati sebab dia membahagikan wang orang lain? Ini royalti minyak, ni wang Kerajaan Negeri Terengganu yang disebut di dalam perjanjian.....

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Minta penjelasan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Semporna.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Orang yang merompak, orang yang tidak baik hati. Pernah Ahli Yang Berhormat bagi Pendang menyatakan rompakan senjata di Sauk, *[Ketawa]* *[Sorak]* di Gerik itu adalah sandiwara dan Ahli Yang Berhormat sebagai seorang Ahli Yang Terhormat dan saya jangka sudah pun pergi ke Baitullah dan saya pun sudah pernah pergi Baitullah, sudah naik haji, banyak kali umrah dah tapi kita selaku seorang Islam apabila mengatakan bahawa itu adalah sandiwara, boleh dianggapkan sebagai satu pembohongan kerana kalau menuduh kita selaku pimpinan di atas untuk berbuat sesuatu sandiwara....

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Itu tidak ada kena-mengena, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tadi YB mengatakan bahawa kalaulah satu rompakan itu dikatakan ini buruk dan kenapa pula tidak dikatakan bahawa itu satu perbuatan yang buruk tetapi yang dikatakan bahawa itu adalah sandiwara kerajaan. Pembohongan sebenarnya.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya tidak faham apa yang ditanya oleh wakil dari kawasan mana ini? *[Ketawa]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Semporna. Tidak apalah, tidak payah jawab.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Semporna. Kawasan yang tidak sempornalah katakan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Kalau beliau mengikuti kenyataan-kenyataan saya mengenai dengan Sauk, tidak ada sebarang perkataan sandiwara yang saya pakai. Ini satu pembohongan dan fitnah.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ini adalah satu pembohongan. Sebetulnya Ahli Yang Berhormat bagi Pendang.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti dulu Yang Berhormat ya. Tanya, hendak bagi atau tidak bagi? Ha, Bagan ya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, ada satu peribahasa Melayu. "Orang diikat janji, lembu diikat tali", sekarang mana satu ekor boleh dipercayai?  
*[Ketawa] [Tepuk] [Dewan riuh]*

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Pembangkang punya ekor.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ...Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada wakil Bagan yang lebih memahami peribahasa Melayu daripada wakil Rompin. Soalnya bukan soal pengagihan balik wang itu kepada rakyat Terengganu tetapi soal mengambil hak Kerajaan Negeri. Itu persoalannya. Itu dinyatakan di dalam perjanjian di mana di dalam perjanjian itu menyebut dengan jelas bahawa...

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ..... Petronas hendaklah membayar wang tunai kepada kerajaan secara bayaran tahunan sebanyak yang setara dengan 5% dari nilai petroleum yang didapati di Terengganu dan dijual oleh Petronas atau ejen-ejen atau.....

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Nanti sekejap, saya hendak bagi penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, nanti sekejap.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Ini bukan soal bagi balik. Macam saya katakan tadilah, kalau seorang yang merompak bank, kemudian dia membahagikan wang itu balik kepada rakyat, apakah itu dianggap dia seorang perompak yang baik? Sedangkan dia membahagikan wang orang. Ini wang rakyat Terengganu, wang Kerajaan Terengganu yang dipersetujui oleh Petronas. Yang ditandatangani oleh Petronas dan diulang pengesahannya pada tahun 1987. Ini yang dipersoalkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Apa alasan Kerajaan Persekutuan mengambil wang itu?

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** *[Bangun]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada dua orang berdiri, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tidak ada alasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dua orang berdiri.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya bagi kepada Shah Alam.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih Dato' Ketua Pembangkang. Asas pertimbangan utama yang disuarakan oleh Ketua Pembangkang bahawasanya Kerajaan Persekutuan menafikan hak Kerajaan Terengganu dalam royalti mengikut definisi yang digunakan pihak Ketua Pembangkang tapi mengikut definisi yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan bahawasanya minyak yang dijumpai di negeri Terengganu itu tidak termasuk dalam kawasan perairan negeri Terengganu mengikut Enakmen Undang-undang Tanah Kanun Negara dan kalau ada *dispute* daripada pihak Kerajaan PAS sebagaimana yang disarankan oleh Menteri Kewangan dengan kepakaran yang ada, dengan bekas Lord Presiden....

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** [*Bangun*]

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** [*Bangun*]

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Nantilah hendak bercakap. Hendak *argue*, *arguelah* cara yang itu.... Jangan gunakan ini sebagai untuk mendapatkan *political mileage*. Yang Berhormat kata hendak pergi buat ceramah seluruh Malaysia menceritakan seolah-olah Kerajaan Persekutuan menafikan hak Kerajaan Negeri Terengganu. Soalnya, adakah hak itu wujud ataupun tidak? Kalau tidak wujud, kalau rasa ada hak, silalah pergi mahkamah.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** [*Bangun*]

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Nantilah Yang Berhormat. Saya belum habis bercakap lagi [*Disampuk*]

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Minta penjelasankah atau hendak bagi syarahan?

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Saya minta penjelasan.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasankah atau hendak bagi syarahan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat ya.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Kalau Yang Berhormat bagi jalan, boleh saya sambung sedikit? Apabila kita cakap supaya sila ke mahkamah, jangan gunakan isu ini untuk dapatkan *political mileage*. Empat tahun lagi hendak *election*. Sekarang ini soal bagaimana hendak menggunakan kesempatan kewangan ini untuk terus memba ntu rakyat Negeri Terengganu. Soal pokoknya rakyat Terengganu dapat tak manfaat dan nikmat daripada pembayaran ini? [*Tepuk*] Kalau dapat, terimalah hakikat dan marilah kita sama-sama bangunkan Negeri Terengganu. Ini cakap tadi Mat Sabu RM7 bilion hendak minta balik, sama ada RM7 bilion yang telah pun dibagi kepada Kerajaan Terengganu, berapa banyak pembangunan infrastruktur yang telah pun dibangunkan di Negeri Terengganu?

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Mat Sabukah atau Kuala Kedah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kuala Kedah ya.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Serupalah itu. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Ada peraturan dalam Dewan, Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh menyebut nama seorang Ahli. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya, saya sudah sebut.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Shah Alam ini diminta baca ...

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Okaylah tariklah, Kuala Kedah. Puan hati?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia dah tarik balik.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Minta dia baca Peraturan Dewan. Duduk dalam sebuah bandar yang moden tapi fikirannya tidak moden. *[Ketawa]*

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Tadi Yang Berhormat....*[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Soalnya, Tuan Yang di-Pertua, bukan soal memberi projek.....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ketua Pembangkang ini, minta penjelasan sedikit.....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Sekejap, sekejap.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ulasan begitu, saya minta Ketua Pembangkang tambah guna. Anak buah belakang boleh tapi jaga nama baik Ketua Pembangkang.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya tidak bagi peluang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia tidak bagi peluang Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Dia menggunakan peraturan .....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Jaga standard Ketua Pembangkang. Jangan bagi Ketua Pembangkang cakap macam itu.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, Ketua Backbencher pun tidak faham peraturan juga. *[Tepuk] [Sorak]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Dia bangkit, pakai cakap "pe deras" begitu sahaja, mana boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, terus, terus. Harap sama-samalah jangan main "pederas" begitu. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya sudah perelaskan tadi, soalnya bukan soal bagi balik projek tapi soal yang pertama asasnya itu hak Kerajaan Terengganu. Ini yang diambil, ini yang dirampas, ini yang disekat. Ini samalah dengan perbuatan orang-orang Munafikin di Madinah...

**Seorang Ahli:** Ya.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Sebagaimana yang diperjelaskan.....

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Yang Berhormat, boleh saya minta penjelasan?

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Minta penjelasan.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ...yang diterangkan oleh Rasulullah...

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Saya tadi cakap, memang Kerajaan Negeri Terengganu tak ada hak atas minyak itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti dulu. Jangan cakap Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Macam mana ini, macam mana tidak ikut peraturan ini?

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Peraturan macam mana? Itu hari masa perbincangan Belanjawan Menteri pun tidak ada peraturan, bangun melalak. Sekarang kita buat tidak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat Shah Alam!

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum beri penjelasan kepada ....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini ada dua orang yang berdiri, Yang Berhormat, mereka nak minta penjelasan.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ...perkara yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat Rompin dan juga wakil Parit Sulong, tiba-tiba orang lain mencelah. Jadi, saya ingin memberi penjelasan satu persatu.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh:** : *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, hendak bagi atau tidak bagi? Ada tiga orang yang berdiri Yang Berhormat?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya tidak bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi, dia hendak habiskan cakap dahulu.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Sabar, sabar.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohame d:** Kita ikut peraturan, tidak bagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi dulu, Yang Berhormat. Tolong diam ya.

**Seorang Ahli:** Anak-anak, diam. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Bukan soal memberi balik dalam bentuk projek tapi perjanjian mengatakan pembayaran royalti dalam bentuk wang tunai kepada Kerajaan Negeri Terengganu, ini yang telah dikhianati oleh Kerajaan Pusat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Parit Sulong berdiri, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Sama sahajalah soalan dia. Tidak lebih dari itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak bagi atau tidak bagi, Yang Berhormat?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tidak bagi, tidak bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Cukuplah.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tunggulah dulu Yang Berhormat, dia hendak jawab atau tidak jawab.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Kenapa Kerajaan Pusat beria-ia sangat hendak mengatur program sendiri untuk Kerajaan Terengganu sedangkan itu duit kerajaan....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Kenapa you beria-ia sangat kata duit Terengganu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Parit Sulong, dia tidak bagi.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Duduklah.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, belum dijawab lagi. Saya tanya tadi, bagi jalanlah sekejap. Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, hendak bagi jalankah atau tidak bagi, Yang Berhormat?

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Bagi sedikit.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tidak. Saya hendak jawablah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia hendak jawab itu.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Belum jawab pun.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Hendak jawablah. Memang belum jawab. Apa tidak erti antara 'belum' dengan 'hendak' ini? *[Ketawa]* Hendak jawab, memang belum jawab. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Teruskan.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Ini bercelaru Bahasa Malaysia. Jadi wartawan begitu lama pun tidak erti juga!. [*Tepuk*][*Sorak*]

**Seorang Ahli:** Mai parit!

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Kenapa Kerajaan Pusat hendak merancang siri pembangunan di negeri Terengganu sedangkan rakyat Terengganu telah memilih BA, PAS untuk memimpin Terengganu. [*Tepuk*] Pimpinan Terengganu merupakan satu pimpinan yang mantap, yang padu, yang berkebolehan, yang berani.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Bukan macam pemimpin BN takut, UMNO takut hendak datang ke Parlimen.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia berdiri minta penjelasan, hendak beri Yang Berhormat?

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Berilah.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Kerajaan Terengganu telah membuat beberapa perancangan yang diakui sendiri oleh seorang bekas yang pernah menjawat jawatan Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri Malaysia yang kedua.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dua orang berdiri, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya tak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tak beri.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Kalau tak suka dengar, keluar.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Kuala Terengganu tidak usah sibuk....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tak beri, duduk Yang Berhormat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *Hooligan*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, dia tidak beri Larut.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Kerajaan Terengganu telah membuat perancangan yang cukup rapi berasaskan kepada konsep Islam untuk mengagihkan wang royalti minyak. Ini diakui sendiri dalam satu tulisan yang dibuat oleh bekas Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri yang kedua ketika beliau mengadakan kunjungan, membuat pertemuan dengan Menteri Besar Terengganu. Kenapa, apa hak Kerajaan Pusat untuk merampas hak Kerajaan Negeri, kerajaan yang dipilih oleh rakyat dengan sah. Apakah hak Kerajaan Pusat, selain daripada hendak menggunakan dan memenuhi hasrat dan agenda politik UMNO. Ini yang dibangkitkan dalam pertemuan.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada dua orang berdiri, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya tak beri jalan, membuang masa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tak beri, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Pertemuan yang diadakan di Hotel Gand Continental di Kuala Terengganu pada 21 September 2000, jam 3.00 petang. Di antara mereka yang hadir Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, bekas Menteri Besar Terengganu yang tidak dipercayai oleh rakyat Terengganu lagi, Dato' Mustafa bin Mohamed, Ketua Penerangan UMNO yang tewas di Jeli dan tak tahu pula hendak membawa kes ke mahkamah, Izzuddin - Pengarah Belanjawan Kementerian Kewangan, Dato' Idris bin Jusoh. Kesemua ketua bahagian UMNO termasuk Pemuda dan Wanita UMNO, pemimpin UMNO peringkat bahagian dan cawangan, ketua jabatan di bawah Persekutuan termasuk KETENGAH. Oleh itu, saya mempersoalkan atas kapasiti apa Dato' Mustafa bin Mohamed memanggil ketua-ketua jabatan ini untuk berbincang bersama dengan pemimpin-pemimpin UMNO Terengganu mengenai royalti minyak. Sebab itu saya mengatakan bahawa sikap dan tindakan Kerajaan Pusat merampas, menahan Petronas daripada meneruskan pembayaran

royaltinya kepada Terengganu adalah satu misi agenda politik UMNO Terengganu dan juga politik UMNO Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Ini saya hendak baca sebahagian daripada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, Kangar berdiri.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Ya. Silakan.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Mengikut hemat beliau apabila wujud sesuatu hak di bawah sesuatu perjanjian, kemudian berpuluh tahun berlalu dan didapati bahawa perjanjian tersebut adalah bercanggah atau ultra-vires dengan peruntukan-peruntukan Perlembagaan Negara ataupun prinsip-prinsip yang termaktub tersirat dalam Perlembagaan Negara. Apakah perjanjian mengatasi atau Perlembagaan Negara mengatasi. Terima kasih.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya perjanjian itu tidak bercanggah dengan Perlembagaan Negara. Ia telah diterima pakai semenjak lebih daripada 20 tahun yang lalu. Dalam tahun ini juga, tahun 2000 bahagian pertama telah pun dibayar oleh Petronas kepada Kerajaan Negeri Terengganu sebagai royalti, masih lagi royalti. Hanya bahagian kedua sahaja tiba-tiba ditukar kepada 'ihsan' dengan Kerajaan Pusat menahan pembayaran itu oleh Petronas. Ini persoalannya. Antara isu yang dibincangkan dalam pertemuan itu untuk pengetahuan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ....Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat yang menyoyal tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tanjong Karang berdiri, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tadi dia kata sudah akhir.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak beri?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tunggu untuk Jabatan Perdana Menteri nanti saya beri dia cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tak beri, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Sedikit sahaja, boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tak beri Yang Berhormat.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Berilah yang tahu undang-undang bercakap sedikit.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tadi sudah kata last.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak beri?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tak berjanji lagi. Tadi sudah kata last, mungkir lagi.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Sementara baca boleh berikah?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Ini cadangan-cadangan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tak beri.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ...yang digulungkan dalam perjumpaan itu oleh UMNO, cadangan-cadangan yang dikemukakan pertama, peruntukan daripada belia dan sukan mesti disalurkan melalui UMNO. Apa ini, kerajaan teluskah ini? Cuba Tuan Yang di-Pertua mendengar yang ini. Cadangan daripada pemimpin UMNO Terengganu.

Yang kedua, peruntukan kepada Kolej Islam Sultan Zainal Abidin (KUZA) mesti dikaji balik, pastikan pengurusan, dana, lembaga mesti orang UMNO. Apa ini. Inikah mentaliti dan moral orang UMNO.

Yang ketiga, UMNO Terengganu mencadangkan, cadangan universiti di Terengganu tetapi mereka desak jangan buat lagi kecuali UMNO perintah semula.

*[Menyampuk]* Insya-Allah, sampai akhir dunia ini UMNO tidak akan memerintah Terengganu, insya -Allah.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Bukan takbur, saya kata insya -Allah. Itu tidak termasuk dalam peruntukan dalam ucapan Belanjawan untuk membangun universiti di Terengganu, tetapi hendak buat di Perlis. Saya fikir habis tanah negeri Perlis itu untuk tapak universiti. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Minta sedikit penjelasan.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Yang kelima...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sri Gading berdiri Yang Berhormat. Hendak beri?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Jangan beri bantuan kepada sekolah agama kerana guru dan muridnya adalah menyokong kuat PAS.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, Sri Gading berdiri, Yang Berhormat hendak beri.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya sudah beri tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tak beri Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Kalau dia tak sedap dengar ucapan saya, dia boleh keluar bila-bila masa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tak beri Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tumpang bertanya.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tiada kompromi bagi kerajaan PAS dalam pemberian wang termasuk defisit. PAS mesti diajar dan biar mereka sendiri yang cari.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sri Gading berdiri lagi Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Inilah sikap pemimpin UMNO Terengganu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sedikit, minta sedikit sahaja penjelasan.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Pegawai....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Beritahulah Yang Berhormat, hendak beri atau tak beri.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya tak beri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tak beri Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Pegawai Kerajaan Persekutuan yang pegang jawatan JSR atau mana-mana jawatan dalam aktiviti PAS mesti diambil tindakan sebagai tindakan balas Kerajaan PAS yang tidak membenarkan kakitangan kerajaan negeri pegang jawatan JKK.

Yang kelapan, cadangan UMNO, JKK hendaklah digunakan sepenuhnya untuk menyalurkan wang ihsan. Apa ini? JKK lebih besar daripada kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sri Gading berdiri lagi Yang Berhormat. Hendak beri?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sedikit penjelasan.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tak payahlah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Mohon sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tak beri Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya menghormati Ketua Pembangkang.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya pun menghormati beliau dan saya fikir saya telah beri peluang untuk menyoal dan sekarang saya akan meneruskan ucapan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila Yang Berhormat. Tanjong Karang dengan Tebrau berdiri.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tetapi Perdana Menteri cuba.....

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Bolehkah ini?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** ....mengetepikan isu ini dengan menyamakan kedua-dua terminologi ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada dua orang berdiri, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya tidak berikan jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak beri Yang Berhormat.

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tak beri Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya sudah beri tadi. Malah mengambil sikap tidak menghiraukan perbezaan kedua-duanya. Inilah sikap angkuh dan sombong yang menganggap rakyat jahil dalam memahami isu ini. Ada pula menteri yang menganggap perjanjian-perjanjian tersebut sebagai MoU sahaja. Ini lagi karut.

Tuan Yang di-Pertua, pengumuman kerajaan untuk tidak membayar wang royalti minyak sebanyak 5% secara tunai yang telah jelas termeterai dalam satu perjanjian di antara Kerajaan Negeri Terengganu dan Petronas pada 22 Mac 1975 adalah amat merosakkan imej kerajaan yang beramanah dan bertanggungjawab, sekali gus akan mencemarkan nama baik imej syarikat gergasi negara iaitu Petronas. Pelanggaran ini serentak membawa erti bahawa nasib yang sama mungkin sahaja boleh berlaku kepada mana-mana pihak yang membuat perjanjian dengan pihak kerajaan atau syarikat-syarikat besar kepunyaan kerajaan yang boleh sahaja dimansuhkan dengan pengarahannya dari pihak kerajaan.

Sudah ada laporan dalam media antarabangsa bahawa syarikat asing takut untuk mencuba nasib di negara ini melihat karenah pemimpin yang tidak beramanah. Sikap berpegang kepada janji ini adalah sifat penting yang dianjurkan oleh Islam. Orang yang memungkiri janji telah melakukan dosa yang besar. Antara-antara tanda-tanda besar golongan munafikin ialah berdusta dan memungkiri janji. Saya tidak terkejut jika pemimpin BN tidak mengambil kira pandangan Islam dalam hal ini kerana mereka terlalu marah apabila kalah besar di Terengganu.

Kerajaan perlu sedar dan insaf bahawa perkara seumpama ini secara langsung memberi kesan ke atas prestasi ekonomi dan usaha untuk membaik pulih imej negara di mata dunia perniagaan antarabangsa. Dalam dunia perniagaan, terutamanya dalam

amalan perdagangan elektronik atau *e-commerce*, ketelusan, kesetiaan dan pertanggungjawaban adalah etika perniagaan yang paling mustahak.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat, Tebrau.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Kalau contoh episod wang royalti inilah yang ditampilkan oleh pengurusan dan tabiat kerajaan ini, maka Barisan Alternatif meramalkan bahawa semakin buruklah tanggapan dan persepsi masyarakat perniagaan antarabangsa terhadap negara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya tidak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak beri jalan.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Sedikit sahaja tak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tak beri. Dia tak beri nampaknya.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Okaylah, sama-sama.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya dapat bayangkan bagaimana perasaan rakan kongsi Petronas di peringkat antarabangsa seperti di Iran dan Sudan menerima episod zalim Kerajaan BN ini. Telah sampai masanya supaya reformasi ke arah pengurusan dan pentadbiran yang lebih telus, bertanggungjawab dan beramanah perlu diinstitusikan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah menafikan hak Kerajaan Negeri Terengganu dan rakyat Terengganu dalam pembayaran royalti minyak ini memberi isyarat bahawa Kerajaan Pusat sudah tidak lagi menghormati sistem demokrasi *federalism* dan enggan mengiktiraf kerajaan negeri yang dilantik secara sah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri lagi, Yang Berhormat bagi Subang, hendak beri?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** [*Duduk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila.

**Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Ketua Pembangkang kerana memberi saya jalan. Baru-baru ini saya dengar daripada sahabat-sahabat saya di Kuala Terengganu pihak Kerajaan Negeri Terengganu sudah bincangkan secara tidak rasmi perkara isu royalti ini dengan Tun Salleh Abas, bekas Lord Presiden Malaysia, dengan izin, sekarang ahli PAS di Terengganu. Apakah ini benar atau tidak. Benarkah beliau menyatakan Kerajaan Negeri Terengganu tidak ada kes langsung dari segi undang-undang di negara ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Subang. Nampaknya Yang Berhormat itu menerima laporan dari JKK UMNO. Yang Berhormat, bekas Ketua Hakim Negara itu sendiri menyatakan bahawa beliau di antara orang yang bertanggungjawab merangka dan mendraf perjanjian-perjanjian itu. Bukan Kerajaan Negeri Terengganu yang tidak mempunyai hak, tetapi Kerajaan Pusat tidak mempunyai hak untuk merampas royalti minyak ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri lagi Yang Berhormat, Setiu.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak [Setiu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Ketua Pembangkang. Bersama-sama saya ini adalah merupakan kenyataan daripada Tun Dato' Dr Salleh Abas iaitu Exco kerajaan negeri berhubung dengan hak rakyat Terengganu, berhubung dengan hak siapakah yang berhak kepada royalti minyak ini, Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri Terengganu. Ini jawapan Tun. Royalti minyak adalah hak Kerajaan Negeri Terengganu yang mesti dibayar kepada Kerajaan Negeri Terengganu oleh Petronas. Sebabnya,

- (i) Seksyen 2 Akta Kemajuan Petroleum 1974, menyatakan bahawa hak kepunyaan Petroleum keseluruhannya, sama ada di darat atau di laut adalah terserah, vested pada Petronas, dan penyerahan hak kepunyaan ini akan berkuat kuasa apabila surat acara penyerahan ditandatangani. Telah ditandatangani pada tahun 1974. Penyerahan ini adalah

muktamad, tidak boleh ditarik balik dan hak kepunyaan itu adalah menjadi hak kepunyaan Petronas buat selama-lamanya.

- (ii) Dan di bawah seksyen 4, disebut bahawa, sebagai balasan penyerahan ini, Petronas diwajibkan membayar kepada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan mana-mana negeri termasuk negeri Terengganu, di mana petroleum dijumpai adalah diusahakan satu jumlah wang tunai sebanyak dipersetujui iaitu sebanyak 5%.

Adakah Yang Berhormat Ketua Pembangkang bersetuju tentang perkara ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Nor:** Tuan Yang di-Pertua, itulah yang saya perkatakan, lebih-lebih lagi Tun Salleh, seorang yang mempunyai *authority* dalam bukan sahaja undang-undang tetapi bertanggungjawab di dalam merangka undang-undang itu. Dan inilah yang telah dicabuli oleh Kerajaan Persekutuan apabila Kerajaan Persekutuan menahan Petronas membayar royalti itu kepada negeri Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam isu ini tidak perlulah Menteri Kewangan atau sesiapa sahaja menyuruh membawa kes ini ke mahkamah untuk mencari pentakrifan sebenar tentang royalti dan wang ihsan. Sesiapa pun tahu apa makna bayaran secara tunai dan apa yang dimaksudkan dengan kerajaan negeri ia itu Perak yang menerima bayaran seperti yang termaktub dalam perjanjian berkenaan. Kecuali mungkin pemimpin Barisan Nasional yang mebleh air liur melihat sejumlah wang diberikan kepada satu kerajaan negeri yang berlainan dasar dengan mereka. Tidak payahlah Barisan Nasional bersusah payah untuk mendapatkan mana-mana pihak yang bersetuju menggantikan kerajaan negeri dengan JKKK, yang ditubuhkan oleh Kerajaan Pusat bagi menerima wang rakyat.....

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Arau berdiri, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Nor:** Saya tidak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak beri jalan.

**Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Nor:** ... Terengganu. Kes yang terang nyata ini boleh diputuskan oleh rakyat teramai dan janganlah kita susahkan seorang hakim yang sekarang pun dalam keadaan susah hati. Berat hati kami untuk menyatakannya tetapi kami tidak nampak keadilan akan dapat ditunjukkan oleh sistem kehakiman di bawah telunjuk pemimpin-pemimpin Barisan Nasional.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** [*Bangun*] Yang Berhormat, mohon penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tebrau berdiri Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Nor:** Lebih menyedihkan.....

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Yang Berhormat, boleh beri jala n sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tebrau berdiri, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Nor:** Tidak bagi sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi.

**Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Nor:** Siapa hendak cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tebrau.

**Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Nor:** Tidak apalah, sudah banyak kali dia sudah minta, bagilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia bagi sekali ini.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Okay. Saya ucap tahniah. Saya hendak tahulah, kalau ikut cakap Yang Berhormat tadi, macam tidak percaya pada hakim. Jadi, bermakna semua keputusan yang dibuat oleh hakim-hakim sama ada menyebelahi parti pembangkang atau tidak atau ada pula pembangkang yang dihukum atau ada pula yang terlepas, adakah semua itu tidak betul. Kalau ini adalah amat merbahaya Yang Berhormat. Bila cakap, hakim, bermakna Yang Berhormat anggap yang sudah tentu salah. Ada yang ketua parti pembangkang jadi peguam – yang

sudah tentu terang buat salah. Dan adakah ini bila keputusan menyebelahi dia, itu adalah betul. Terima kasih.

**Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Nor:** Tuan Yang di-Pertua, itu tidak ada kena mengena dengan apa yang saya ucapkan. Lebih menyedihkan Barisan Nasional cuba mengalihkan pandangan rakyat atas kelemahan pentadbiran sepanjang mereka memerintah Terengganu dan meletakkan punca kelemahan ini ke atas PAS yang baru memerintah. Cuba kita teliti apa yang telah berlaku di Terengganu selama lebih 30 tahun atau hampir 40 tahun Barisan Nasional berkuasa di Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, selama lebih 30 tahun kerajaan UMNO Barisan Nasional memerintah negeri Terengganu dan sudah lebih 20 tahun negeri Terengganu menikmati hasil kekayaan minyak pemberian Allah S.W.T., namun negeri itu masih mempunyai bilangan rakyat termiskin yang kedua paling ramai di Malaysia. Kalau dilihat pendapatan purata bulanan isi rumah, sebagai ukuran kemiskinan maka kita dapati pendapatan purata bulanan isi rumah di Terengganu adalah kedua terendah. Apakah yang menyebabkan terjadinya fenomena ini? Saya mengajak kita menganalisa dan merongkai permasalahan ini.

Industri petroleum telah membawa kekayaan kepada negeri Terengganu. Dari sebuah negeri yang amat miskin di zaman sebelum perjumpaan pertemuan minyak, negeri Terengganu telah menjadi antara negeri terkaya di Malaysia sekarang ini. Diukur dengan KDNK atau per kapita, negeri Terengganu adalah negeri kedua terkaya dengan KDNK per kapita berjumlah RM19,880 dalam tahun 1998. Ianya kalah hanya dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan KDNK per kapita RM25,100. Negeri-negeri lain semuanya dikalahkan oleh Terengganu. Hatta, negeri yang dikatakannya lebih awal dan amat pesat membangun sekalipun iaitu Selangor, Pulau Pinang, Melaka dan Johor, kini berada di belakang negeri Terengganu.

Namun negeri Terengganu adalah negeri yang kedua paling ramai rakyat miskin selepas Kelantan. Pada tahun 1997 sebanyak 17.3% daripada jumlah isi rumah di negeri Terengganu tergolong dalam golongan rakyat miskin. Ini tidak berapa jauh berbeza daripada Kelantan, negeri yang dianggap termiskin dengan kadar kemiskinan 19.2%. Melihat kepada pendapatan purata bulanan isi rumah, juga menunjukkan fenomena kemiskinan memang ketara di negeri Terengganu. Ianya

berjumlah RM1,497 pada tahun 1998, merupakan kedua terendah di Malaysia. Itu pun tidak jauh berbeza daripada pendapatan purata bulanan isi rumah di Kelantan. Maknanya rakyat Terengganu dan Kelantan masih sama-sama miskin. Lagipun harus diingat pada tahun 1976 rakyat negeri Perlis dan Kedah adalah lebih miskin daripada rakyat Terengganu.

Kini sudah 20 tahun keadaan sebaliknya pula yang berlaku. Lebih ramai rakyat Terengganu yang miskin daripada rakyat Kedah dan Perlis. Ini amat menghinakan kerana negeri Perlis dan Kedah tidak memiliki minyak begitu juga halnya berbanding dengan negeri Kelantan. Kelantan memanglah negeri miskin dengan pendapatan per kapita yang paling rendah di Malaysia ini. Kadar kemiskinan yang tinggi di dalam suasana pendapatan per kapita yang kedua tinggi tetapi kedua pula termiskin. Dengan jelas menunjukkan betapa lebar dan melebarnya jurang perbezaan pendapatan di kalangan rakyat negeri Terengganu. Dalam hal ini keadaan negeri Kelantan adalah lebih baik kerana wujud agihan pendapatan yang lebih merata.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa ini boleh terjadi, saya akan menyebutkan perkara-perkara berikut agar UMNO, Barisan Nasional tidak boleh berlagak sombong dan menyangka mereka pandai mentadbir ekonomi. Ini tidak lain hanyalah menunjukkan kepincangan-kepincangan seperti yang berikut:

Pertama, kekayaan negeri Terengganu tertumpu di dalam tangan segelintir kecil orang-orang atau pemimpin-pemimpin Terengganu yang berkuasa pada waktu itu. Mereka tidak lain dan tidak bukan melainkan pemerintah pada ketika itu dan yang rapat dengan pemerintah. Ahli sains politik memanggil makhluk ini sebagai kroni. Ini menunjukkan bahawa amalan kronism, nepotism, korupsi, penyalahgunaan kuasa dan penyalahgunaan sumber berleluasa dan memuncak di Terengganu. Selama lebih 30 tahun rakyat Terengganu memberi amanah kepada kerajaan UMNO Barisan Nasional memerintah dengan harapan untuk menghirup secebis keadilan dan kemakmuran tetapi apa yang terjadi ialah amanah ini telah dipecah hancurkan berkecai.

Kedua, kekayaan negeri Terengganu tidak mengalir dan tidak beredar di dalam negeri Terengganu dan dari tangan ke tangan rakyat Terengganu. Kekayaan negeri hanya beredar di kalangan kelompok kecil segelintir rakyat Terengganu. Lebih

teruk lagi kelompok kecil yang membolot kekayaan ini nampaknya tidak pula membelanjakan kekayaan mereka di dalam negeri Terengganu. Berkemungkinan mereka membelanjakan kekayaan mereka di luar negeri Terengganu. Melabur, membeli-belah, membeli hartanah dan sebagainya, semuanya di luar negeri Terengganu.

Kalau hal ini tidak berlaku manakan mungkin terjadinya jurang pendapatan yang begitu ketara melebarnya di Terengganu. Sungguh berbeza dengan negeri-negeri lain. Ini memperlihatkan bahawa apa yang dipanggil kesan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Panjang lagi Yang Berhormat, kita .....

**Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Nor:** .... Insyallah dari kekayaan minyak sebenarnya tidak terjadi di Terengganu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kita boleh sambung pukul 2.30.

**Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Nor:** Insyallah. Baik, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan kita ditangguhkan sekarang hingga jam 2.30 petang ini.

*Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) mempengerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Pendang, sila sambung.

**2.32 ptg.**

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor [Pendang]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat Sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Kekayaan negeri Terengganu tidak dilaburkan di dalam usaha yang boleh menaikkan taraf ekonomi dan pendapatan rakyat. Pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional Terengganu dahulunya lebih ghairah untuk mendirikan bangunan-bangunan, tugu-tugu dan lain-lain kegunaan yang tidak produktif. Juga kekayaan dilaburkan di dalam syarikat-syarikat yang beroperasi di luar negeri Terengganu sehingga ekonomi dan rakyat negeri Terengganu tidak dapat merasakan kesan limpahan daripada pelaburan berkenaan.

Pelaburan-pelaburan yang dibuat dalam negeri dan luar negeri telah rugi sehingga bukan sahaja kekayaan negeri Terengganu telah terhakis begitu sahaja, malah negeri dibebankan pula dengan hutang-hutang lapuk.

Semasa Kerajaan Barisan Alternatif PAS mengambil alih pemerintahan negeri Terengganu, beban hutang melebihi RM700 juta sedia menunggu. Tanggungan hutang anak-anak syarikat kerajaan negeri seperti Perwaja Steel, Gunawan Steel, Pelangi Air dan lain-lain sungguh mengerikan.

Tidak ramai anak tempatan Terengganu bekerja di dalam industri minyak. Harus diingat bahawa pekerja-pekerja dalam industri petroleum berpendapatan relatifnya lumayan, kalau ramai anak tempatan bekerja dalam sektor ini, tentulah ia boleh melonjakkan pendapatan purata bulanan isi rumah di Terengganu.

Fakta bahawa pendapatan purata bulanan isi rumah di Terengganu adalah yang kedua terendah di Malaysia, jelas menunjukkan bahawa tidak begitu ramai rakyat Terengganu yang bekerja di sektor minyak yang lumayan, yang ramai bekerja ialah orang luar daripada Terengganu.

Adakah anak tempatan Terengganu dianaktirikan atau tidak pernah diberi peluang untuk meningkatkan dalam kemahiran teknikal mereka. Jika inilah alasannya, maka nyatalah Kerajaan Barisan Nasional UMNO telah gagal untuk melaksanakan program melatih anak Terengganu dalam bidang teknikal.

Yang kelima, kegiatan pelaburan Petronas lebih melibatkan orang luar. Petronas melabur berbilion ringgit dalam membangunkan industri petroleum di Terengganu, amat banyak input diperlukan seperti bahan-bahan binaan, bahan besi

dan sebagainya. Begitu juga banyak wujud kerja-kerja kontrak dan subkontrak pembinaan.

Lambatnya peningkatan pendapatan isi rumah rakyat Terengganu menunjukkan tidak banyak bahan-bahan yang diperlukan dari sumber dari dalam negeri Terengganu sendiri. Begitu juga tidak banyak kerja kontrak dan subkontrak yang pergi ke tangan orang tempatan Terengganu.

Jadi, kalau dibangkitkan persoalan negeri Terengganu kaya dengan pendapatan per kapita kedua tertinggi tetapi ianya juga adalah negeri yang mempunyai rakyat termiskin ke dua paling ramai di Malaysia. Kenapa perkara ini boleh terjadi, apakah keadaan ini tidak pelek?

Saya mengatakan bahawa ini tidak pelek kerana ianya adalah akibat daripada kepincangan pengurusan ekonomi negeri Terengganu selama lebih 30 tahun di bawah pemerintahan Barisan Nasional UMNO pimpinan Menteri Besar yang lalu. Bahkan boleh dikatakan bahawa pemerintahan yang begitu lama amat banyak membawa kerosakan kepada ekonomi Terengganu sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kemaman bangun.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Dato' Ketua Pembangkang. Saya ingin mendapat penjelasan dari Dato' Ketua Pembangkang bahawa di dalam Laporan Ketua Audit Negara, negeri Terengganu 1998 kesimpulan yang dibuat ialah "*Walau bagaimanapun, ketelusan penyata akaun awam masih tidak memuaskan yang mana pelaburan sebanyak RM673.58 juta tidak dizahirkan dengan sempurna.*". Ini menunjukkan bahawa kepimpinan negeri Terengganu di bawah Barisan Nasional dahulu terbukti tidak melaksanakan perakaunan yang baik dan melakukan pelaburan-pelaburan yang merugikan kerajaan negeri. Terima kasih.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan sahabat saya dari Kemaman. Memang, itulah yang telah saya jelaskan tadi mengenai dengan Laporan Ketua Audit Negara dan Laporan Ketua Audit Negara ini suatu laporan profesional dan sudah tentu kita semua mempercayai akan Laporan Ketua

Audit Negara. Inilah menunjukkan dengan jelas bukan sahaja pandangan daripada kita tetapi juga pandangan daripada sebuah agensi penting dalam kerajaan yang memantau perjalanan kewangan.

Saya tidak fikir bahawa selama masa BN menguasai Terengganu, Kerajaan Pusat tidak mengetahui tentang kedudukan kewangan dan perjalanan, pengurusan dan pentadbiran kewangan dan apa yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional Terengganu dengan wang royalti. Kenapa pada waktu itu tidak ada hasrat Kerajaan Pusat untuk menahan pemberian royalti itu secara langsung kepada Kerajaan Terengganu.

Sebab itu saya menyatakan, saya mempunyai asas yang kukuh untuk mengatakan bahawa tindakan Kerajaan Pusat adalah merupakan tindakan balas dendam, sakit hati dan dengki serta dendam kesumat. Inilah yang ditentang oleh rakyat bukan sahaja di Terengganu tetapi rakyat di seluruh negara amat tidak senang dengan tingkah laku dan tindakan Kerajaan Barisan Nasional ini.

UMNO, BN jangan menyangka rakyat Terengganu tidak pernah melihat dan tidak kenal pun data-data ekonomi dan jangan juga menyangka mereka tidak berupaya untuk membuat dan mengerti analisis ekonomi. Hati dan perasaan mereka mengerti dan dapat merasakan akan ketidakadilan dan kezaliman yang ditimpakan ke atas mereka oleh Kerajaan Barisan Nasional UMNO dahulu.

Mereka dapat menilai bahawa amanah yang selama ini mereka letakkan kepada UMNO, Barisan Nasional nampaknya sudah dipecah hancurkan. Rakyat Terengganu telah memberikan madu kepada UMNO dan Barisan Nasional tetapi racun pula balasan yang mereka terima.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Jeli bangun.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Dato' Ketua Pembangkang. Tadi ada Dato' Ketua Pembangkang menceritakan tentang ketidaktelusan pemimpin Kerajaan UMNO Terengganu dahulu. Ini dibuktikan bila mana Kerajaan Terengganu telah diheret oleh Kerajaan Persekutuan untuk melabur di dalam Perwaja semenjak awal 1980-an di mana kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan sehingga sekarang melebihi

RM10 bilion dan pada tahun ini, pada Budget ini, ditambah lagi RM2 bilion. Tahun lepas RM1.6 bilion, tahun ini RM2 bilion lagi.

Di samping itu, setelah menyedari tentang kesilapan kerana diheret oleh cita-cita besar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadi negara industri, maka Kerajaan Terengganu dengan tidak semena-mena telah sekali lagi melabur di dalam industri berasaskan besi bersama Gunawan Steel daripada Indonesia yang juga di Indonesia pun memang sudah hampir bankrap.

Apakah Kerajaan Terengganu yang baru, bagi pandangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang, akan mengulangi kesilapan Kerajaan Negeri Terengganu yang dahulu sehingga melibatkan perbelanjaan rakyat negeri Terengganu hampir RM1 bilion hancur berkecai begitu sahaja. Terima kasih.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat bagi Jeli. Kerajaan Negeri Terengganu yang lalu seperti yang saya katakan tadi ialah Kerajaan Barisan Nasional UMNO yang sama pemikiran mereka dengan pemimpin Kerajaan Pusat bahkan kerajaan-kerajaan negeri yang dipimpin oleh Barisan Nasional UMNO adalah berada di bawah telunjuk Kerajaan Barisan Nasional khususnya dan mereka tidak boleh berbuat sesuatu yang berlawanan dengan kehendak pemimpin atasan mereka.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Pendang, Sri Gading bangun.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya belum habis menjawab lagi. Sekejap! Minta boleh bersabar ya.

Tetapi saya tidak nampak bahawa kerajaan baru Terengganu, Barisan Alternatif PAS akan meneruskan dasar dan amalan yang tidak bijak, saya tidak hendak kata bodoh, tetapi tidak bijak yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang lalu. Sebaliknya, kerajaan baru di Terengganu sedang meneliti semua bentuk-bentuk pelaburan perjanjian dan apa jua yang berkaitan dengan pelaburan untuk mengenal pasti dan jika ada berlaku penyelewengan-penyelewengan maka kerajaan mungkin akan mengemukakan kepada pihak-pihak berautoriti untuk diambil tindakan undang-undang.

Inilah sebenarnya antara faktor yang menakutkan mereka yang berkuasa di pusat pada waktu ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Syukran! Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat yang saya hormatilah Ketua Pembangkang. Saya mohon penjelasan, kalau yang ada di negeri Terengganu pembangunan yang kita ikuti sejak berpuluh tahun Barisan Nasional memerintah yang telah menzahirkan Terengganu Darul Iman berbeza dahulu dan sekarang, hebat dengan pembangunan fizikal, kemajuan dan pembangunan negeri Terengganu yang tak kalah dengan negeri-negeri lain di Malaysia ini.

Kalau perubahan yang begini rupa pun dinafikan, saya tidak nampak bahawa Kerajaan PAS yang ada hari ini akan dapat membawa pembangunan yang lebih baik, kerana telah begitu hebat pembangunan pun dinafikan. Saya tidak tahulah Kerajaan PAS yang ada ini akan dapat membawa pembangunan dalam erti kata pembangunan yang dikehendaki kerana apabila kita menafikan apa yang ada hari ini, maknanya kita tidak akan dapat perubahan-perubahan yang lebih baik lagi pada masa akan datang.

Kita lihatlah nanti Kerajaan Negeri Terengganu yang ada hari ini .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ini hendak tanya, ini hendak tanya, apakah akan dapat memberikan sebesar-besar faedah dan Terengganu menjadi syurga kepada orang Terengganu di bawah pemerintahan yang ada pada hari ini. Jadi, soal telus, itu sebab Kerajaan Barisan Nasional ini telus, sebab itu pembangkang boleh tahu, Perwaja rugi dan sebagainya dan juga Audit Negara kita, audit yang dibuat begitu rupa – telus, itu namanya telus kerana kita tahu di mana kepincangan, di mana kerugian. Itu maknanya telus. Tidak ada yang disembunyikan oleh Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional. Sepatutnya ketelusan ini memberikan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** .... memberikan satu kepuasan sebenarnya kepada pihak pembangkang. Kerana kerajaan ini telus, sebab itu tahu rugi di mana-mana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bukan masa untuk berucap.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya, ini saya mohon penjelasan, apakah ketelusan ini tidak dapat diterima oleh Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya daripada Sri Gading. Mengenai dengan pembangunan-pembangunan fizikal telah saya sebutkan tadi, bangunan-bangunan mega, bangunan-bangunan mewah, stadium-stadium yang besar, perabot-perabot yang mewah tetapi itu semua tidak sampai kepada rakyat. Ini yang saya bangkitkan dan saya sebutkan tadi dengan fakta-fakta.

Soal Audit Negara dapat menyemak, itu tidak menggambarkan ketelusan kerajaan. Persoalan mengenai dengan ketelusan itu apakah sesuatu projek, sesuatu program itu dibuat secara yang lebih terbuka, dengan secara yang lebih dapat dilihat oleh rakyat. Dan pembongkaran kemudian, kenyataan-kenyataan, ulasan-ulasan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara, itu ulasan-ulasan terhadap perkara-perkara yang sudah berlaku. Tetapi persoalan yang ditimbulkan apakah sebelum sesuatu program, sesuatu pelaburan dibuat itu, satu kajian yang teliti telah dibuat?

Apakah satu jaminan dengan pelaburan-pelaburan yang besar itu rakyat Terengganu mendapat faedah yang maksimum, sebab itu saya mengatakan bahawa bekas Setiausaha Politik Perdana Menteri yang kedua dahulu telah pun menulis menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu sedang merancang projek-projek pembangunan untuk dikecapi oleh rakyat secara langsung. Dan jika ini berhasil, insya-Allah, jangan mimpi UMNO akan dapat kembali ke Terengganu. Inilah yang membimbangkan pemimpin UMNO di Kuala Lumpur dan juga pemimpin UMNO di Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, ternyata memang pemimpin UMNO tidak bijak memerintah dan mengurus ekonomi negeri, namun ada pula suara-suara sumbang

yang menuduh Kerajaan PAS, BA yang tidak pandai memerintah. Amat tidak munasabah dan tidak adil bila ada suara sumbang yang mempersoalkan kemampuan PAS, BA memerintah sedangkan ianya baru 11 bulan memerintah. Apakah mungkin kerosakan-kerosakan yang telah berlaku selama berpuluh-puluh tahun dapat dipulihkan dalam masa 11 bulan? Di mana kewarasan mereka ini?

Fakta bahawa rakyat Terengganu telah memenangkan PAS dengan izin Allah, BA untuk memerintah negeri Terengganu, jelas menunjukkan bahawa mereka tidak boleh lagi bersabar menanggung ketidakadilan dan kezaliman yang ditimpakan ke atas mereka dan mereka tidak sanggup lagi untuk bersekongkol dengan penyelewengan dan kemungkarannya. Rakyat telah menjadi hakim dan telah membuat penghakiman. Saya yakin, insya -Allah, berikutan tindakan rakus BN merampas wang royalti Terengganu ini, rakyat Terengganu akan kenal siapa pengkhianat dan siapa pembela mereka. [*Tepuk*] Kesannya juga akan dirasai oleh seluruh rakyat Malaysia dan mereka yang akan menentukan, insya -Allah, nasib parti yang mengkhianat ini dalam pilihan raya yang akan datang, insya -Allah.

Tuan Yang di-Pertua, hasil langsung yang diperolehi oleh negeri Terengganu hanyalah daripada bayaran royalti iaitu sebanyak 5% daripada hasil jualan minyak. Hasil inilah yang digunakan untuk menampung perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Dalam lingkungan antara 70% sehingga 80% daripada belanja mengurus adalah dari royalti ini, yang sebenarnya mengaut hasil minyak ialah Kerajaan Pusat.

Kerajaan Pusat mendapat faedah besar daripada minyak. Ada sekurang-kurangnya lima punca hasil dari petroleum yang masuk ke dalam saku Kerajaan Pusat iaitu cukai pendapatan petroleum, royalti petroleum, duti eksport petroleum, duti import petroleum dan duti eksais petroleum dan dividen Petronas.

Dalam tahun 1999, kesemua sumber ini menyumbang sebanyak RM11.6 bilion atau hampir 20% kepada Perbendaharaan Kerajaan Pusat. Dalam tempoh setengah tahun pertama 2000 ini, Kerajaan Pusat telah memungut RM4.3 bilion daripada sektor minyak ini. Ini merupakan 15.4% daripada hasil kerajaan.

Saya ingin bertanya kalau Kerajaan Pusat sudah mendapat hasil yang amat lumayan daripada industri minyak, kenapakah ianya mengacau 5% royalti yang

diberikan oleh Petronas secara bayaran terus kepada Kerajaan Negeri Terengganu.

Inilah satu amalan yang buruk kerana:

- (i) ia melanggar dan mencabul sistem federalism yang menjadi tonggak sistem pemerintahan; *[Disampuk]*
- (ii) ia tidak menghormati hubungan bilateral Kerajaan Pusat-kerajaan negeri;
- (iii) ia merupakan satu tindakan zalim kerana melanggar perjanjian. Ini menyerupailah dengan perangai orang-orang Yahudi yang sentiasa mencabuli perjanjian demi perjanjian.

Peristiwa sedih dan malang yang menimpa umat dan rakyat Palestine pada hari ini adalah akibat daripada pencabulan perjanjian yang dilakukan oleh Rejim Israel Yahudi itu. Apakah Barisan Nasional mahu dilabelkan sama dengan Rejim Tel-Aviv yang tidak menghormati perjanjian dan tidak mahu menghormati dan memelihara perjanjian;

- (iv) ia merupakan penganiayaan ekonomi kepada rakyat negeri Terengganu; dan
- (v) ianya adalah satu tindakan yang boleh disifatkan sebagai satu kudeta ataupun silent kudeta ke atas Kerajaan PAS, BA Terengganu yang telah dimenangkan oleh rakyat Terengganu dengan majoriti besar telah dirampas sebahagian daripada kuasa ekonominya oleh Kerajaan Pusat.

Seterusnya ia adalah satu amalan yang tidak menghormati undang-undang kerana menukar perkataan 'royalti' kepada 'ihlan' secara arbitrary dan secara unilateral tanpa ada sebarang konsultasi dengan Kerajaan Negeri Terengganu. Sedangkan dalam perjanjian yang diperkukuhkan dalam tahun 1987, menyebutkan bahawa sebarang perubahan-perubahan kepada syarat-syarat yang dipersetujui dalam perjanjian tahun 1975 hendaklah dibuat melalui persetujuan bersama.

Dan hari ini kita dikejutkan lagi dalam media dengan kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mengatakan Kabinet telah membatalkan perjanjian itu. Sebelum ini dia mengatakan tidak ada perjanjian, yang ada ialah MoU. Hari ini dia

mengatakan pula Kabinet membatalkan perjanjian itu, dia mengakui pula wujudnya perjanjian. Apa sikap Menteri ini? Berdolak-dalik, sekali dia mengatakan bahawa jika petroleum ditemui di daratan sekalipun masih dalam kuasa Petronas, sekali dia mengatakan perjanjian itu telah terbatal. Kalau perjanjian itu telah terbatal, tidak ada lagi kuasa Petronas ke atas semua negeri yang telah dibuat perjanjian sebelum ini. Cakap berdolak-dalik, tidak berani datang.

Tuan Yang di-Pertua, apabila PAS, BA memenangi pilihan raya umum dan memerintah Terengganu, hak untuk memanfaatkan rezeki minyak secara yang rakyat Terengganu kehendaki dirampas oleh Kerajaan Pusat. Ini bermakna akan berterusan kepincangan pengurusan royalti ini setelah 20 tahun kekayaan minyak hadir di persada bumi Terengganu tetapi kedudukan negeri Terengganu dari segi ukuran kemiskinan masih di takuk lama. Layakkah prestasi buruk ini menjadikan UMNO BN pandai mengurus ekonomi? Setelah gagal mengurus sumber dengan baik, kini mereka mengkhianati pula rakyat Terengganu.

Menteri Kewangan dalam ucapannya meletakkan Kerajaan Terengganu dalam kandang orang salah dan menyuruhnya menggunakan mahkamah jika kita menentang penggunaan wang ihsan untuk membela nasib mereka yang miskin, warga tua, ibu tunggal dan anak-anak yatim. Adalah karut jika kita mempercayai BN boleh melakukan perkara yang mereka gagal laksanakan berpuluh-puluh tahun lamanya ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi kita dihiburkan dengan cerita k-ekonomi, selama 20 minit dalam ucapan Belajawan Menteri Kewangan. Kita masih belum lupa janji kerajaan dalam pembentangan Belajawan Februari lalu, mereka mengatakan mereka akan menyediakan satu Pelan Tindakan K-ekonomi. Apakah yang dimaksudkan dengan k-ekonomi ini, apakah knowledge economy, ekonomi berasaskan pengetahuan ataupun ekonomi keluarga, ataupun 'kroni-ekonomi'? [Disampuk] Ya. Mereka mengatakan mereka akan menyediakan satu Pelan Tindakan k-ekonomi dalam masa enam bulan, sampai hari ini setelah lebih lapan bulan pelan tersebut tidak kelihatan. Kalaulah bahagian ucapan beliau mengenai k-ekonomi itu dianggap sebagai pelan tindakan, maka jauh lagilah kita untuk mencapai hasrat tinggi kerajaan dalam k-ekonomi ini.

Kita tidak nampak macam mana hah tuju k-ekonomi dapat difahami dan diikuti oleh setiap lapisan rakyat jika tidak ada satu perancangan rapi. Saya curiga program k-ekonomi ini akan berakhir sebagai satu projek pembangunan fizikal semata-mata di mana di sana yang ditekankan ialah pengagihan projek pembinaan, pembekalan komputer dan sebagainya.

Ini samalah apa yang terjadi di Cyberjaya, di mana projek MSC kini menjadi satu projek pembangunan hartanah yang besar. Tapak yang mahal menghalang syarikat yang terlibat dalam MSC terus berada di luar Cyberjaya. Bill Gates umpamanya pun hanya mampu menyumbang RM10 juta untuk MSC, sedangkan ketika beliau berada di India beliau melabur sebanyak USD50 juta.

Nampaknya penekanan diberikan kepada pendidikan ICT kepada pelajar sekolah. Langkah ini amat baik dan kita menyokongnya. Pelbagai cadangan supaya rakyat mampu memperolehi komputer sama ada daripada wang sendiri dalam KWSP atau berhutang dengan kerajaan bagi kakitangan awam adalah cadangan yang munasabah. Namun kita tidak mahu komputer menjadi gajah putih kecil dalam rumah seandainya kepakaran dan kegunaannya dalam k-ekonomi tidak diperjelaskan.

Saya mencadangkan supaya kerajaan menyediakan insentif kepada syarikat ICT swasta yang bersedia menyediakan latihan kepada orang-orang awam. Menteri Kewangan juga telah berjanji untuk membekalkan setiap sekolah antara 13 sehingga lebih dari 40 buah komputer. Tahun ini masih terdapat sekolah yang hanya mempunyai sebuah komputer. Itu pun ada sekolah yang meminta sumbangan daripada wakil rakyat. Pihak Kementerian Pendidikan pula menghalang sekolah itu menerima kedatangan wakil rakyat, jika wakil rakyat itu daripada pembangkang. Inikah sikap mereka yang berkuasa, apa lagi mereka yang memimpin Kementerian Pendidikan. Menteri Pendidikan seorang intelektual, seorang bekas profesor universiti, bekas naib canselor, kita anggap Setiausaha Parlimennya juga bekas seorang pensyarah, bekas profesor madya, seorang yang selalu bercakap menjunjung prinsip-prinsip liberalisasi dan sebagainya. Tetapi dalam hal ini begitu sempit fikiran mereka, sesempit JKKK Kampung. *[Tepuk]*

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya daripada Kuala Kedah pernah diminta sumbangan oleh sebuah sekolah dalam kawasannya sendiri sebuah

komputer, pihak guru besar bersetuju, pihak PIBG bersetuju, guru-guru bersetuju tetapi pada hari beliau hendak datang menyerahkan komputer itu diberitahu bahawa satu perintah daripada Jabatan Pendidikan Negeri melarang beliau datang ke sekolah itu untuk menyerahkan komputer. Inikah sikap, sikap yang hendakkan rakyat celik komputer, sikap keekonomi, inikah gambaran kepada sikap itu. Sikap yang masih tebal dengan fanatik dan ketakutan kepada bayang-bayang sendiri. *[Tepuk]*

Sebab itu kalau saya hendak melawat, saya beritahu kepada Menteri, biar dia tahu, kalau saya hendak melawat sekolah dalam kawasan saya, saya memang tidak beritahu lebih awal sebab kalau saya beritahu, memang tidak dibenarkan pergi. Sedangkan sekolah itu perlu bantuan, kita perlu melihat apa masalah dalam sekolah itu. Ada sebuah sekolah kebangsaan dalam kawasan saya di Pendang, yang saya tidak dapat imagine, saya tidak dapat menggambarkan 40 tahun Barisan Nasional menguasai kawasan itu, masih tidak ada bekalan air bersih.....

**Seorang Ahli:** Di Kedah?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Di Kedah, kawasan saya di Kedah. *[Ketawa]* *[Tepuk]* Di negeri Perdana Menteri, di negeri Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan.

Saya diberitahu oleh guru-guru di situ satu bekalan air yang digali, yang dipam, kadang-kadang bersama dengan air yang mereka pam, masuk dan keluar juga bangkai-bangkai tikus. Penuntut-penuntut di sekolah itu dan guru-guru kalau hendak meminum air terpaksa membawa bekal kerana bilangan murid yang tidak banyak, maka tidak ada orang yang mahu mengusahakan kantin.

Dahulu ada bantuan makanan, sekarang sudah tidak ada. Tetapi dalam Parlimen diberitahu bantuan itu masih ada, tetapi saya bertanya kepada pihak sekolah dua bulan yang lalu tidak ada bantuan makanan. Kalau anak-anak itu tidak membawa bekalan sampai jam 2.00 mereka pulang atau 1.30 mereka pulang, mereka tidak dapat makan. Tetapi kalau saya minta kebenaran untuk pergi, sudah tentu tidak akan dibenarkan untuk pergi dan tidak ada siapa yang tahu. 40 tahun di bawah Barisan Nasional, sebab itu insya -Allah, Kedah tahun 2004, Barisan Nasional jangan harap lagi, Insya -Allah. *[Tepuk]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Minta penjelasan. Terima kasih Dato' Ketua Pembangkang. Tadi Yang Berhormat Dato' kata bahawa mereka yang menerajui Kementerian Pendidikan ini berfikiran sempit. Jadi adakah bermakna Yang Berhormat Dato' bersetuju dengan pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa salah satu hospital sakit jiwa itu kena buat di Sungai Petani.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Ia boleh dibuat di mana-mana tetapi kalau kita mengambil peristiwa yang berlaku di Terengganu mengenai dengan royalti minyak, baru sebuah kerajaan, baru sebuah negeri jatuh ke tangan PAS pemimpin UMNO sudah mengalami sakit jiwa [*Tepuk*] Hilang kewarasan dalam tindakan mereka. Bagaimana kalau beberapa buah negeri lagi jatuh, bagaimana kalau Malaysia ini jatuh? Itu sebab saya menyokong tindakan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk memperbanyakkan pusat-pusat rawatan sakit jiwa [*Tepuk*].

Tuan Yang di-Pertua, kita diberitahu bahawa 2,200 makmal komputer telah mula dibina di seluruh negara. Saya mendapat maklumat bahawa kontrak pembinaan ini telah diserahkan kepada satu syarikat bernama CAD Integral yang dikuasai oleh Syarikat Tongkah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan bangun.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Silakan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang. Saya ucapkan ribuan terima kasihlah kena pertama sekali memberi pujian kepada Kementerian Pendidikan dan katanya kita bersifat terbuka. Selepas itu Yang Berhormat kata kita berfikiran sempit dan kemudian ditambah pula sakit jiwa. Ini saya rasa kita buka hospital sakit jiwa itu untuk semua orang terutama sekali pada pihak parti PAS yang rasa bimbang mengenai bahawa wang untuk ke Terengganu tadi sudah pun kita pindah terus kepada rakyat Terengganu. Kita buka untuk Kerajaan Negeri Terengganu tetapi pindah secara terus dan faedahnya itu akan diperolehi oleh rakyat negeri Terengganu. Malah banyak lagi rancangan-rancangan yang telah kita adakan untuk Terengganu dan Kelantan.

Tadi ada disebutkan mengenai dengan keadaan. Saya rasa sedih dengan Yang Berhormat Ketua Pembangkang kata barisan pemerintah di kawasan Pendang, kalau tidak silap saya katanya air telaga keluar banyak tikus dan sebagainya. Saya pun juga minta Yang Berhormat tadi, sudah lama menjadi wakil rakyat di kawasan itu sepatutnya telah dibawa berkali-kali di dalam Dewan Undangan Negeri Kedah, kalau tidak silap saya dan perkara ini boleh kita lakukan. Malangnya saya tidak pernah pun melihat sepucuk surat, saya tidak tahulah saya baru di kementerian, saya tidak terima surat oleh Yang Berhormat mengenai dengan katanya air telaga tadi.

Kedua, mengenai dengan komputer. Kita telah beri banyak kepada sekolah-sekolah dan kita telah ....[*Disampuk*].

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tujuan Yang Berhormat hendak minta penjelasannya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ini hendak masuk penjelasan, ini hendak minta penjelasan. Saya kena bagi dahulu penjelasan saya, kemudian saya hendak bagi penjelasan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okeylah, boleh masuk sekarang.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Boleh masuk, ya. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuklah. Jadi, satu ini nampaknya pihak Ketua Pembangkang, saya rasa setuju tidak kalau saya katakan Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang suka putar belitkan benda yang tidak ada, diadakan. [*Tepuk*]

Keduanya, kita hendak bina, lakukan sesuatu yang baik - saya tidak kisah di kawasan itu, Sungai Petani atau tidak seperti mana kata Yang Berhormat bagi Pokok Sena itu. Kita kalau boleh hendak buka dua buah lagi dekat Pokok Sena, kalau boleh. Mengenai dengan itu, saya menyanjung tinggi dengan pendapat Yang Berhormat mengenai dengan komputer tadi oleh kerana sebuah komputer itu hendak didermakan, saya fikir kita ada cara kita. Kalau sekolah itu tidak ada, ia boleh buat permohonan. Jadi, jangan kita buat tuduhan kata kita pihak PAS hendak bagi satu komputer, kita ditahan, itu satu tuduhan melulu.

Jadi, saya minta penjelasan boleh tidak Yang Berhormat, kita ada cara dan kita ada komputer, Yang Berhormat boleh tulis dalam komputerkah, dalam manakah dan

kita akan terima. Tetapi jangan kata hendak derma satu itu kita tidak terima dan kemudian dijadikan itu sebagai satu alasan untuk membuat tuduhan kepada kita yang berfikiran sempit. Saya rasa dalam soal ini, bersetuju tidak dengan saya bahawa pihak PAS lebih sempit lagi pemikirannya daripada DAP? *[Tepuk]*

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya harap para doktor dapat mengesahkan apakah itu tanda-tanda awal penyakit jiwa? *[Ketawa]* *[Tepuk]*

**Seorang Ahli:** Ada tanda-tanda itu.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Saya sebenarnya tidak menjadi Wakil Rakyat Pendang sebelum ini. Saya menjadi Wakil Rakyat bagi Pendang pada sesi ini sahaja. Sebelum itu saya menjadi wakil rakyat peringkat negeri di Bukit Raya. Kawasan yang saya maksudkan sekolah itu dalam.....*[Disampuk]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ia di kawasan Pendang. Kalau Bukit Raya di kawasan Pendang .....

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Sekolah saya maksudkan itu ialah dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Sungai Tiang, bukan dimenangi oleh PAS. Sehingga sekarang ini pun dimenangi oleh Barisan Nasional, sebab itu saya tidak tahu apa yang berlaku sebelum ini di seluruh Pendang sebelum saya menjadi Ahli Parlimen di Pendang.

**Seorang Ahli:** Setiausaha Parlimen tidak rajin melawat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Kita juga diberitahu Tuan Yang di-Pertua, bahawa 2,200 makmal komputer telah mula dibina di seluruh negara. Saya mendapat maklumat bahawa kontrak pembinaan ini telah diserahkan kepada satu syarikat bernama CAD Integral yang dikuasai kononnya oleh Syarikat Tongkah. Mendengar nama ini sahaja telah cukup untuk kita memperdalami keseluruhan perswastaan projek ini sebagai satu lagi projek untuk kroni-kroni *[Tepuk]*. Jangan-jangan k-ekonomi ini bermaksud 'kroni ekonomi'. Sekali lagi saya meragui sama ada kelengkapan prasarana ini diimbangi dengan kehadiran guru-guru yang terlatih mengendalikan ICT melalui komputer. Peruntukan yang mencukupi harus ada bagi menyediakan latihan dalam perkhidmatan kepada guru-guru ini. Lebih baik jika persediaan untuk melahirkan kumpulan guru-guru baru ICT dibuat di pelbagai

Universiti Multimedia yang wujud sekarang ini di negara kita. Saya mencadangkan agar budaya k-ekonomi ini dilaksanakan secara teratur dan disegerakan kerana ia merupakan antara kunci menghadapi saingan globalisasi dalam era WTO dan AFTA.

Tuan Yang di-Pertua,.....

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang, tanya soalan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jeli bangun.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang. Dewan melihat bahawa Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang risau dan bimbang tentang ada infrastruktur tetapi tidak ada tenaga-tenaga atau sumber manusia yang terlatih untuk memanfaatkan infrastruktur -infrastruktur K-ekonomi tersebut.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang hendak *quote* tiga ucapan pertama oleh Bill Gates, yang kedua oleh 'Stan Shih' daripada Taiwan, pemilik Acer Komputer dan yang ketiga daripada pengeluar filem terkenal Bollywood.

Bill Gates mengatakan, ini keluar dalam *Asiaweek*. Dia mengatakan bahawa dia sedih dengan apa yang ada di negara kita, Malaysia. Ada infrastruktur tetapi tidak pandai diguna. Sebab itu beliau mengambil keputusan untuk memindahkan operasinya daripada MSC kepada Singapura. Begitu juga 'Stanshike' dalam *Majalah Asia Incorporation* juga mengatakan bahawa cita-cita Perdana Menteri Malaysia jauh daripada mencapai sasaran kerana ia hanya menyediakan infrastruktur tetapi tidak menyediakan sumber manusia untuk melengkapi infrastruktur tersebut, ini kenyataan kedua.

Kenyataan ketiga selepas daripada lawatan Yang Berhormat Menteri Tenaga, Multimedia dan Telekomunikasi bersama-sama dengan Ketua Eksekutif MDC ke Bombay pada tahun sudah, pengeluar filem ternama India dalam *Majalah Siniblis* mengatakan bahawa dengan izin, "*They buy a Porche, we are going to drive that Porche not their people is going to drive the Porche*". Jadi, apakah komen-komen ini bagi pandangan Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang akan memberi waktu

yang terdekat atau masih jauh lagi untuk mencapai tahap K-ekonomi yang dicita-citakan Terima kasih.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya, Yang Berhormat bagi Jeli. Mereka adalah orang-orang yang mempunyai pengalaman, yang dekat dengan masalah-masalah yang berkaitan dengan k-ekonomi dan juga multimedia. Sudah tentu pandangan-pandangan mereka itu, pandangan-pandangan yang boleh diterima untuk menjadi bahan kepada kita bagi menilai pencapaian dan sejauh mana pencapaian yang akan diperolehi daripada program K-ekonomi ini.

Pembentangan Belanjawan yang cuba menyentuh persediaan negara menghadapi WTO dan AFTA ternyata mengelirukan kerana tidak ada usaha untuk menjadikan Malaysia negara yang menarik dan bebas dalam aspek kebebasan akhbar, penghapusan undang-undang *draconian* serta pemulihan imej sistem kehakiman yang sudah tercemar akibat beberapa tindakannya kebelakangan ini. Sedangkan ini adalah antara resipi utama sebelum Malaysia dapat menempatkan dirinya bersaing, mendapatkan *advantage* dalam era liberalisasi dan globalisasi.

Negara jiran kita Thailand umpamanya, sudah memulakan usaha mewujudkan suasana mesra pelabur dan mesra rakyat. Kebebasan akhbar dan bersuara sangat dihormati di sana. Kerenah birokrasi juga sudah dihapuskan dan amat mudah untuk kita memulakan perniagaan di sana tanpa terpaksa memberi rasuah pada mana-mana pihak. Adalah tidak mencukupi bagi kerajaan hanya menggabungkan syarikat menjadi besar bagi menghadapi saingan globalisasi ini sebagai strategi utamanya.

Dalam pembentangan Belanjawan tahun lalu, Kerajaan BN dengan bersemangat mempertahankan syarikat milik kerajaan daripada jatuh ke tangan pelabur asing. Kita sendiri pada waktu itu musykil sama ada tindakan itu akan berjaya menghalang kemasukan pelabur asing memegang ekuiti syarikat gergasi kerajaan seperti MAS, projek kereta nasional dan lain-lainnya. Ternyata tidak sampai setahun kemudian dengan nada yang lemah Yang Berhormat Menteri Kewangan mengumumkan kesediaan kerajaan melepaskan ekuitinya dalam syarikat miliknya termasuk projek kesayangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu Pelabuhan Barat demi menarik minat syarikat asing mengambil alih ekuitinya. Bagi

mengurangkan rasa aibnya dia menggunakan istilah “perkongsian bijak”. Sebenarnya inilah kekalahan politik yang memimpin BN, kerana kita tahu cakupnya yang bergegar-gegar tahun lalu adalah untuk menghina Barisan Alternatif yang dikatakan mengundang kuasa asing menjajah ekonomi negara ini.

Sekarang ternyata mereka telah bercakap tidak benar kepada rakyat. Selepas ini saya yakin rakyat tidak akan termakan lagi dengan retorik kosong pemimpin-pemimpin UMNO Barisan Nasional. Amat aneh lagi apabila Barisan Nasional sanggup mengundang pengurusan asing bagi mengurus KLIA yang menjadi kebanggaan Barisan Nasional. Kita semua tahu syarikat penerbangan asing sudah mula menjauhi KLIA. Syarikat British Airway baru mengumumkan akan menghentikan beberapa operasinya di KLIA. Ansett, Qantas, Lufthansa sudah lama memberhentikan sebahagian aktiviti ke Malaysia. Apakah yang membanggakan sangat Barisan Nasional sekarang. Saya tidak akan merasa terkejut jika ekuiti dalam KLIA itu sendiri pun akan menjadi milik asing.

Selain pengurusannya seperti yang tersebut dalam ucapan belanjawan Menteri Kewangan. Inilah dia sandiwara UMNO – mana itu wakil, yang mempersoalkan tadi tentang sandiwara, tidak hadir. Inilah dia sandiwara UMNO Barisan Nasional yang sudah tidak menjadi sensasi lagi. Apakah ada ahli UMNO yang masih kagum dengan kehebatan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan belanjawan kali ini telah didahului beberapa minggu sebelumnya satu tindakan tidak rasional kerajaan Barisan Nasional iaitu menaikkan harga minyak petrol dan diesel sebanyak 10%. Tindakan ini kononnya untuk mengurangkan beban subsidi harga minyak yang disediakan oleh kerajaan dengan alasan bahawa kerajaan tidak lagi mampu untuk menanggung beban subsidi yang dijangka meningkat dari RM3.2 bilion kepada RM5.4 bilion sekiranya harga dikekalkan pada paras yang lama. Penarikan balik subsidi yang juga bertujuan sebenarnya untuk mengurangkan kebergantungan rakyat kepada subsidi dan bantuan kerajaan, kononnya lagi terlalu banyak subsidi dan rakyat mesti berhenti daripada meminta subsidi.

Saya ingin bertanya golongan rakyat manakah yang bergayut kepada subsidi. Saya akan memberikan jawapannya sebentar lagi insya-Allah. Sebagaimana kita

sedia maklum minyak dan bahan yang berkaitan dengannya adalah merupakan keperluan asas dan bahan mentah utama bagi kebanyakan kegiatan ekonomi. Kenaikan harga minyak sudah tentu akan mewujudkan satu gelombang inflasi dalam ekonomi. Ekonomi Malaysia baru sahaja dilanda gelombang inflasi akibat kejatuhan besar nilai tukaran asing Ringgit Malaysia dalam tahun 1997. Berikutan dengan itu kadar inflasi meningkat dua kali ganda kepada 5.3% dalam tahun 1998 berbanding 2.7% dalam tahun 1997. Ini adalah kadar inflasi yang tertinggi sejak tahun 1983.

Gelombang inflasi ini melanda seluruh ekonomi dengan sebahagian besar harga barang-barang khasnya barangan pengguna keperluan asas meningkat pada kadar yang tinggi. Barang-barang makanan khasnya memuncak merakamkan kenaikan lebih dari dua kali ganda sebanyak 8.9% berbanding 4.1% dalam tahun 1997. Ini meletakkan harga barangan dalam ekonomi pada paras yang tinggi. Kajian awal menunjukkan harga barangan keperluan harian telah meningkat sehingga 40%.

Lebih membebankan lagi ialah gelombang besar inflasi ini berlaku dalam suasana pendapatan rakyat merosot sebagaimana yang digambarkan oleh kemerosotan 7.5% dalam Keluaran Dalam Negara Kasar. Keadaan inflasi ini kemerosotan pendapatan dalam suasana inflasi yang memuncak telah menimpakan himpitan berganda kepada rakyat sehingga menyebabkan taraf hidup rakyat merosot dengan nyata. Walaupun perangkaan resmi menunjukkan kadar inflasi sudah memperlihatkan tanda-tanda reda dalam tempoh kebelakangan ini, namun harga barangan khasnya barangan pengguna dan keperluan asas terus meningkat setiap bulan kepada paras yang semakin tinggi pada kadar 1% hingga 3%.

Dalam tahun 2000 ini indeks harga pengguna terus naik pada kadar 1.6% pada bulan Januari, 1.5% dalam bulan Mac, 1.3% dalam bulan Jun dan 1.4% dalam bulan Julai. Kenaikan berterusan ini sudah cukup membebankan rakyat khasnya golongan yang berpendapatan rendah. Kaum buruh, kaum nelayan dan kaum petani yang kini menghadapi kejatuhan harga getah dan kelapa sawit, begitu juga kakitangan sektor awam dan anggota pasukan keselamatan yang mana tuntutan bonos mereka tidak dilayan.

Hari ini kita melihat hakisan kuasa beli rakyat. Seperti biasa kenaikan harga dijangka memuncak di musim perayaan tahun ini. Kini sudah ada tanda-tanda kenaikan harga minyak dan bahan-bahan minyak akan menyebabkan terjadinya gelombang inflasi kedua dalam jangka masa tidak sampai pun tiga bulan. Di samping kenaikan langsung harga minyak sebanyak 10% dalam sifatnya sebagai barangan pengguna.

Kenaikan harga ini akan juga membawa kenaikan harga kos pengeluaran beberapa sektor dan kegiatan ekonomi. Ini adalah kerana minyak dan bahan minyak adalah bahan mentah asas dalam pelbagai industri bagi pengangkutan, perkilangan dan penjana kuasa. Kita telah pun menyaksikan kenaikan tambang pengangkutan awam melebihi 100% dan bayaran tol naik 25%, begitu juga dengan tarif elektrik dan panggilan telefon. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pengerusi TNB yang baru kenapa bayaran menyambung semula bekalan elektrik dinaikkan daripada RM3.00 kepada RM10.00 bagi penghuni-penghuni rumah dan dinaikkan daripada RM3.00 kepada RM80.00 kepada premis-premis perniagaan. Apa rasionalnya. Saya mengharapkan bila perubahan pengerusi TNB daripada seorang teknokrat kepada seorang wakil rakyat, dia tentu akan lebih berhemat dalam hendak memberikan kenaikan-kenaikan supaya dia dapat juga menilai dan merasai bagaimana kesusahan yang ditanggung oleh rakyat.

Pengerusi baru Tenaga Nasional boleh tolong beri penjelasan selepas ini. Sama ada takrif elektrik akan naik atau tidak. Tambang penerbangan juga akan naik dalam tempoh yang terdekat ini.

**Tuan Lim Hock Seng:** Mohon penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim S Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bagan bangun.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari Ketua Pembangkang sama ada beliau sedar bahawa selain daripada tarif-tarif yang akan dicadangkan untuk dinaikkan dan TNB mulai 1Julai, mereka juga kenakan kalau-kalau sesiapa pengguna lewat membayar bil TNB maka 1% dikenakan. Atau seperti apa yang dikatakan jikalau dipotong dan RM60.00 sehingga RM80.00 dikenakan. 1% ia dikenakan.

**Dato' Haji Fadzil bin Md.Noor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga wakil daripada Bagan. Memang itulah yang kita persoalkan. Saya tahu kenaikan itu dan potongan yang dikenakan kepada pengguna-pengguna elektrik yang lewat membuat pembayaran. Kelewatan itu kadang-kadang bukan disengajakan. Kadang-kadang kerana kelewatan menerima bil, kadang-kadang penghuni rumah itu tidak berada di rumah dalam masa yang perlu dia membuat pembayaran. Jadi banyak alasan-alasan ataupun sebab-sebab yang menyebabkan kelewatan pembayaran, tetapi ini satu hukuman yang dilakukan oleh sebuah agensi yang telah pun dikorporatkan. Sebab itu kita tidak nampak apa rasional kenaikan-kenaikan ini dilakukan dan tindakan-tindakan untuk mendenda mereka yang membuat pembayaran lewat itu dilakukan.

Begitu juga tambang penerbangan dijangka akan dinaikkan dalam tempoh terdekat ini. Oleh itu kenaikan harga minyak pasti menyebabkan kenaikan kos pengeluaran dalam seluruh ekonomi. Kenaikan ini mungkin tidak digambarkan sepenuhnya oleh perangkaan rasmi kerana tidak semua barangan diwakili dalam indeks berkenaan. Bebannya tetap ditanggung oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kenaikan harga minyak dielakkan? Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara pengeluar minyak petroleum dan beberapa lagi hasil minyak termasuk gas asli. Malaysia ialah next exporter minyak mentah. Dikatakan bahawa minyak Malaysia bermutu tinggi dan mendapat harga premium di dalam pasaran minyak antarabangsa. Pada tahap pengeluaran sekarang yang dianggarkan dalam 665,000 tong sehari setiap USD1 kenaikan harga minyak mampu membawa hasil bertambah sebanyak hampir RM900 juta kepada Petronas setiap tahun. Dalam tempoh 3 bulan kebelakangan ini harga minyak mentah telah naik daripada USD28 setong ke paras melebihi USD37 setong dan kini harga berkisar di antara USD33 sehingga USD35 setong.

Kita sedia maklum bahawa Petronas mendapat keuntungan berbilion ringgit setahun dan pada tahun 1999 dilaporkan Petronas memperolehi keuntungan melebihi RM22 bilion. Kenaikan besar harga minyak sekarang ini sudah tentu akan membawa hasil dan keuntungan yang meningkat kepada Petronas. Begitu juga hasil kerajaan daripada industri petroleum. Dalam tahun 1999 hasil kerajaan daripada industri

petroleum sejumlah RM11.6 bilion. Dalam tahun 2000 ini sudah pasti hasil ini akan meningkat lebih besar lagi. Apa salahnya sebahagian daripada durian runtuh ini digunakan untuk terus mensubsidi harga minyak untuk meringankan beban rakyat. Kalau itu dilakukan barulah belanjawan ini dapat dianggap sebagai belanjawan rakyat. Ini belanjawan menekan rakyat dari segi ekonomi.

**Seorang Ahli:** Betul.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Pengekalan subsidi adalah logik demi mengelakkan terjadinya gelombang inflasi yang lebih merugikan ekonomi. Ini terutamanya memandangkan bahawa minyak adalah keperluan asas dan bahan mentah utama bagi industri. Harus diingat bahawa amalan sekarang subsidi bukan sahaja diberi dalam bentuk langsung seperti bantuan baja dan benih padi kepada petani dan bantuan tanaman semula getah dan kelapa sawit tetapi juga dalam bentuk yang tidak langsung seperti mengenakan harga yang lebih rendah daripada harga pasaran. Pelepasan cukai, mengenakan cukai yang lebih rendah bagi barangan yang dalam kategori yang sama, sokongan harga, program penstabilan harga dan sebagainya.

Syarikat besar korporat pula mendapat kemudahan pinjaman kepada kadar riba yang istimewa, lebih rendah daripada yang dikenakan kepada peminjam biasa. Ini juga satu bentuk subsidi kalau dibandingkan dengan subsidi yang dalam berbagai bentuk yang diberikan oleh kerajaan kepada berbagai industri, maka subsidi minyak yang sama ditanggung kerajaan tidaklah sebesar mana. Subsidi dalam bentuk pelepasan cukai yang diberikan kepada Proton misalnya menjangkau berbilion ringgit begitu subsidi yang diberikan kepada sektor perkilangan dan syarikat-syarikat korporat milik kroni – k-ekonomi. *[Ketawa]*

Kerajaan juga memberi subsidi dalam bentuk sokongan harga atau prize support kepada saham syarikat-syarikat besar yang membentuk Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur bagi menentukan indeks tidak jatuh dengan teruk. Misalnya ratusan juta malahan berbilion ringgit dana KWSP, LTAT, Tabung Haji, PERKESO, Khazanah dan sebagainya digunakan untuk menyokong harga saham syarikat Telekom, TNB, Genting Berhad, Resort World Bhd, Berjaya, Toto, Renong dan lain-lain. Amatlah tidak adil dan juga tidak logik dari segi ekonominya

bagi kerajaan menarik subsidi minyak yang melibatkan seluruh rakyat. Sedangkan pada masa yang sama terus menggunakan wang rakyat membantu segelintir syarikat milik kroni.

Secebis subsidi untuk rakyat digembar-gemburkan dan dia nggap beban kepada kerajaan tetapi apabila tiba kepada subsidi besar kepada syarikat-syarikat kroni kerajaan diam membisu. Sepatutnya harus mendedahkan kedudukan subsidi yang sebenarnya kepada rakyat, agar rakyat dapat melihat siapakah yang sebenarnya bermentalitikan subsidi dan bergayut kepada subsidi dan bantuan kerajaan selama ini. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya sebagai mensyukuri kesan perolehan akibat kenaikan harga minyak dalam pasaran antarabangsa subsidi harga petroleum dikembalikan dan harga minyak petrol dalam pasaran negara dikembalikan pada harga asal. *[Tepuk]*

Dalam membahaskan seterusnya Belanjawan 2001 ini saya ingin menyentuh prestasi ekonomi dengan melihat cabaran dan halangan yang ada. Sebenarnya negara kita menghadapi krisis berat dalam menangani kemelut ekonominya. Antaranya ialah:-

- (i) krisis kekangan hak asasi;
- (ii) krisis keyakinan terhadap sistem keadilan;
- (iii) krisis keyakinan terhadap kepimpinan politik;
- (iv) krisis keyakinan terhadap ekonomi jangka panjang dan
- (v) krisis keyakinan terhadap korporat governance di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah bercakap mengenai usaha meneruskan agenda masyarakat penyayang bahkan ada akan dijadikan agenda nasional. Beliau mengakui adalah penting nilai kemesraan, perkongsian dan masyarakat penyayang disemai dalam semua aspek pembangunan dan kehidupan. Tidak ada orang yang waras akan menolak kesalahan ini. Tetapi ini hanya kata-kata manis dari seorang pemimpin Barisan Nasional. Namun realiti yang ada di tengah masyarakat dengan tidak adanya dorongan untuk terbinanya masyarakat penyayang selama ini menjadikan kita amat sangsi dengan apa yang dikatakan oleh Menteri Kewangan itu. Aduan bagaimana tahanan reman didera begitu teruk selain ada yang ditahan bertahun-tahun mereka yang berdemonstrasi secara aman dianggap

sebagai penjenayah, tekanan hebat terhadap rakyat yang mahu menyuarakan keadilan dan kebenaran menganggap musuh semua yang tidak sehaluan dengan pandangan parti yang memerintah adalah bukti nyata bahawa ini bukan kaedah untuk membina masyarakat penyayang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Adakah munasabah apabila lima orang pemuda mengangkat kain rentang yang bertulis 'Undur Mahathir' pun kena tahan sampai tujuh jam di balai polis dan dikenakan ikat jamin. Demikian juga dengan akta zalim, umpamanya ISA, OSA, Akta Polis, Akta Hasutan dan lain-lain akta yang sangat mendera dan mengongkong sama sekali bertentangan dengan semangat masyarakat penyayang. Malah suasana demokrasi dan hak asasi yang semakin terhakis dalam semua bidang kehidupan membuktikan bahawa kata-kata mesra rakyat itu hanya retorik pemimpin kerajaan konon untuk menunjukkan kebaikan mereka.

Penyediaan peruntukan untuk golongan yang memerlukan perhatian khusus dari golongan miskin, orang cacat, golongan tua, kanak-kanak istimewa, ibu tunggal dan anak-anak yatim misalnya adalah menjadi tanggungjawab hakiki pihak yang lebih bernasib baik. Dengan kerajaan sendiri menjadi teraju kita menyokong segala peruntukan yang diberikan kepada mereka yang lebih memerlukan komitmen kerajaan adalah aspek penyayang yang meliputi seluruh rakyat. Umpamanya pembentukan keluarga bahagia melalui usaha meningkatkan pendidikan Islam dan kekeluargaan, amalan gotong-royong, menghapuskan budaya maksiat seperti judi, arak, dadah, seks rambang dan sebagainya. Saya tidak nampak kesungguhan kerajaan dalam hal ini malah peningkatan cukai dosa atau sin tax belum pernah berjaya mengurangkan tabiat buruk merokok dan menagih arak. Iklan rokok dan arak berleluasa, judi langsung disokong oleh kerajaan hari ini dengan memberi alasan bahawa judi adalah budaya masyarakat bukan Islam. Dan ini telah dinafikan dalam persidangan Parlimen ini oleh wakil-wakil yang terdiri daripada mereka yang bukan Islam. Baru-baru ini kita berbangga sebagaimana saya sebutkan tadi bila wakil dari DAP dan ada wakil dari MCA, SAPP menjelaskan bahawa judi bukan sekali-kali budaya orang Cina cuma UMNO sahaja yang belum faham-faham. [*Tepuk*].

Menteri Kewangan juga berkehendakkan supaya kekayaan negara ini dapat dirasakan oleh semua rakyat. Itu harapan dia. Tetapi apakah dia tahu apa yang dia buat dan apa pemimpin-pemimpin UMNO bawahan dia lakukan. Peruntukan kepada wakil rakyat, ahli Parlimen umpamanya sebanyak RM500,000 setahun dinafikan hak wakil-wakil rakyat dari parti pembangkang untuk mendapat menggunakan wang itu bagi kepentingan rakyat bahkan saya difahamkan pegawai daerah sendiri pun tidak dibenarkan untuk menggunakan wang itu bagi diagihkan kepada pembangunan-pembangunan kecil dalam kawasan atau daerah di mana beliau menjadi pegawai daerah.

Saya ambil contoh dalam kawasan saya, peruntukan RM500,000 itu diberikan kepada Ketua Bahagian UMNO yang sudah ditolak oleh rakyat untuk mengagihkan peruntukan itu. Ini wang rakyat, wang negara, wang awam. Atas kapasiti apa? Ada pada saya cadangan yang dibuat oleh Ketua Bahagian UMNO kawasan saya Pendang, mengagihkan peruntukan RM500,000. Saya telah dapat mengesan salah satu peruntukan yang dibuat daripada wang RM500,000 itu ialah untuk kononnya menyiapkan Dewan Tanah Merah, Pendang. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Dewan Tanah Merah – Tanah Merah ini adalah sebuah pekan kecil daerah Pendang yang Barisan Nasional kalah di situ. Menyiapkan Dewan Tanah Merah ini bukan sebenarnya Dewan orang ramai tetapi Dewan UMNO yang tidak sempat disiapkan menjelang pilihan raya yang lalu.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Eee, jahatnya. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Sebab itu saya mengatakan cakap mesti serupa dengan bikin dan bikin juga mesti serupa dengan cakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah berucap lebih hampir tiga jam.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Kalau tidak ada orang ganggu tidak panjang, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, program-program yang merosakkan pemikiran anak-anak seperti yang terdapat dalam televisyen kita harus dikaji semula dan diganti dengan program pendidikan yang sarat dengan

pengajaran yang disampaikan dengan cara yang menggembirakan mereka. Saya mencadangkan supaya peruntukan yang besar disediakan atau insentif diberikan kepada mana-mana syarikat yang bersedia mengeluarkan lebih banyak software atau filem yang bercorak pendidikan. Ini lebih bermakna daripada kerajaan beria-ia mewujudkan e-village yang pastinya hanya untuk hiburan semata-mata. Saya hendak mengingatkan kerajaan bahawa buat masa ini memberikan saingan dalam pasaran perfileman ialah hiburan yang cenderung kepada pornografi termasuk filem-filem keluaran Bollywood yang sedang cuba dipujuk untuk ke e-village di Sepang. Oleh itu, kerajaan janganlah ghairah dengan e-village ini.

Tuan Yang di-Pertua, suasana masyarakat penyayang dan mesra rakyat, rakyat hanya terbina jika pemerintah sudah bersedia bersikap terbuka, mampu menerima kritik, bersikap gentlemen, bertolak ansur, menjamin hak asasi manusia dan lebih dari itu mematuhi prinsip moral, agama serta menghargai kemanusiaan. Sesungguhnya petunjuk yang ada kini tidak menuju ke arah masyarakat penyayang dan mesra rakyat. Oleh itu Barisan Alternatif tidak yakin agenda ini dapat dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional. Saya mencadangkan pembentukan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Sosial dan Kebudayaan yang merangkumi penyertaan pelbagai kaum di negara ini bagi melakarkan semula arah tuju negara ini dalam alaf baru yang akan menjadi penggerak penyatuan berbagai kaum...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sri Gading, biarlah Yang Berhormat Ketua Pembangkang habiskan ucapannya, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah banyak kali bagi kat sahabat saya itu, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat cukuplah kot.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sikit sahajalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Biarlah, dia tidak beri jalan, Yang Berhormat ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya mohon Ketua Pembangkang ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Bukan hanya mencari formula untuk satu-satu kaum. Hasrat UMNO untuk mewujudkan Majlis Melayu dalam suasana kita menuju integrasi nasional ini adalah langkah yang jauh mundur. PAS khususnya

tidak akan mundur bersama UMNO. UMNO tidak boleh menuding jari ke arah orang lain yang dikatakan cuba memecahkan perpaduan, baik antara kaum ataupun dalam sesuatu kaum. Usaha untuk menubuhkan Barisan Alternatif adalah langkah jelas ke arah perpaduan, sementara tindakan UMNO-BN memainkan isu hak sesuatu kaum membangkitkan cerita lama seperti peristiwa 13 Mei – inilah yang membawa kepada perpecahan [*Tepuk*].

Tuan Yang di-Pertua, beberapa episod yang berlaku dalam tempoh sedekad yang lalu telah meruntuhkan keyakinan masyarakat terhadap satu-satunya tempat bergantung rakyat kita dalam mencari keadilan. Negara ini mula mengukir nama buruk apabila pihak eksekutif berjaya dalam usahanya menyingkir Ketua Hakim Negara dan beberapa orang hakim Mahkamah Agung pada tahun 1988. Peristiwa hitam ini memulakan era campur tangan eksekutif dalam hal ehwal mahkamah sehingga rakyat berani mempersoalkan beberapa keputusan penghakiman. Beberapa tingkah laku hakim dan pegawai mahkamah selepas daripada itu memburukkan lagi keadaan. Ianya mencapai tahap kritikal apabila berlaku pendakwaan terpilih dan kemuncaknya ialah kegawatan mahkamah akibat tindakan Ketua Eksekutif Negara memperolok-olokkan mahkamah dalam kes perbicaan ke atas Dato' Seri Anwar Ibrahim. Keadaan buruk ini boleh kita simpulkan apabila bekas Ketua Hakim Negara, Almarhum Tun Mohamad Suffian pernah menyebut bahawa beliau tidak mahu dibicarakan dalam mahkamah Malaysia seandainya dia tidak bersalah.

Banyak urusan ekonomi dan perniagaan memerlukan campur tangan mahkamah. Pelabur asing cukup sedar bahawa sistem keadilan yang tidak bebas akan mengganggu kepentingan mereka di negara ini. Kita menuntut kerajaan menyedari hakikat ini dan memberikan semula kebebasan mahkamah ini. Selagi kita tidak melihat perubahan ke arah itu kita tidak akan dapat menjadi pemain utama dalam perdagangan antarabangsa. Pihak yang bertelagah atau rasa teraniaya tidak yakin untuk mendapatkan penyelesaiannya di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu penting yang terpaksa diterima oleh pakar ekonomi dan hari ini sudah mula diakui oleh kerajaan sendiri adalah faktor keyakinan atau confidence kepada pihak berkuasa. Hari ini kerajaan Barisan Nasional amnya dan UMNO khasnya sedang mengalami krisis kepercayaan yang paling teruk sejak ia

mula memerintah. Penghakisan kepercayaan rakyat terutamanya masyarakat Melayu adalah akibat dari perbuatan salah laku pemimpin UMNO sendiri yang telah menjadi terlalu angkuh dan zalim. Rentetan peristiwa kezaliman dan ketidakadilan termasuk pencabulan kuasa, perlindungan amalan rasuah, penganiayaan dan kezaliman politik, salah guna kuasa, pengurusan ekonomi yang pincang dan program penswastan membawa kerugian besar kepada dana awam, kerosakan alam sekitar akibat pembangunan yang tidak lestari dan mesra alam, jurang pendapatan dan kekayaan yang semakin melebar, program pemborosan wang rakyat yang tidak langsung mengambil kira kesengsaraan rakyat, kos perbelanjaan yang tinggi ditanggung oleh rakyat dan senarai yang semakin hari semakin panjang.

Dalam UMNO sendiri masalah politik wang diakui oleh mereka sendiri dan sehingga sekarang pun mereka masih belum bertemu penawar. Saya menyatakan ini bukan kerana mahu campur urusan dalaman kelambu UMNO tetapi UMNO kena ingat bahawa buat masa ini kekalutan dalam UMNO memberi kesan kepada orang lain dalam negara ini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat ya. Bagi jalan Sri Gading ya.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tidak payahlah kot. Tun hendak saya cepat, saya teruskan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak apalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak bagi jalan

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya hendak sedikit pertanyaan, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Barisan Alternatif mahukan seluruh masalah dan penyelesaian ini ditangani segera supaya negara boleh meneruskan agenda pembangunan semula negara dan pemerintahan ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak bagi jalan, Sri Gading.

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Walau bagaimanapun, pada kenyataan dan hakikatnya kerajaan UMNO Barisan Nasional mahukan rakyat dan BA tidak diberi kesempatan dan ruang ini. Bahkan sebaliknya hari demi hari kerajaan BN-UMNO

mencetuskan isu-isu baru dan salah laku yang lebih mengejutkan dan menjadikan bukan sahaja rakyat negara ini hilang kepercayaan dan keyakinan bahkan rakyat antarabangsa dan khususnya pelabur asing juga turut hilang keyakinan dan kepercayaan terhadap pemerintahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengingatkan bahawa di sini perbincangan ekonomi bertindih secara langsung dengan politik. Sebelum saya menghuraikan perkara ini, saya ingin juga menyentuh beberapa perkara dengan isu polisi yang menyebabkan negara ini semakin tidak menarik dan dilihat penuh misteri oleh pelabur asing bahkan juga oleh pelabur tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, kepercayaan dan keyakinan berkadar langsung dengan faktor kredibiliti, konsistensi dan satu sikap dan polisi yang kohil, cakap mesti serupa bikin, bikin pun mesti serupa cakap. Sama ada kita sedar atau tidak, kita telah menghantar beberapa mesej yang salah kepada dunia luar dengan polisi dan sikap kerajaan ini. Dengan lain perkataan, kita celaru dan tidak menentu, terkadangkala kita buka negara ini seolah-olah kitalah negara yang paling terbuka, paling global sehingga macam hendak lelong negara ini seumpama pelaksanaan projek MSC sama ada aspek ekuiti dan juga kelonggaran tarif dan cukai bahkan kerakyatan pekerja pakar asing.

Dalam waktu yang lain, polisi kerajaan ini adalah sangat menekan dan menyempitkan pelabur asing sekali gus menjadikan mereka mencari negara yang lebih mudah, lebih murah dan lebih mesra dari segi undang-undang. Salah satu faktor yang tidak menyenangkan pihak pelabur ialah levi keluar 10% bagi penghantaran pulang keuntungan dari urus niaga saham. Polisi ini apabila ditinjau dari beberapa segi sudah tidak lagi relevan. Berapa banyakkah keuntungan yang hendak kita pungut dari levi ini. Sudahkah dikaji banyak mana levi yang dapat dikutip dan banyak mana pula pelaburan asing yang terhalang daripada memasuki ke negara ini akibat levi ini. Yang jelasnya iklim pelaburan merosot akibat levi ini, antaranya. Bukan senang untuk menarik pelabur dan tidak ada sebab mengapa mereka mesti melabur di sini tambahan negara jiran serantau yang lain lebih menarik, mudah dan lebih mesra.

Peranan levi ini untuk menyekat aliran keluar modal jangka pendek sudah tidak relevan lagi. Pengumuman Menteri Kewangan bahawa keuntungan portfolio

yang dibawa keluar selepas tempoh satu tahun tidak dikenakan levi adalah tidak langsung mengubah persepsi pelabur terhadap Malaysia malah amat mengelirukan. Semalam Perdana Menteri semakin mengelirukan kita apabila beliau menjelaskan bahawa keuntungan portfolio yang dibawa keluar selepas tempoh satu tahun dikenakan levi 0%. Tidak habis-habis bergurau PM kita ini. Saya mencadangkan supaya levi 10% ini dibatalkan terus.

Kita juga masih ingat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawannya tahun lalu begitu yakin dengan prestasi BSKL dan bercakap panjang mengenai petunjuk BSKL sebagai petunjuk kebangkitan semula ekonomi. Ternyata kini BSKL hambar. Menteri Kewangan hanya dapat membandingkan indeks komposit sehari sebelum pembentangan Belanjawan dengan indeks terendah tahun ini yang katanya telah meningkat 14.1%. Mengapa beliau tidak membandingkan indeks hari ini dengan yang tertinggi tahun ini supaya kita dapat lihat kejatuhan indeks tersebut. Ini sengaja mahu mengelirukan kita. Jika tidaklah institusi seperti KWSP, LTAT, Khazanah, PNB dan Tabung Haji dipaksa memasuki pasaran seminggu dua sebelum pembentangan Belanjawan tahun ini nescaya indeks komposit BSKL telah jatuh merudum. Maka kali ini beliau bercakap sedikit sahaja mengenai BSKL dan berbanding dengan indeks yang dibuatnya pun sekadar menyejukkan hati beliau sendiri. Selepas sorak-sorai mengenai BSKL yang kononnya akan pulih dan mendapat kepercayaan pelabur apabila disenaraikan semula dalam MSCI berakhir dengan layu maka persoalan kurang keyakinan terhadap kepimpinan dan dasar negaralah yang kekal menjadi punc a krisis ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih membawa imej yang buruk kepada pengurusan ekonomi negara ini adalah amalan kronisme dalam kaedah back door banning out kumpulan korporat yang dilindungi oleh kerajaan. Perkara ini telah banyak kami kritik dan akan terus dikritik bagi mendapatkan reformasi sepenuhnya terhadap pengurusan dana dan sumber negara. Danaharta sebagai sebuah syarikat pengurusan aset dibentuk dengan matlamat untuk menyelamatkan syarikat-syarikat dan usahawan besar yang teruk dilanda masalah hutang. Setakat 31 Disember 1999, Danaharta telah membeli dan meletakkan di bawah pengurusannya hutang bermasalah berjumlah RM45.5 bilion. Hutang bermasalah ini dibeli pada kadar diskaun lebih

kurang 56%. Danaharta dikatakan telah hampir selesai membeli hutang bermasalah kecuali sedikit sahaja lagi.

Perlu dirakamkan bahawa bukan mudah untuk menjual harta-harta yang telah dikumpulkan tambahan pasaran hartanah yang lembab dan muram. Danaharta terpaksa menanggung kos menunggu penstrukturan semula, hutang korporat juga bukanlah mudah untuk ditangani dalam suasana seumpama ini. Danaharta perlu bijak dan cermat dan tidak dilihat melakukan jenayah moral dengan pengambilalihan hutang bermasalah ini.

Baru-baru ini kita dihadapkan dengan satu lagi kes yang jelas dilihat sebagai bet governance bagi pihak kerajaan dan Danaharta. Kes ini melibatkan pembelian hutang Hotik Invesment Limited yang berpangkalan di Hong Kong yang bernilai RM3 bilion. Menurut laporan bahawa syarikat ini dimiliki oleh Rashid Manaf, seorang peguam sahabat baik Halim Saad, Pengerusi Eksekutif Renong Berhad. Tidak ada siapa tahu siapa pemilik sebenarnya syarikat ini. Danaharta sedia memaklumi bahawa kuasa yang ada padanya tidak melepasi sempadan negara ini. Danaharta yang seharusnya amalkan due diligence, dengan izin, seharusnya tahu akan hakikat risiko ini. Rakyat dan pihak pelabur tertanya-tanya apakah sebab di sebalik mengambil risiko besar ini walaupun Danaharta dikatakan hanya membayar RM5 juta sahaja untuk hutang syarikat Hotik Investment Limited ini.

Yang mencemarkan lagi amalan berhemat dan pengurusan kewangan dan perbankan yang baik di negara ini ialah maklumat bahawa Hotik telah meminjam sebanyak RM3 bilion daripada empat buah bank di Malaysia dalam tahun 1997 dan wang itu telah dibelanjakan untuk membeli saham majoriti dalam syarikat Wintech yang pada ketika itu memilik National Steel Corporation Filipina.

Persoalan kewibawaan dan keyakinan semakin meruncing tatkala pertanyaan dimajukan atas sebab apa empat bank tempatan ini iaitu dikatakan Bank Bumiputera Malaysia Berhad, RHB Bank, Commerce Asset Holding Berhad dan Malayan Banking Berhad boleh memberi pinjaman dengan jumlah yang begitu besar kepada syarikat yang tidak beroperasi di Malaysia dan terutama dalam industri keluli yang sudah pun ada pengalaman buruk seperti Perwaja Steel di sini. Hutang ini kemudian menjadi hutang bermasalah apabila Danaharta mengambil alih dia memegang RM2

bilion atau 80% saham dalam NSC. Usaha untuk memulihkan NSC gagal. NSC seterusnya dicairkan dilaporkan bahawa Danaharta tidak akan dapat sebahagian besar dari pencairan NSC. Pun begitu, Danaharta masih boleh memberi jawapan bahawa mereka tidak kerugian kerana membeli NPL Hotik dengan harga RM5 juta sahaja.

Jelasnya yang menanggung hutang ialah empat buah bank tempatan tadi. Jelasnya rakyatlah dan negaralah yang menanggung segala perbuatan jelik dan salah laku kroni-kroni bernafsu besar ini. Inilah yang meruntuhkan keyakinan rakyat dan pelabur. Kes ini mengingatkan kita mengenai dengan keruntuhan BMF di Hong Kong dalam tahun 1983 . Sekarang ini kita hendak tahu siapa pula George Tan, Lorent Isme dan siapa pula akan menjadi Jalil Ibrahim dalam kes Hotik ini. Saya mencadangkan supaya satu suruhanjaya bebas ditubuhkan untuk menyiasat kes ini ke akar umbinya.

Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi lebih mencemarkan imej baik negara dalam pengurusan korporat dan kewangan perbankan negara ini ialah peribadi-peribadi yang telah melakukan pelbagai kesilapan bahkan jenayah. Ini masih terus memimpin berbagai syarikat korporat yang telah bertimbun hutang sekali gus memberi persepsi salah kepada dunia luar dan juga tempatan akan amalan dan sikap kerajaan yang melindungi tokoh-tokoh korporat dan syarikat ini secara amalan kapitalisme kroni. Kerajaan masih terus dengan sikap angkuh melakukan semua ini dengan tidak mempedulikan rakyat dan persepsi dunia terhadap negara.

Barisan Alternatif mahukan supaya korporat-korporat manja ini jangan lagi dilindungi oleh wang rakyat dan mereka perlu diajar ketika membuat kesalahan dengan cara turun secara terhormat, bukan diberikan muka lagi dan dilindungi oleh Danaharta dan Danamodal. Barisan Alternatif dan bahkan ramai pengurus dana tempatan dan pakar ekonomi tempatan juga melafazkan hasrat yang sama. Ini bagi membolehkan lebih ramai lagi tokoh korporat Melayu dan bukan Melayu tampil dengan kehebatan dan keupayaan bisnes dan sekali gus mengelakkan hanya muka-muka tertentu sahaja yang mendapat habuan dan peluang semasa senang dan susah. Kita perlu tukar budaya ini jika kita mahu lebih berdaya saing dan maju. Persaingan global yang mendatang adalah lebih mencabar lagi. Negara perlu membangunkan lebih ramai lagi tokoh-tokoh korporat dan usahawan tulen yang benar-benar berdaya

saing dan berkualiti tinggi, agresif dan tidak hidup dengan mentaliti untuk dilindungi dan disubsidi dengan bantuan kerajaan dan wang rakyat. Lebih awal kita keluar dari budaya lama dan amalan kronisme, lebih cepat kita dapat membaik pulih keupayaan kita untuk bersaing di persada antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengalami pengaliran keluar modal bersih sebanyak RM5 bilion. Pelabur asing juga gusar dengan isu pengurusan korporat yang tidak menentu. Mereka juga khuatir dengan kepentingan pemegang saham minoriti seperti dalam kes penstrukturan semula Arab Malaysian Merchant Bank dan bank utama dan juga perkahwinan paksa sektor perbankan dan yang akan diikuti oleh industri brokerage dan insurans. BA atau Barisan Alternatif masih mempertikaikan dasar-dasar yang digunakan oleh kerajaan untuk memaksakan penggabungan perbankan yang dahulunya enam, sekarang telah menjadi sepuluh bank utama. Tidak ada kajian setakat ini yang membuktikan bahawa penggabungan ini akan membawa kesan dan impak yang baik untuk daya saing mereka. Pilihan bank-bank utama itu pun masih boleh dipertikaikan.

Kalaulah atas sebab perhitungan untuk mengumpul dana maka walaupun semua bank bergabung menjadi satu ia tidak akan menguatkan daya saing bank di negara ini berbanding dengan bank gergasi dunia seperti Chase Manhattan, Citibank dan seumpamanya. Sebaliknya urusan penggabungan memaksa institusi perbankan sibuk dengan urusan dalaman sehingga menjejaskan urusan perbankan negara hari ini yang antara lain terencatnya pertumbuhan pinjaman. Ia juga meninggalkan kesan dan masa depan yang tidak menentu bagi kebanyakan bank yang bukan merupakan bank utama. Kakitangan pula tertanya-tanya sama ada mereka akan diminta berhenti selepas penggabungan ini. Sekali lagi polisi dan pengurusan governance yang menekan ini memberi kesan negatif terhadap persepsi institusi perbankan dan kewangan. Saya ingin mendapat penjelasan mengenai kedudukan usaha penggabungan bank ini kerana tidak diperjelaskan dalam ucapan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah corporate governance ini juga kita tidak dapat lari daripada menyebut isu-isu kronisme dan nepotisme yang tidak berkesudahan. Ini terutamanya berlaku dalam program penswastan projek-projek kerajaan. Saya menyebut perkara ini kerana sebahagian daripada penganugerahan

projek penswastan ini mematkan usaha dan inisiatif usahawan bumiputera yang sedang cuba memasuki dunia korporat dengan berbekalkan ilmu dan kesungguhan. Sebagai contoh, dalam penswastan Total Hospital Information System (THIS) seperti yang diumumkan oleh Menteri Kewangan keseluruhan projek-projek bernilai lebih daripada RM1 bilion. Ini dimonopoli oleh sebuah syarikat yang pemegang saham utamanya ialah Deligent Network Sdn. Bhd iaitu syarikat yang kononnya dikatakan dikuasai oleh Tongkah. Ini merupakan satu penganiayaan kepada beberapa syarikat kecil IT yang telah pun memulakan inisiatif merangka sistem berkenaan kerana diminta berbuat demikian oleh kerajaan sendiri sebelum diambil alih secara mengejut oleh Deligent Network ini. Tindakan-tindakan beginilah yang menghilangkan daya saing asli usahawan baru negara kita. Saya mencadangkan supaya usaha sebesar ini dilaksanakan melalui pembentukan konsortium beberapa syarikat supaya dengan cara ini pengalaman baru akan dapat diberikan kepada lebih ramai usahawan-usahawan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor:** Tidak panjang, sikit lagi.

Satu perkara yang mengejutkan saya juga ialah mengenai dengan penswastan LPN (Lembaga Padi dan Beras Negara) kepada BERNAS. Saya telah menerima satu envelop yang memuatkan dokumen tentang masalah yang sedang dihadapi oleh BERNAS yang telah mendapat penswastan LPN. Ini juga penswastan yang bersifat kroni kerana dilaporkan di sini BERNAS telah menawarkan perberhentian kerja kepada kakitangan-kakitangannya, membuat satu tawaran perberhentian kerja dengan dijanjikan bayaran-bayaran ganti rugi yang tertentu di antara 17,000 sehingga lebih daripada 43,000. Apa sebenarnya masalah yang sedang dihadapi oleh BERNAS. Tahun lalu dilaporkan BERNAS mengumumkan keuntungan dan jika kakitangan ini tidak mahu berhenti juga mereka akan ditawarkan bekerja dengan jadual kerja yang disusun semula iaitu dikurangkan daripada enam hari seminggu kepada tiga hari seminggu dengan potongan gaji sebanyak 20%. Dan saya juga dimaklumkan bahawa beberapa buah kilang-kilang LPN yang diswastakan kepada BERNAS akan dijual kepada syarikat-syarikat milik peribadi. Apa yang sudah berlaku? Harta yang dibina dengan wang rakyat, dengan wang kerajaan diswastakan kepada sebuah syarikat

kroni, kemudian syarikat itu pula hendak menjualkan kepada pihak yang lain. Ini membuktikan bahawa penswastaaan sebenarnya tidak membawa kejayaan yang diharapkan. Saya ingin mendapatkan penjelasan.

Kita juga telah melihat beberapa siri penswastaaan perkhidmatan sokongan di hospital kerajaan berakhir dengan implikasi kos yang lebih tinggi kepada kerajaan. Kerajaan terpaksa menanggung peningkatan kos sampai 300% bagi mendapatkan bekalan ubat daripada pembekal utama iaitu Remedy Sendirian Berhad yang merupakan anak syarikat UEM Berhad yang memonopoli penswastaaan stor ubat pusat beberapa tahun lalu. Ia juga syarikat kroni UMNO.

Kerajaan juga membayar kos yang lebih tinggi untuk urusan pembersihan hospital kerana kerja ini diswastakan kepada anak syarikat Tongkah dan kumpulan Faber. Saya nampak program penswastaaan perkhidmatan ini tidak lebih daripada untuk mengkayakan syarikat kroni dan bukan untuk mengurangkan kos kepada kerajaan. Yang akhir, urusan pemeriksaan kesihatan pekerja asing oleh FOMEMA pun telah diambil alih oleh Tongkah. Tidakkah ini membuka mata kita kepada satu macam kronisme yang bukan kepalang.

Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti komen-komen orang ramai selepas Belanjawan ini dibentangkan, ternyata mereka kecewa kerana melihat kerajaan tidak serius dalam apa yang ingin diusahakannya. Khusus yang diperkatakan ialah tiada usaha konkrit untuk membawa pelaburan asing yang boleh menjamin pertumbuhan yang berterusan. Ramai juga yang menjangka akan ada pengurangan cukai pendapatan korporat tetapi kecewa. Mereka juga menjangka berlaku pengurangan potongan KWSP dan dapat meningkatkan jumlah wang pendapatan bawa baliknya. Ini juga tidak berlaku. Kakitangan awam terasa mereka tidak dinilai dengan baik kerana tidak ada bonus kali ini.

Namun, kita mengucapkan tahniah kepada kakitangan beruniform yang akhirnya diberi pengiktirafan setelah begitu lama terseksa dan diabaikan. Bagi doktor-doktor kita yang mendapat kenaikan elaun kritikal, saya berharap mereka akan meneruskan khidmat cemerlang mereka dalam sektor awam. Saya ingin mencadangkan supaya elaun kritikal kakitangan tulang belakang bagi sistem kesihatan iaitu Jururawat dan Pembantu Perubatan dan juga Doktor Gigi diberikan

kenaikan yang setimpal. *[Tepuk]* Mungkin Menteri Besar Selangor yang juga seorang doktor gigi menyokong cadangan saya ini. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, kepala kumpulan sukarelawan beruniform, insentif yang disediakan harus dapat meningkatkan semangat kesukarelawan mereka. Saya juga mahu mengingatkan kerajaan agar tidak mempolitikkan pasukan sukarelawan beruniform ini. Saya difahamkan bahawa pasukan Askar Wataniah akan dikembangkan mengikut kawasan Parlimen. Saya melihat ini sebagai satu percubaan untuk mempolitikkan pasukan ini untuk menjadi penyokong kuat UMNO, Barisan Nasional. Sila hentikan usaha ini yang akan menimbulkan suasana politik kurang enak. Cukuplah badan-badan sukan sahaja yang berpolitik dan akhirnya kecewa di Sydney.

Akhirnya, saya ingin mengingatkan kita, sebagai pekerja, kakitangan sama ada awam atau swasta, yang penting ialah meningkatkan profesionalisme dalam kerja masing-masing. Apa yang berlaku di Gerik, Pulau Sipadan dan Pandanan, berbagai sungutan di hospital atau jabatan-jabatan lain termasuk JPJ dengan 'lesen terbang'nya, mesti dielakkan. Rakyat bersimpati dengan segala kekurangan yang membebankan hidup mereka tetapi atas dasar amanah yang mereka pikul, kerja secara baik adalah kemestian kepada mereka.

Rasululullah S.A.W. bersabda, *[Membaca beberapa potong Hadis]* yang bermaksud “Sesungguhnya Allah mengasihi seseorang kamu apabila dia melakukan sesuatu pekerjaan dilakukan dengan penuh teliti dan tekun”. Tuan Yang di-Pertua, itulah ucapan yang dapat saya sampaikan. Mudah-mudahan ia bermanfaat jua. Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Parit Sulong.

**4.04 ptg.**

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.5% tahun ini. Ia mencerminkan kejayaan Kerajaan Barisan Nasional, bukan Barisan Alternatif, dalam menangani krisis ekonomi yang melanda negara sejak akhir 1997.

Justeru itu, saya ucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana ketegasan beliau menerajui kepimpinan negara di zaman pancaroba telah menghasilkan kejayaan yang cemerlang. Syabas juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana beberapa dasar, strategi dan program unik yang beliau perkenalkan semenjak dua tahun lalu, telah memberikan sumbangan besar kepada pemulihan ekonomi negara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, inilah di antara ciri-ciri keunggulan serta keistimewaan Kerajaan Barisan Nasional. Segala langkah mengatasi krisis baru-baru ini terbukti berkesan. Ia telah diiktiraf dan dipuji oleh kumpulan cendekiawan, bukan daripada PAS, malahan negara-negara asing dan juga Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Kerajaan Barisan Nasional memang sentiasa berjuang untuk mensejahterakan rakyat Malaysia yang berbilang keturunan pada setiap masa. Dasar-dasar yang dilaksanakan telah membawa manfaat kepada semua pihak – tidak menindas, tidak mengancam dan tidak merugikan mana-mana kaum. Hasilnya, kadar kemiskinan rakyat di Malaysia telah pun berkurangan daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 6% pada tahun ini.

Pegangan modal bumiputera dalam sektor korporat telah meningkat dari 2.4% pada tahun 1970 kepada 20.4% pada tahun 1998. Pegangan ekuiti bagi bukan bumiputera juga telah meningkat dari 32.3% kepada 41.1% dalam tempoh yang sama. Sementara itu, pendapatan isi rumah bumiputera meningkat dari RM940 kepada RM2,038 dari tahun 1970 hingga 1997. Dalam tempoh yang sama, pendapatan isi rumah bukan bumiputera juga berlipat ganda, iaitu dari RM1,631 kepada RM3,737 bagi keturunan Tionghua dan dari RM1,209 kepada RM2,896 bagi keturunan India dalam tempoh yang sama.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, biarpun perangkaan di atas membuktikan kesaksamaan Kerajaan Barisan Nasional, saya merasa amat kecewa kerana hingga ke hari ini pun masih lagi terdapat beberapa pihak yang mempersoalkan keistimewaan orang Melayu dan bumiputera serta mendakwa bahawa segala dasar Kerajaan Barisan Nasional kononnya hanya menguntungkan orang Melayu dan bumiputera. Sejak awal tahun 70-an, hinggalah ke akhir 80-an, dakwah seperti ini lazimnya dibuat secara terbuka oleh sesetengah pihak pembangkang atau badan sukarela asing. Tetapi, baru-baru ini, dakwaan tersebut telah pun dizahirkan oleh seorang individu tertentu dari

sebuah parti tertentu di dalam komponen Barisan Nasional. Kemudiannya, dakwaan tersebut disusuli pula oleh NGO tempatan.

Dalam tahun 70-an, tuduhan sedemikian telah pun meninggalkan polarisasi kaum yang agak serius. Akibatnya, terdapat segolongan rakyat Malaysia keturunan Tionghua yang telah berhijrah ke negara asing atas kepercayaan kononnya anak-anak mereka tidak mempunyai masa depan yang terjamin di Malaysia. Bagaimanapun, lama-kelamaan dakwah tersebut terbukti palsu. Maka, di awal tahun 90-an, berduyun-duyunlah rakyat terbabit kembali pulang ke Malaysia. Walaupun dakwah pihak pembangkang sebelum ini terbukti palsu, kenapakah agaknya, maka suara-suara perkauman kembali menghangatkan persada politik tanah air baru-baru ini?

Ia berlarutan sehinggalah individu yang dikatakan memulakan polemik tersebut menegaskan kononnya kenyataan beliau telah disalahtafsirkan oleh pihak media. Adakah benar bahawa pihak media yang tersalah tafsir atau adakah memang menjadi satu lumrah hidup apabila timbul suatu polemik politik sehingga suasana menjadi geger dan panas, maka pihak media adalah yang menjadi 'kambing hitam'nya. Kenapa pula kenyataan yang mendakwa pihak media sebagai salah tafsir itu hanya dibuat setelah suasana menggelegak, setelah jiwa majoriti orang Melayu dihiris, setelah pilunya amat menyula dan setelah kemarahan menjalar liar.

Tetapi oleh kerana orang Melayu dan bumiputera memang sentiasa memelihara semangat muhibah dan kesetiakawanan di dalam perjuangan, maka mereka pun menerima baik kenyataan yang kononnya pihak media telah tersalah tafsir. Anehnya, belum pun sempat jiwa orang Melayu sembuh dari polemik tersebut, kedengaran pula suara sekumpulan NGO yang mempersoalkan isu keistimewaan orang Melayu dan bumiputera.

Maka, ribut kembalilah suasana politik tanah air, beberapa kelompok Melayu prihatin pun mula bertindak. Ada yang berhimpun di hadapan pejabat Perdana Menteri di Putrajaya dan ada pula yang mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang panas. Para pemimpin tertinggi keturunan Tionghua ketika itu pula membisukan diri masing-masing buat beberapa hari. Hanya pada hari ketiga atau hari keempat, baru mereka bersuara untuk menenangkan suasana.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat sensitif terhadap soal-soal perkauman. Allahyarham datuk dan nenek saya serta ibu saya sendiri yang kini berusia 76 tahun dan tinggal di Mukim Simpang Kiri, Batu Pahat, Johor, pernah menderita akibat perbalahan kaum yang meragut ratusan jiwa. Peristiwa tersebut terjadi pada penghujung tahun 1945, iaitu sebaik sahaja pihak tentera Jepun menyerah kalah di dalam Perang Dunia Kedua. Setelah tentera Jepun menyerah kalah dan sebelum pihak British sempat berkuasa semula di bumi Malaya pada ketika itu, maka muncullah apa yang dikenali sebagai Malayan People's Anti Japanese Army (MPAJA), dengan izin.

Mereka mengganas di Mukim Lubok, Mukim Bagan, Mukim Peserai dan Mukim Simpang Kiri, di Batu Pahat. Orang Melayu Johor menggelar tentera MPAJA itu sebagai penganas Komunis Bintang Tiga. Majoriti anggotanya berketurunan Tionghua. Mereka berjuang, kononnya untuk membalas dendam ke atas seorang Melayu yang didakwa telah membantu tentera Jepun untuk menzalimi keturunan Tionghua di Batu Pahat.

Maka, orang Melayu yang tidak berdosa pun menjadilah mangsanya. Rumah mereka dibakar. Mereka dibunuh tanpa sebab. Ada yang mati ditembak. Ada yang mati disula. Ada yang mati direbus secara hidup-hidup. Ada yang mati dipijak-pijak. Ada yang mati digantung. Ada yang dikuburkan hidup-hidup dan secara beramai-ramai. Ada wanita dan gadis Melayu yang dirogol dan diperkosa beramai-ramai. Beberapa buah surau dan masjid di kawasan Mukim Simpang Kiri dan Lubok dalam daerah kawasan Parit Sulong, telah dijadikan tempat menyembelih babi dan pesta arak. Di surau-sarau dan masjid-masjid itulah juga wanita serta gadis Melayu dirogol dan diperkosa.

Tuan Yang di-Pertua, kisah ini adalah kisah sejarah. Kebenarannya tersimpan di dalam beberapa buku tulisan orang asing dan juga ahli sejarah Malaysia. Di dalam perpustakaan awam di Batu Pahat, terdapat beberapa tesis sejarah mengenai cerita ini. Sebuah buku berjudul '*Selempang Merah*', karya Zaharah Nawawi juga mengisahkan hal ini berdasarkan fakta yang dikutip dari ramai orang tua di sekitar Mukim Simpang Kiri, Batu Pahat.

Akibat kekejaman seperti di atas, maka orang Melayu dari kawasan Mukim Simpang Kiri pun khususnya bertindak balas. Mereka menubuhkan Angkatan Selempang Merah dengan bersenjatakan pedang, lembing dan parang panjang, mereka pun bangkit menentang Komunis Bintang Tiga. Dengan jeritan 'Allahuakbar', mereka bertawakal kepada Allah S.W.T. dan terus berjuang demi bangsa Melayu dan agama Islam. Maka, terjadilah pertempuran kaum yang dahsyat. Setiap titis darah orang Melayu yang telah pun tumpah dituntut dengan darah orang Tionghua. Setiap nyawa orang Melayu yang terkorban juga diganti dengan nyawa orang Tionghua. Akibatnya, majoriti anggota Komunis Bintang Tiga dan keluarga mereka masing-masing di Mukim Lubok, Mukim Bagan, Mukim Peserai dan Mukim Simpang Kiri telah dihapuskan.

Selepas itu, Angkatan Selempang Merah bergerak untuk menghapuskan Komunis Bintang Tiga dan kaum Tionghua di bandar Penggaram, Batu Pahat. Mujurlah Pegawai Daerah Batu Pahat pada ketika itu iaitu Allahyarm Datuk Onn bin Jaafar cepat bertindak. Beliau memujuk pasukan Selempang Merah, pimpinan Kiyai Salleh dan ketua Komunis Bintang Tiga supaya berdamai. Kedua-dua pihak itu pun dipujuk supaya hidup semula dalam keadaan rukun dan damai seperti 'abang-adik' pada setiap masa.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah dahsyatnya kesan perbalahan kaum yang pernah terjadi di Batu Pahat. Saya mengimbas sejarah ini kerana keseluruhan mukim yang saya sebutkan di atas adalah di dalam kawasan Parlimen Parit Sulong. Mangsa perbalahan itu, baik Melayu mahupun Tionghua, kini mempunyai anak, cucu dan cicit yang menjadi pendukung setia Barisan Nasional di kawasan Parlimen Parit Sulong. Sejarah ini juga saya bawa ke Dewan yang mulia ini kerana saya mahu merayu kepada seluruh rakyat Malaysia yang berbilang kaum supaya jangan sekali-kali bermain api perkauman. Padahnya amat parah dan akibatnya amat buruk sekali.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi sejarah yang mesti difahami oleh seluruh lapisan masyarakat Malaysia adalah peristiwa 13 Mei 1969 yang tercetus di Kuala Lumpur. Saya tidak mahu menghuraikan hal ini dengan panjang lebar. Segala-galanya telah pun didokumentasikan di dalam lipatan sejarah tanah air.

Saya sekadar mahu menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa saya melihat sendiri peristiwa berdarah tersebut. Saya melihat sendiri betapa orang Melayu di Kuala Lumpur ketika itu dihalau supaya balik ke kampung untuk tanam kacang. Saya melihat sendiri betapa angkuhnya sesetengah kaum ketika itu sehingga orang Melayu diperlucahkan dan diibaratkan seperti sampah, penyapu dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, marilah sama-sama kita bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana majoriti pemimpin Malaysia - Melayu, bumiputera dan bukan bumiputera telah pun bertindak secara bijaksana untuk membendung sejarah sedemikian dari berulang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya bagi Parit Sulong. Kita sama-sama anak Batu Pahat, cuma sana Simpang Kiri, saya Simpang Kanan, tetapi dia punya pahlawan lebih kurang sama. Itulah dia pemimpin-pemimpin Barisan Nasional telah mengajak seluruh rakyat berbilang kaum untuk mewujudkan perpaduan. Alhamdulillah, seperti mana Yang Berhormat Parit Sulong mengatakan hasil usaha gigih dan tulus ikhlas pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang secara tidak langsung mengetuai kaum-kaum yang terbesar di negara ini telah berjaya mewujudkan perpaduan, dan dengan perpaduan dan harmoninya kaum kita jadikan itu tangkal azimat untuk membangun dan memajukan negara. Alhamdulillah, hasilnya kita sama-sama kita kecapai.

Tetapi perkara yang mendukacitakan sekarang bukan soal Melayu dengan bukan Melayu. Soal sekarang ialah Melayu dengan Melayu. Melayu maki Melayu, Melayu tohmah Melayu, Melayu fitnah Melayu, Melayu cucuk Melayu di Dewan yang mulia ini sendiri. Sebentar tadi kita lihat bagaimana pemimpin Melayu mengkritik kerajaan yang diketuai Melayu secara membabi buta dan secara fitnah sesetengahnya. Walaupun kita tak dapat hendak jawab kerana kita tahu sesetengahnya adalah pembohongan dan putar belit untuk menegakkan kononnya kebenaran bagi pihaknya. Jadi, ini sebenarnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, apa pertanyaan?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Pertanyaan saya, bagaimana Yang Berhormat bagi Parit Sulong hendak kita atasi masalah yang boleh menjahanamkan

bangsa dan menjahanamkan negara hasil perbuatan Melayu mengutuk Melayu sendiri. Terima kasih.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih Sri Gading, panglima Simpang Kanan. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya akan sampai ke peringkat itu. Buat waktu ini saya melihat bahawa bahaya Melayu melawan Melayu. Pada tahun 1988-1999 saya menulis sebuah buku tajuknya *'Melayu Lawan Melayu: Di mana Kesudahannya*. Buku itu saya lahirkan setelah saya melihat perbalahan Melayu yang amat sangat pada ketika itu dan perbalahan itu kemungkinan akan diambil peluang oleh pihak yang oportunistik untuk menghakiskan kuasa Melayu. Jadi, saya akan sampai ke peringkat itu dan saya akan jawab, terima kasih.

Saya ulangi tadi. Pemimpin Malaysia – Melayu, bumiputera dan bukan bumiputera telah pun bertindak secara bijaksana untuk membendung sejarah sedemikian dari berulang. Para pemimpin Melayu dan bumiputera sentiasa menerima hakikat bahawa negara Malaysia yang merdeka ini mestilah dikongsikan destininya bersama kaum bukan Melayu. Majoriti pemimpin bukan Melayu pula sentiasa memahami sejarah bahawa kehadiran mereka di bumi Melayu ini adalah hasil daripada satu kontrak sosial yang mempersetujui supaya bukan Melayu juga diterima sebagai sebahagian dari warganegara Malaysia.

Oleh itu, marilah sama-sama kita selusuri semula liku-liku sejarah kemerdekaan negara. Sama-samalah kita kaji segala fakta-fakta sejarah seperti yang terkandung di dalam Perjanjian Persekutuan 1948, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, Perjanjian Malaysia 1963 dan juga Perlembagaan Malaysia 1963. Keseluruhan dokumen inilah yang menjadi asas-asas kepada kewujudan Malaysia moden.

Saya juga berharap semoga seluruh aspek sejarah merah seperti di atas yang saya sebutkan tadi dan fakta-fakta sejarah yang melahirkan Malaysia yang berbilang kaum ini dijadikan mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah, di IPTA serta di IPTS di negara ini. Mudah-mudahan ini akan menjadikan seluruh rakyat Malaysia sebagai golongan yang celik sejarah, tidak akan melupakan sejarah, tidak akan segan-silu untuk sentiasa bercerminkan sejarah dan akan sentiasa bertindak menjauhi isu-isu sensitif atas hakikat sejarah.

Pada waktu yang sama seluruh kepimpinan politik Malaysia dari semua kaum, dari semua parti mestilah sentiasa bertanggungjawab untuk menghuraikan fakta-fakta sejarah kepada ahli mereka di semua peringkat pada setiap masa. Mereka mesti berani berdiri di atas hakikat sejarah yang benar dan mesti sentiasa berani mempertahankan sejarah tersebut. Janganlah berlaku lagi adegan-adegan 'melambung belon', cuba-cuba 'menjolak sarang tebuan' ataupun perbuatan 'membaling batu, sembunyi tangan' dalam konteks hak istimewa orang Melayu dan bumiputera di negara ini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Keluar]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu juga, saya mengajak seluruh orang Melayu dan bumiputera, baik orang Melayu PAS, orang Melayu KeADILan, orang Melayu UMNO supaya sentiasa bersatu padu. Kita kenanglah kembali kata-kata hikmat Allahyarham Datuk Onn Jaafar bahawa *“matlamat utama orang Melayu berparti siasah dan menubuhkan UMNO dalam tahun 1946 adalah untuk menyelamatkan bangsa Melayu dan agama Islam.”*. Saya ulang *“adalah untuk menyelamatkan bangsa Melayu dan agama Islam.”* Menurut Datuk Onn *“orang Melayu akan hanya selamat apabila mereka kuat. Mereka pula akan jadi kuat apabila bersatu padu.”*

Kata-kata hikmat ini masih lagi relevan hingga ke hari ini. Ia sepatutnya menginsafkan seluruh orang Melayu hari ini baik pendukung UMNO, saya ulangi, baik pendukung PAS, baik pendukung KeADILan bahawa perpaduanlah kunci utama kepada kekuatan dan kekuatanlah yang menjadi kunci utama kepada kemajuan bangsa Melayu.

Jika inilah resepi kekuatan bangsa Melayu, saya yakin tidak akan terdapat orang Melayu yang menjadi ahli di Dewan yang mulia ini bertindak di luar batas kesusilaan Melayu. Sebaliknya mereka mesti sentiasa bertindak dengan penuh sopan, dengan penuh budi bahasa. Tindak-tanduk kasar seperti yang terjadi sewaktu pembentangan Belanjawan 2001 pada petang Jumaat lalu tidak wajar diulangi. Dewan yang mulia ini bukannya arena sarkas, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Ahli Parlimen pula bukannya badot ataupun *clown*, dengan izin. Lantaran itu budaya samseng dan *hooligan* tidak seharusnya mewarnai suasana di Dewan yang mulia ini. *[Tepuk]*

Saya yakin Ketua Pembangkang memahami maksud kenyataan saya ini. Orang Melayu kaya dengan adat dan susila. Orang Melayu kaya dengan sopan dan santun, orang Melayu kaya dengan budi dan bahasa. Sepatah kata orang tua-tua 'Melayu bersendikan adat, Islam bersendikan syarak'. Marilah sama-sama kita insaf bahawa orang Melayu bersiasah bukan untuk percakaran. Orang Melayu bersiasah bukan untuk benci-membenci. Orang Melayu bersiasah bukan untuk fitnah-memfitnah, untuk berbalah-balahan dan berpecah-belah di antara sesama Melayu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Orang Melayu berpolitik untuk menyelamatkan bangsa Melayu dan agama Islam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Saya tertarik dengan gagasan yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Saya hendak tahu selepas pilihan raya tahun 1999 bila Kerajaan Negeri Terengganu beralih tangan kepada Kerajaan Barisan Alternatif, di Terengganu 96% ialah orang Melayu, yang paling tinggi dalam Malaysia. Kelantan hanya 95%.

Saya berharap bahawa dengan itu jambatan Melayu akan tercantum. Tetapi bila royalti minyak telah dihapuskan, ia telah mengguris hati seluruh orang Melayu. Bila PBS menang di Sabah yang dikatakan PBS parti Kristian, parti perpecahan, royalti tidak dipotong. Tetapi bila kerajaan Melayu menang di Terengganu, orang Melayu yang mengajak Melayu untuk bersatu, Melayu ini yang lanyak Melayu. Pada satu masa Melayu ini dilanyak hari-hari dalam surat khabar. *Utusan Malaysia* hari-hari, macam mana kita hendak bersatu. Tolong tunjukkan jalannya.

Kerajaan Terengganu kerajaan Melayu, yang buat potongan royalti itu pun Melayu, yang bercakap hendak bersatu pun Melayu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Boleh sambung sedikit lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah itu.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *Second round* ada lagi, nanti cakaplah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan yang memerintah Terengganu memang kerajaan Melayu. Negeri Terengganu memang negeri Melayu. Tetapi kerajaan Melayu itulah yang menghapuskan kuasa Melayu yang unggul menerusi Kerajaan Barisan Nasional dengan fitnah dan juga pembohongan. Tetapi kalau hendak berbahas, berbahaslah dengan baik. Jangan macam Kuala Terengganu bangun dengan keadaan – yalah, saya malas hendak komen hal ini.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Kuala Kedah baik.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Biar saya habiskan paragraph ini dahulu baru bangun.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Pasal Melayu ini.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Ya, memang betul pasal Melayu.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Baik.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)

*mempengerusikan Mesyuarat]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, apabila saya mengatakan tadi orang Melayu berpolitik untuk menyelamatkan bangsa Melayu dan agama Islam maka demi keselamatan dan kesejahteraan bangsa Melayu dan agama Islam, dalam kerangka negara Malaysia yang berbilang keturunan, marilah kita bertindak dan berdebat di Dewan yang mulia ini secara positif dan membina.

Sama-samalah kita berpadu tenaga, kalau boleh padukan minda sekali untuk meningkatkan kewibawaan bangsa Melayu dan meningkatkan darjat agama Islam. Sama-samalah kita sedar dan insaf bahawa tahap pencapaian orang Melayu dan bumiputera dalam kemajuan sosioekonomi negara ini masih rendah. Walaupun terdapat beberapa peningkatan tetapi peningkatan itu masih lagi rendah jika dibandingkan dengan peningkatan bukan bumiputera.

Contohnya, biar pun kita telah 43 tahun merdeka.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri, Yang Berhormat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Nanti dahulu, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia minta tunggu dahulu, Yang Berhormat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Contohnya, biar pun kita telah 43 tahun merdeka, kuota 30% pegangan saham dalam sektor korporat seperti yang dicita-citakan menerusi Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional pun masih belum tercapai sepenuhnya.

Biar pun kadar pertumbuhan ekonomi negara kini melonjak di luar ramalan, saya tetap berpendapat bahawa usaha mencapai sepenuhnya kuota 30% pemilikan saham orang Melayu dan bumiputera dalam sektor korporat akan mengambil masa yang lebih panjang akibat krisis ekonomi baru-baru ini. Contohnya, pegangan saham Melayu dan bumiputera dalam sektor korporat telah pun menurun dari 20.6% dalam tahun 1995 kepada 19.4% pada 1998. Biarpun pegangan saham bukan bumiputera turut menurun tetapi pegangan saham oleh pihak asing pula semakin bertambah.

Tuan Yang di-Pertua ...

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamad bin Sabu:** *[Bangun]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Okaylah. Nanti dulu, saya bagi Kuala Kedah.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Terima kasih, baiknya. *[Ketawa]* Yang Berhormat Parit Sulong, kita – dua-dua pihaklah, kalau kita bercakap hal Melayu ini, ia terjamin dalam Perlembagaan dan siapa mengusiknya kita akan melenting. Tetapi di sudut perlaksanaan, misalnya Kelantan, Terengganu, diperintah oleh orang Melayu. Negeri itulah yang paling teruk sekarang ini ditindas oleh Kerajaan Pusat termasuk pemberian baja padi, sehingga kerajaan Melayu Kelantan terpaksa keluar belanja sendiri untuk mengeluarkan baja padi. Subsidi padi dipermainkan di jajahan Pasir Mas, 98% penanam padi di situ orang Melayu. Jadi, kalau kita bercakap soal ini, kita nampak dan negeri dua inilah yang ditindas sekarang maka orang Melayu akan tertinggal terus. Setuju pandangan saya atau tidak?

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju. Pada hari Rabu yang lalu, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri menjelaskan satu-persatu dari satu jajahan ke satu jajahan di Kelantan, berapa ratus juta peruntukan

yang diberi pada setiap tahun. Pada ketika itu saya dan sahabat saya bagi Lipis berasa amat cemburu. Begitu juga rakan saya bagi Batang Lupar dan juga Sungai Benut, Shah Alam. Saya kata, “*Tengok tu negeri pembangkang tetapi atas hakikat Melayu maka diberi jumlah yang besar.*” Adakah ini satu penindasan? [Tepuk]

Yang keduanya, sahabat saya dari Kuala Kedah, saya tidak membuat sebarang *conclusion* di sini. Saya mahu menimbulkan kesedaran di kalangan kita sebagai pembikin dasar dalam Dewan. Sebagai Ahli Parlimen, saya kata, bertindaklah dengan penuh sopan santun. Salahkah saya cakap macam tu? Bertindaklah dengan adab. Jangan kurang ajar.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [Bangun]

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tengah bercakap.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Belum lagi. Belum habis.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Belum lagi.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Jadi, saya tidak membuat satu *conclusion*. *Conclusion* saya marilah kita satukan minda, jernihkan keadaan. Kalau tertib begini barulah PAS jadi satu parti pembangkang yang betul-betul berjiwa Melayu. Kalau tidak, cuma main perkataan Melayu dan Islam untuk menggoncangkan negara. Tidak ada gunanya.

Tuan Yang di-Pertua .....

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Sikit Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Tebrau.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Yang Berhormat setuju atau tidak tadi Yang Berhormat bagi Kuala Kedah mengatakan orang Melayu di Kelantan, Terengganu – dia sebenarnya selepas kerajaan PAS memerintah negeri Terengganu yang banyak kena tindas ini ialah orang seperti imam, ketua kampung, penghulu – ini saya ingat kalau ikut parti dia, parti PAS, parti Islam patutnya dia tidak buat tetapi dia buat. Yang Berhormat bersetuju tidak dia lebih teruk?

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya setuju dengan kata Ketua Pembangkang, iaitu sama buat sama bikin, sama bikin sama cakap. Tetapi dia cakap tadi, mula saja perintah Terengganu, kelas-kelas tadika KEMAS dan balai raya semua ditutup. Bila kita sudah bising, baru buka balik. Inilah, orang kata dalam pepatah, paku dulang ..... [Disampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Paku dulang paku serpih.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** ....paku serpih, mengata orang-orang dia, dia yang lebih. Jadi, kita tidak mahulah ..... [Disampuk]

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [Bangun]

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Nanti dulu, sabar ya. Nanti dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti dulu Yang Berhormat. Dia berdiri tu tujuannya minta penjelasan.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya katakan tadi, sekarang ini pemegangan kuasa modal asing dalam negara ini bertambah akibat krisis. Hakikatnya demikian kerana akibat krisis ekonomi baru-baru ini, pihak kerajaan telah pun melonggarkan beberapa syarat pemilikan ekuiti asing dalam sektor pembuatan dan di dalam beberapa syarikat terpilih di dalam syarikat-syarikat tertentu. Contohnya, dalam sektor di mana modal dalam negeri tidak berupa mengendalikannya, modal asing dibenarkan memiliki sehingga 100% bagi semua projek pembuatan yang diluluskan dan dilaksanakan di antara Julai 1998 sehingga Disember 2000. Saya tidak mempunyai fakta ataupun maklumat tepat mengenai hal ini. Saya harap pihak kerajaan akan menjelaskan secara terperinci di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, akibat krisis yang sama, kerajaan juga dipercayai telah membenarkan beberapa kapitalis transnasional untuk menguasai sesetengah industri strategik seperti sektor tenaga, telekomunikasi, bekalan air dan insurans yang dulunya pernah dilindungi oleh beberapa peraturan dan undang-undang tertentu. Sebab itulah maka sejak awal 1998, dikatakan sebanyak RM7 bilion aset syarikat Malaysia kini dimiliki oleh pihak kapitalis asing. Menurut majalah *Far Eastern Economic Review* terbitan 13 Mei 1999, 4 syarikat British kini mempunyai penguasaan modal yang tinggi di 4 syarikat Malaysia, Syarikat British Telecom kini mempunyai aset RM1.8

bilion atau 33.3% di dalam aset Binariang; Syarikat Blue Circle kini menguasai Associated Pan-Malaysian Cement dengan modal RM1.2 bilion setelah membeli 50% aset APMC Works; Blue Circle juga menguasai Hicom Holdings & Bolton dengan modal RM701.4 juta menerusi pembelian 65% aset Kedah Cement; National Power menguasai Malayan Resources dengan modal USD570 juta menerusi pembelian 20% aset Malakoff; dan Prudential menguasai Berjaya Capital dengan modal RM220.5 juta menerusi pembelian 21% aset Berjaya-Prudential.

Pada waktu yang sama, sebuah syarikat Perancis bernama Vivendi, kini menguasai Berjaya Group dengan modal RM91 juta menerusi pembelian 30% aset Intan Utilities. Sebuah syarikat Taiwan, China Development Corporation, kini menguasai Malaysian Pacific Industries dengan modal RM152.5 juta menerusi pembelian 6.8% aset Malaysian Pacific Industries. Pioneer International dari Australia pula menguasai Sungai Way Holdings menerusi pembelian 50% aset Perniagaan Kuari & Premix.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kubang Krian berdiri, Yang Berhormat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Nanti dulu, Tuan Yang di-Pertua. Memang kerajaan telah memberikan kelonggaran sedemikian dengan niat menghidupkan semula ekonomi negara. Niat tersebut amat murni sekali. Saya yakin bahawa rakyat jelata akan menyokong tindakan sedemikian demi *survival* bangsa dan negara. Tetapi, izinkanlah saya menyatakan dengan setegas-tegasnya di Dewan yang mulia ini, bahawa tindakan itu adalah melanggar peruntukan kuota pegangan ekuiti asing sebanyak 30% sebagaimana yang termaktub di dalam Dasar Ekonomi Baru.

Namun begitu, saya tetap tidak akan mempersoalkan kebijaksanaan kerajaan di sebalik kelonggaran di atas. Saya sekadar berharap semoga pihak kerajaan akan menjelaskan di Dewan yang mulia ini, sama ada kelonggaran tersebut hanya bersifat sementara atau akan teurs menjadi satu '*incident of history*', dengan izin, yang tidak boleh diubah dihari muka. Saya juga berharap semoga kerajaan menjelaskan di Dewan yang mulia ini, tidaklah kelonggaran yang berniat baik itu akan menjadi satu '*precedent*', dengan izin, yang sukar dipertahankan di era globalisasi kewangan,

perdagangan dan ekonomi yang kelihatannya memang amat memusuhi segala bentuk dasar-dasar affirmative di Malaysia. Pada waktu yang sama, izinkanlah saya mendapatkan kepastian dari pihak kerajaan. Tidakkah kelonggaran yang telah diputuskan itu juga akan menyukarkan proses memajukan bumiputra dalam industri ICT dan multimedia di negara ini kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan soalan di atas kerana Malaysia kini sedang melangkah ke era industri ICT dan K-ekonomi yang pesat iaitu ekonomi berasas ilmu bukan ekonomi kronisme. Belanjawan 2001 ini pun mencerminkan kegigihan kerajaan ke arah tersebut dan bukannya Belanjawan membalas dendam. Penghijrahan ke corak ekonomi dan industri baru ini memerlukan satu anjakan paradigma dan perubahan *mindset*, dengan izin, yang segera dan berkesan. Apatah lagi apabila perkembangan ini turut memunculkan konsep baru seperti globalisasi. Konsep ini bukan sahaja tertumpu kepada soal-soal ekonomi dan perdagangan, ia juga mempunyai beberapa agenda sosial, budaya dan politik yang sekiranya tidak ditangani secara berkesan, akan memungkinkan sesebuah negara itu dijajah atau dijajah semula oleh kuasa-kuasa besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat setuju dengan kenyataan Menteri Kewangan semoga semua pihak di Malaysia sentiasa berhati-hati dan berwaspada terhadap globalisasi. Sebabnya, globalisasi yang kelihatannya memang merupakan satu proses sejagat yang kononnya bermatlamat melahirkan keseragaman dan kesamarataan di dunia, sebenarnya mempunyai beberapa motif yang negatif. Saya berpendapat demikian kerana globalisasi bukan sahaja berdimensikan ekonomi dan perdagangan. Globalisasi juga mempunyai dimensi sosial, politik dan budaya. Hakikat ini dinyatakan oleh Ankie Hoogvelt, di dalam bukunya '*Globalization and The Postcolonial World: The New Political Economy Of Development*'. Seorang ilmuan tempatan bernama Abdul Rahman Embong, di dalam buku '*Malaysia Menangani Globalisasi*' pula menulis bahawa, saya quote dengan izin, "*Walaupun globalisasi ialah satu proses sejagat, namun wacananya berat sebelah dan tidak bersifat global.*" Ilmuan tersebut terus mengingatkan semua pihak di Malaysia supaya meneliti wacana globalisasi secara kritis supaya proses itu berjaya ditangani menerusi dasar dan strategi yang serasi dengan aspirasi nasional.

Seorang penulis Barat, Thomas Friedman, di dalam bukunya, *'The Lexus And The Olive Tree'* pula mengakui bahawa globalisasi adalah hasil ledakan ICT. Ledakan tersebut kini memunculkan beberapa syarikat gergasi yang digelarinya sebagai, dengan izin, *The Electronic Herd*. Katanya, "*The Electronic Herd turns the world into a parliamentary system, in which every government lives under the fear of a no-confidence vote from them.*" Maksudnya, Gergasi Elektronik tersebut kini menjadikan seluruh dunia sebagai satu sistem Parlimen sehingga menjadikan setiap kerajaan berada di dalam kebimbangan dari kemungkinan gergasi tersebut melakukan undi tidak percaya ke atas mereka.

Menurut Friedman, ekonomi Malaysia telah digayang oleh sebahagian daripada gergasi tersebut kerana Perdana Menteri telah menuduh George Soros yang kebetulan seorang Yahudi, sebagai individu yang bertanggungjawab ke atas krisis kewangan yang melanda negara mulai tahun 1997. Pada waktu yang sama, Friedman juga mengatakan bahawa gergasi elektronik itu juga telah menghukum Perdana Menteri Malaysia kononnya kerana keborosan beliau, termasuklah kerana pembinaan menara berkembar yang tertinggi di dunia. Di Indonesia, menurut Friedman, gergasi terbabit dikatakan telah membantu gerakan menggulingkan Presiden Suharto menerusi manipulasi mata wang dan manipulasi pasaran.

Kenichi Ohmae, di dalam bukunya *The Invisible Continent*, dengan izin yang menghuraikan ke bangkitan industri ICT dan ekonomi siber pula menulis bahawa untuk menjadikan proses globalisasi berjalan lancar, ahli-ahli politik di Amerika Syarikat telah pun melaksanakan beberapa percaturan politik. Mereka telah berusaha memporak-perandakan, dengan izin, *to corner*, pasaran global dengan niat mengaut keuntungan dan kekayaan.

Kini mereka berusaha untuk menjajah dan memonopoli segala bentuk aktiviti ekonomi siber menerusi tindakan dominan mereka terhadap soal-soal protokol Internet, cukai jualan, caj kepada akses telefon dan Internet di sesuatu negara dan juga urus tadbir, dengan izin, *governance* telekomunikasi. Contohnya pada Januari 2000, Perwakilan Perdagangan Amerika Syarikat atau dengan izin, US Trade Representative, telah mendesak supaya Kerajaan Jepun menurunkan tarif kepada

akses Internet dan telekomunikasi tempatannya sebanyak 50%. Pihak Amerika Syarikat dikatakan tidak akan berganjak dengan tuntutan tersebut.

Justeru itu, Ohmae menyatakan bahawa sementara tentera Amerika Syarikat kini kelihatannya sibuk dengan misi keamanan antarabangsa, Jabatan Perdagangan Amerika Syarikat dan juga United States Trade Representative (USTR) pula sedang meningkatkan usaha mewujudkan satu bentuk perang dingin yang baru di dunia ini. Andainya Amerika Syarikat berjaya, maka akan terjadilah satu perang dingin di kalangan beberapa syarikat yang cuba mencari dominan di dalam bidang pasaran mata wang dan dengan izin, *industrial trade*.

Tuan Yang di-Pertua, peperangan ini tidak akan menggunakan senjata nuklear, sebaliknya ia menggunakan senjata seperti *derivatives*, dengan izin, pelaburan berisiko tinggi, spekulasi mata wang, blok perdagangan, tindakan undang-undang mengenai hak cipta atau, *copyrights* dan cap dagangan atau *trademark*, bentuk cukai dan tarif yang canggih, sistem penentuan harga dan tarif atau *price determination*, manipulasi ke atas faedah pinjaman dan sebagainya. Peperangan sedemikian bukan sahaja membabitkan syarikat-syarikat gergasi, malahan negara-negara tertentu dan sesetengah pihak berkuasa wilayah Pihak yang menang akan menikmati kemakmuran sepenuhnya, sementara yang tewas pula akan merosot ke tahap tanah jajahan atau *colony*, dengan izin, yang amat mundur.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, memang wajarlah untuk kita sentiasa berwaspada mengenai globalisasi. Memang Charles 'Laderbeater' di dalam bukunya *Living On Thin Air: The New Economy*, menyatakan bahawa, *globalization is good*, dengan izin. Katanya corak perdagangan barangan dan perkhidmatan yang global akan memungkinkan sesuatu umat manusia untuk belajar dan sekali gus menjana kemajuan ekonomi negaranya. Jika sesuatu negara menyekat proses globalisasi, katanya, ini bermakna negara berkenaan menyekat suatu *force*, dengan izin, terpenting di dalam masyarakat moden, iaitu penyebaran ilmu dan idea untuk menjana kemajuan manusia. Tetapi penulis tersebut juga mengakui bahawa, saya *quote*, dengan izin, "*While a global super class grows fat on markets in which the winners take the lion's share of the rewards, many others find their life chances closed down.*"

*Inequality has become an acute, chronic and endemic feature of the modern societies”*

Sewaktu membahaskan Belanjawan 2000, saya telah cuba meyakinkan semua pihak bahawa di sebalik globalisasi dan liberalisasi perdagangan dan ekonomi, memang tersembunyi agenda imperialis dan neo-imperialis. Baru-baru ini saya terbaca dalam sebuah buku bahawa globalisasi hanyalah merupakan satu proses pembaratan atau dengan izin, *westernisation* dalam bentuk baru yang dikenali sebagai, dengan izin, *Americanisation*. Beberapa penulis berpendapat bahawa proses globalisasi seperti ini mempunyai kesan untuk mengekalkan penguasaan Barat ke atas negara bukan Barat. Dalam perkataan yang lebih mudah, globalisasi adalah satu agenda politik Barat, khususnya Amerika Syarikat.

Sebab itu, memang wajarlah Perdana Menteri Malaysia sentiasa membicarakan soal globalisasi secara kritis. Biar pun beliau menerima hakikat bahawa globalisasi perdagangan dan ekonomi tidak boleh dielakkan, beliau sentiasa berhujah bahawa ciri-ciri negatif globalisasi itu mesti didedahkan dan dihapuskan. Namun begitu, terdapat pula sesetengah kalangan yang mengatakan bahawa Perdana Menteri sering mengaitkan soal globalisasi dengan imperialisme atau neo imperialisme kerana beliau mahu rakyat jelata Malaysia supaya terus menyokong Kerajaan Barisan Nasional.

Dakwaan sedemikian adalah salah. Beberapa pandangan cerdik pandai termasuklah ilmuan Malaysia seperti yang saya sebutkan tadi sepatutnya menginsafkan kita semua bahawa globalisasi bukannya satu proses dengan izin, yang *straight forward*, sebaliknya, globalisasi mempunyai niat udang di sebalik batu. Globalisasi menuntut supaya segala bentuk regulasi dan undang-undang yang menyekat kemajuan syarikat-syarikat Barat di mana negara sekali pun supaya diruntuhkan. Tuntutan seperti ini pastinya akan mencabar kedaulatan dan kemerdekaan sesebuah negara dan bangsanya. Proses globalisasi menuntut supaya sesebuah negara hanya dibenarkan berdagang secara bebas andainya negara berkenaan sanggup mengamalkan piawai hak asasi manusia dan piawai demokrasi liberal ala Amerika Syarikat. Syarat-syarat seperti ini juga merupakan satu perkembangan yang mesti disanggah. Globalisasi juga berdasarkan falsafah, dengan

izin, *the survival of the fittest*. Hakikat ini hanya boleh diatasi jika sesuatu negara bangsa itu mempunyai daya saing yang mapan dan produktiviti bertaraf dunia.

Sebab itulah saya berpendapat bahawa proses globalisasi adalah sama seperti proses penjajahan di awal kurun ke-16 berikutan penguasaan Barat ke atas teknologi perkapalan dan ilmu pelayaran. Jika penjajahan di zaman tersebut berasaskan kepada dakwah Kristian, politik dan perdagangan, mungkin penjajahan yang bertopengkan globalisasi pada hari ini juga berasaskan agama, politik, budaya dan perdagangan.

Kini globalisasi diperjuangkan oleh kuasa Barat kerana di dalam dunia yang kini unipolar, mungkin mereka berpendapat bahawa inilah waktunya yang amat sesuai untuk mereka merobah struktur politik, sosial, ekonomi dan budaya dunia mengikut acuan Barat dan mengikut ideologi liberalisme Barat. Inilah yang merupakan kebimbangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, kemerdekaan negara dari penjajahan British pada tahun 1957 telah pun merobah ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jeli berdiri Yang Berhormat, ya.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Saya cukup tertarik dengan mesej-mesej globalisasi dan dalam banyak hal saya sependapat dengan Parit Sulong, cuma saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat bagi Parit Sulong kerana kita perhatikan hari ini beberapa negara yang agak kemudian daripada kita memulakan agenda e-elektronik ini, umpamanya Korea Selatan kemudian daripada kita, Singapura pun semasa kita mengisytiharkan *Multimedia Super Corridor*, mereka masih belum mencari tapak lagi. Begitu juga Taiwan dan juga Hong Kong bahkan India itu sendiri pun tidak ada infrastruktur untuk elektronik yang mana tujuannya adalah untuk globalisasi.

Tetapi oleh kerana kenyataan-kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ia sering kali..., kerana sekarang ini seluruh dunia sudah menerima hakikat hingga Jepun sendiri pun sudah *surrender* bahawa pendahulu ataupun pemacu sudah jauh meninggalkan negara-negara lain dari sudut globalisasi dan juga dari sudut perniagaan 'E' ini adalah Amerika Syarikat. Cuma masalahnya, saya bimbang dalam

keadaan kita belum ada sumber manusia, belum ada sumber manusia seperti mana yang didakwa oleh Bill Gates, oleh Stan Shih dan beberapa termasuk 'sun' *micro system*, bila mana Perdana Menteri kita sering kali dalam akhbar-akhbar mereka melihat sebagai mengkritik yang agak keterlaluan bagi mereka, apakah kita tidak bimbang, saya hendak tanya ini, apakah kita tidak bimbang kita akan ditinggalkan oleh, umpamanya Singapura sudah jauh meninggalkan kita, Taiwan sudah jauh meninggalkan kita, Hong Kong sudah jauh meninggalkan kita, Korea Selatan sudah jauh meninggalkan kita.

Saya takut selepas ini ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Panjang sangat Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Saya takut selepas ini lagi jauh, lagi jauh, maka menyebabkan Singapura bukan lagi adik Malaysia tetapi sekarang Lee Kuan Yew sudah mendakwa Singapura adalah abang Malaysia. Ada atau tidak kebimbangan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, pertamanya kalau dia sependapat dengan saya, dia harus berada dalam Barisan Nasional.

Yang keduanya, jangan kita bangkitkan soal globalisasi tadi, saya kata globalisasi dengan ICT. Ledakan ICT membangkitkan globalisasi. Tetapi tidak bermakna industri ICT itu bersamaan dengan globalisasi. Kalau saudara bimbang akibat *Multimedia Super Corridor*, maka kita ketinggalan, maka saudara mungkin agak kurang meluas pembacaan mengenai multimedia dan ICT.

Perniagaan multimedia dan juga perniagaan *information and communication technology* menumpu kepada banyak sektor. Adakah kita mahu pergi ke peringkat perniagaan yang lebih murah dan lebih rendah *value added* nya atau kita hendak pergi kepada benda yang *nichenya*, dengan izin, tinggi dan sebagainya.

Dalam hal ini saya tidak bimbang walaupun Bill Gates keluar pergi Singapura, saya yakin satu hari nanti ia akan balik ke negara ini. Pokoknya, di sini mempunyai kemantapan dan di sini mempunyai *vision* yang lebih jelas. Kalau kita hendak banding Singapura dengan Malaysia, Singapura hanya merupakan sebuah pulau, kita

adalah sebuah negara, kita boleh *create regional hub*, kita punya *regional hub* di Pulau Pinang telah pun diiktiraf dunia. Kita akan mewujudkan *regional hub in the eastern region*, dengan izin dan kemungkinan negeri Johor dan Melaka akan menjadi *southern hub*, kita tidak tahu.

Perniagaan multimedia ini jangan hanya kita lihat dari sudut membekalkan infrastruktur dan juga menjual komputer. Ia banyak lagi.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** [*Bangun*]

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Sekejap ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Adakah kita mahu mewujudkan sebuah negara yang mempunyai satu nilai tambah yang tinggi ataupun kita mahu menceburi perniagaan multimedia hanya pada peringkat yang *mediocre*, itu terserah kepada pilihan kita.

Dan sebagai rakyat Malaysia, saya lebih suka melihat kerajaan menceburi bidang ini di mana kita boleh menimbulkan *niche* yang tinggi dan juga *value added* yang tinggi, dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Sipitang.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Parit Sulong. Apakah Yang Berhormat bagi Parit Sulong bersetuju dengan saya bahawa kita lihat kenyataan Yang Berhormat bagi Jeli tadi itu memang bertentangan dengan kenyataan Ketua Pembangkang sebentar tadi yang mengatakan bahawa multimedia yang kita buat ini tidak ada guna, ketinggalan, tetapi beliau sendiri telah menyatakan bahawa kita memang perlu benda-benda seperti ini.

Apakah Yang Berhormat juga bersetuju dengan saya bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita peka dengan keperluan untuk masa depan ke arah itu, sebab itu Yang Amat Berhormat telah bersedia untuk membina infrastruktur seperti *Multimedia Super Corridor* ini, dengan izin, membina *airport* yang besar dan beberapa infrastruktur yang baik untuk menyambut ketibaan globalisasi ini.

Seperti kenyataan Ketua Pembangkang tadi bahawa yang kita buat ini membazir, tidak berguna, seolah-olah ini menghalang, menghambat untuk menerima atau menyambut persediaan ke arah globalisasi ini.

Lagi satu, Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa soal sumber manusia tidak timbul besar, kita sudah ada Universiti Multimedia, kita sudah ada pelbagai fakulti diwujudkan di negara ini dan kita telah membuka seluas-luasnya peluang kepada pelajar kita untuk mengikut ilmu ICT ini untuk menyambut persediaan ke arah globalisasi dan juga era ICT ini. Terima kasih.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab, lanjutan kepada pertanyaan daripada Jeli, sebagaimana yang saya katakan, perniagaan e-commerce mempunyai banyak sektor. Umpamanya, satu sektor yang belum diterokai adalah e-payment. Macam mana kita hendak mewujudkan satu portal di mana proses pembayaran itu boleh digandingkan dengan proses penempahan dan proses penghantaran, umpamanya. Bagaimana kita hendak mencipta satu e-coin umpamanya, bayaran kecil-kecilan untuk kita menggalakkan e-commerce daripada consumer yang kecil, bukannya buyer. Kita belum lagi mencipta perkara ini.

Jadi, jangan kita *mental block* dan *one track minded*, satu. Yang kedua, ....

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** [*Bangun*]

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Nanti sekejap Yang Berhormat. [*Ketawa*]  
Yang kedua ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat ya.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:**....pertanyaan Sipitang, saya faham bahawa Jeli ini sebenarnya patut dengan kita, oleh kerana Ketua Pembangkang dia hendak bawa kereta api ke sana, dia hendak heretpula ke sini. Ini dia Jeli.

Jadi, itulah [*Disampuk*] - Yang keduanya, soal sumber manusia, saya setuju dengan Sipitang. Kita ada satu premis yang perlu kita perbetulkan. Kita bersikap kritis mengenai perkembangan industri multimedia dan ICT kerana industri mengalami satu proses yang amat laju.

Pada waktu ini, kalau kita harus menunggu satu sumber manusia yang cukup, baru kita hendak menceburi industri ICT, ketinggalan zamanlah kita. Lebih elok pada waktu yang sama, apa yang ada kita guna, yang kurang kita ambil dari luar untuk mengatasi kekurangan yang wujud.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** *[Bangun]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** ...Menteri Kewangan mengatakan “*we will employ the best brain from any part of the world*”, itu sementara menunggu yang sedang dilatih kelaur IPTA/IPTS. Orang Melayu kata ‘Berjagung-jagung dahulu, sementara menunggu padi masak’. Ini banyak dia punya iktibar. Tetapi orang PAS lupa perkara ini..... *[Ketawa]*

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Boleh, boleh beri jalan?

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** .....kalau hendak tunggu sumber manusia yang cukup baru kita hendak mewujudkan industri multimedia, minta maafalah kalau itulah hakikat PAS, tidak payah kita sokong PAS sepanjang hayat dalam negara ini.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada dua orang berdiri Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Boleh beri jalan, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dua orang berdiri Yang Berhormat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Minta sedikit sahaja.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** ...nanti saya beri ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia tidak beri lagi.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk Yang Berhormat, dia tidak beri ya.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** .....saya hendak menjelaskan di sini, walaupun saya tidak pakar.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia belum beri lagi Yang Berhormat ya.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** ....saya ba nyak membaca bahawa mana - mana negeri yang hendak terlibat dalam perniagaan ICT, mereka tidak payah menunggu kewujudan sumber manusia yang cukup. Itu hakikat, tidak tahulah kalau PAS perintah Malaysia. Dia hendak tunggu baru ada, kalau katakan MSC memerlukan 300,000 orang pekerja, dia hendak tunggu kita latih 300,000 orang baru hendak pergi MSC. Sebab itu dia kata MSC ini perlu dilelong dan sebagainya. Ini hakikatnya.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** [*Bangun*]

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Yang ini apa sibuk ini?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Saya hendak penjelasan.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Nanti dahulu, nanti dahulu.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sudah beri dah, sudah beri dah?

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** ...nanti dahulu, nanti dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak beri Yang Berhormat ya.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya hendak beri Shah Alam dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak beri Shah Alam.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Saya ucapkan tahniahlah atas pandangan yang cukup bermas di dalam ucapan Belajawan.

Cuma saya ingin berkongsi dengan Parit Sulong ini, kalau boleh diibaratkanlah bahawa dengan ledakan teknologi maklumat yang berlaku pada hari ini dan iklim dan suasana perada ban perdagangan antarabangsa turut berubah dan ianya akan menuntut kita untuk melakukan anjakan paradigma ataupun *changing of the mindset* dengan izin, sebagaimana yang disarankan, boleh tidak kita ibaratkan bahawa apa yang berlaku pada dewasa ini macam mula-mula di Malaysia bila kita

bercakap bagaimana untuk menggerakkan pembangunan ekonomi, yang paling penting ialah untuk membuat infrastruktur pengangkutan dalam negara.

Pada masa tersebut saya fikir bahawa apabila kerajaan untuk melakukan satu dasar penswastaan untuk membuat Lebuh Raya Utara-Selatan, daripada segi politiknya juga mendapat tentangan yang cukup hebat sehinggakan hampir tiga tahun projek itu tergendala, terpaksa dibawa ke mahkamah. Tetapi hari ini terbukti bahawa dengan Lebuh Raya Utara-Selatan yang hari ini pun Kerajaan Negeri Terengganu menuntut supaya negeri Terengganu dan Kelantan jangan ditinggalkan dalam pembinaan lebuh raya Pantai Timur ini dan ini juga adalah satu kalau boleh dijadikan sebagai *comparative study* dengan ledakan teknologi maklumat ini. Saya minta pandangan Yang Berhormat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, ada empat perkara penting yang diperlukan kalau negara itu mahu maju dan mapan dalam zaman teknologi maklumat, iaitu:-

- (i) sumber manusia yang serasi;
- (ii) infrastruktur teknologi komunikasi yang memuaskan;
- (iii) sistem perhubungan darat, laut dan udara yang cekap. Sebab itulah apa yang disebutkan oleh Shah Alam tadi memang benar. Kadang-kadang pembangkang ini dia berpandangan singkat, .....

**Seorang Ahli:** [*Menyampuk*] Sempit, .....

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** [*Bangun*]

**Seorang Ahli:** Duduklah dahulu, duduk.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Boleh?

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** ....nantilah, nantilah sekejap [*Ketawa*]

....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak beri lagi Yang Berhormat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Nanti sekejap, saya beri kejap. Dahulu apabila buat Lebuh Raya Utara-Selatan, politik tidak habis tetapi pada masa itu saya ingat sebahagian termasuk mungkin Ketua Pembangkang dan juga Yang Berhormat

bagi Pokok Sena, dia kata pung, pang, pung, pang dalam pilihan raya Parit Raja. Ingat Sri Gading? Dia kata, kerajaan belanja gini, gini, membazir. Dia pergi kempen di Parit Raja, dia lalu lebu raya, dia kata kerajaan buat kereta Proton ini membazir. Tetapi mereka pergi kempen naik kereta proton. Cakap tidak serupa bikin Ketua Pembangkang. *[Tepuk] [Ketawa]* Itulah hakikatnya.

Jadi, bermakna keperluan utama sesebuah negara di samping infrastruktur yang ada untuk kita maju di masa akan datang, ialah daya saing yang bertaraf dunia, kewujudan infrastruktur telekomunikasi dan teknologi maklumat, infrastruktur perhubungan dan juga sumber manusia yang serasi dengan zaman.

Jadi, saya syabaslah Shah Alam pun baca banyak, terima kasih. Ha, sekarang hendak tanya, tanyalah. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tanya ini mengenai adakah Yang Berhormat bagi Parit Sulong menerima hakikat bahawa di zaman mercantile revolution, di zaman samudera, di mana kita di Malaysia tidak mempunyai kepakaran akibatnya kita mengimport kelasi-kelasi kapal dan juga buruh-buruh kerana waktu itu rakyat tempatan tidak bersedia dan tidak mempunyai kepakaran.

Dari situ bermulanya sejarah negara menjadi negara kosmopolitan. Dan juga di zaman revolusi industrial negara kita juga tidak mempunyai kepakaran dan buruh untuk mengisi keperluan negara dan kita mengimport pekerja-pekerja daripada China dan India dan pada hari ini Malaysia menjadi sebuah negara multi-racial. Dan di zaman evolusi teknologi maklumat sekarang kita pun menghadapi masalah yang sama, apa akan jadi kepada bumiputera? Sekian.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Pertamanya, saya tidak setuju bahawa Melayu tidak menguasai ilmu pelayaran. Kalau menurut satu sejarah yang saya hendak percaya, pelayar paling ulung yang mengeliling dunia adalah Melayu bernama Panglima Awang.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Saya hendak beritahu sejarah, orang yang paling kuasa waktu itu ialah Tun Perak, bukan orang Melayu.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Kerajaan Melayu Melaka dikenali sebagai kuasa maritim yang terhandal. Tetapi oleh kerana Melayu berpecah-belah, oleh kerana ada elemen macam PAS, Melayu jadi runtuh. *[Tepuk] [Disampuk]* Itu hakikatnya.

Suatu ketika Melayu menguasai maritim di kawasan ini. Mereka pergi ke Indonesia, dan ke China. Hang Tuah pergi ke sana, macam mana putera raja makan kangkung, Hang Tuah tengok cara dia. Itu semua legenda yang saya percaya merupakan Melayu menguasai teknologi maritim. Tetapi mereka lumpuh dan mereka gagal kerana ada perpecahan, ada pengkhianat macam saudara. *[Disampuk]* Itu hakikatnya.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sebenarnya,.....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Bukan saudara dalam erti kata sebenarnya.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** .....bukan, bukan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya nanti. Yang Berhormat, Yang Berhormat dia tidak beri. Beri jalan?

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Sekejap sahaja beri penjelasan.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Nanti dahulu, soalan yang kedua belum jawab lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia hendak jawab dahulu Yang Berhormat ya.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Dan apabila perpecahan Melayu menyebabkan pengkhianatan Melayu membolehkan Portugis Benggali Putih masuk dengan bertih yang besar macam peluru gajah .....

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Jangan sebut 'Benggali' sensitif.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** ...Benggali Putih saya kata. *[Ketawa]* Ha, itu akibat pengkhianatan dan juga konspirasi jahat orang Melayu. Apabila mereka sudah datang, maka ditindas 400 tahun, 500 tahun tidak bergerak.

Jadi, apabila British bangkit macam mana kita hendak menyumbangkan tenaga manusia dalam keadaan yang tertindas. Pokoknya di sini, saudara-saudara dari pembangkang harus ingat yang kita jadi sedemikian bukan kerana kita memilih

sedemikian, tetapi oleh kerana ada orang Melayu memilih, mengkhianati kekuasaan Melayu itu sendiri. [Disampuk] Itu hakikatnya.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Habisdah? Habis dahkah?  
[Ketawa]

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini ada dua orang berdiri Yang Berhormat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya beri Sipitang dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Beri Sipitang ya.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

Saya tertarik dengan kenyataan rakan kita di Kemaman, beliau peka sejarah, beliau mengetahui membaca rentetan sejarah bagaimana Melayu itu telah ditindas, telah hilang kuasa. Tetapi apa yang berlaku hari ini Barisan Alternatif ingin sekali lagi nampaknya mengulangi sejarah. Apakah Yang Berhormat setuju dengan meminta nasihat daripada [Disampuk] luar sebagai advisor. Ini berlaku di zaman raja-raja dahulu yang mana raja-raja kita [Disampuk] mendapat nasihat daripada British masa itu sebagai advisor.

Sekarang ini Barisan Alternatif khususnya kenyataan Ketua Pemuda KeADILan minta advisor, dengan izin, daripada Amerika Syarikat dan dengan itu pula meminta Amerika dan konco-konconya membuat sekatan ekonomi kepada orang Malaysia, kepada Malaysia. [Sorak] Ini tentunya bukan orang atasan yang teruk tetapi orang Melayu yang akan terhina, teraniaya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya cukup.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Apakah Yang Berhormat setuju dengan ulasan ini.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya 101% paling setuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat bagi Sipitang. Sebenarnya saya sampai ke peringkat itu.

**Tuan Abdul Rahman bin Yusof:** *[Bangun]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Nanti. Saya hendak katakan inilah saya kata tadi, Yang Berhormat bagi Kemaman, apabila saudara mempersoalkan soal sejarah, Yang Berhormat kata Melayu dalam zaman *Mercantile* lemah, bukan lemah. Oleh kerana penghayatan Melayu ke atas Melayu.....*[disampuk]*.

**Tuan Abdul Rahman bin Yusof:** Saya kata.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat .....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Nanti dulu....

**Tuan Abdul Rahman bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya cakap.....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Nanti dulu, Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Rahman bin Yusof:** Saya kata pasal ledakan soal revolusi itu terlalu cepat, kita tidak mempunyai kepakaran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yalah Yang Berhormat, nanti dulu.

**Tuan Abdul Rahman bin Yusof:** Nanti kita jadi kosmopolitan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk dulu, Yang Berhormat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak. Kebangkitan maritim Barat datang sini pada tahun 1511 tetapi sebelum itu orang Melayu telah pun belayar, kalau ikut sejarah Melayu Panglima Awang sudah keliling dunia sebelum Magellan, sebelum itu. Itu Yang Berhormat, saya bangga dengan sejarah ini. Jadi halnya .....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:***[Bangun]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Nanti dulu. Saya hendak jelaskan memang benar apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat bagi Sipitang. Sekarang ini puak pembangkang Melayu dalam negara Melayu ini memang cuba menjejaki sejarah kehancuran Melayu pada tahun 1511. Sebab itulah kata Ketua Pemuda KeADILan, dia pergi Amerika gunakan kumpulan pelobi. Dia kata dia tidak bayar kerana banyak sahabat.

**Tuan Abdul Rahman bin Yusof:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti dulu, Yang Berhormat. Ya.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Kumpulan pelobi di Amerika Syarikat sebenarnya ditaja oleh orang yang mempunyai duit kerana *the lobbyists* dengan izin, ia perlu dibayar. Kalau di Amerika Syarikat *the biggest* atau pun *majority of the lobbyist group* dengan izin, adalah puak Yahudi. Kalau saya hendak kaitkan, boleh saya tuduh. Saya tidak mahu menuduh. Tetapi kalau kita kaitkan, perjuangan Keadilan ini mungkin berkait dengan perjuangan Yahudi. [Tepuk]

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Ini satu fitnah yang kalau betul boleh buat tuduhan di luar ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduklah Yang Berhormat, ya.

**Seorang Ahli:** Pengakuan sendiri.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kata dia bersekongkol dengan Yahudi. Saya kata, kalau kita kaitkan kemungkinannya ....[Disampuk]

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Kita cakap pasal sejarah kenapa ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk dulu, Yang Berhormat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak ada, itu hak saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Kemaman, duduklah.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya kata kemungkinannya. Saya tidak cakap mungkin. Saya kata kemungkinannya oleh kerana *the biggest lobbyist* dengan izin, di Amerika adalah yang ditaja oleh duit Yahudi. Kalau kita menggunakan kumpulan lobi adakah kita berkait dengan Yahudi, saya tidak tahu. Saya serah kepada orang KeADILan untuk menjelaskannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat beri kepada Yang Berhormat bagi Larut.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih. Memang menyedihkan sejak akhir-akhir ini, rakyat kita mulut penuh, perut kenyang

hasil perjuangan UMNO tiba-tiba mereka ini mencurah wang ringgit pergi ke luar negara.

**Seorang Ahli:** Bangga pula itu.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tidak kiralah bangga dengan ceramah sana-sini sejak akhir-akhir ini sedangkan mereka perut kenyang, mulut penuh bertenaga hasil perjuangan UMNO. Saya hendak tanya Yang Berhormat sedikitlah, itu termasuklah kereta besar, rumah besar, perut besar dan macam-macamlah [*Ketawa*] agak-agaklah mereka ini yang menghentam kepimpinan kita, hendak menggagalkan usaha kita hendak menarik pelabur datang ke negara ini yang tidak dapat kita nafikan memang orang suka hendak datang ke Malaysia ini, agak-agak bahasa yang paling haluslah Yang Berhormat yang boleh kita gunakan, apa jenis hukuman yang boleh kita beri kepada mereka yang menjadi penentang kepada negara ini, agak-agaknyalah?

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Kita beri dia hukuman politik seelok-eloknya. Hukuman politik bermakna kalau kita sebagai orang Melayu saya hendak ingatkan, sedarlah, insafilah. Kalau sebagai seorang Islam mungkin kita doakan supaya insafilah. Tetapi kalau tidak betul lagi, kita dedahkan apa sebenar perbuatannya sama ada lobbyist yang di Amerika Syarikat berkaitan dengan kelompok-kelompok yang sensitif kepada Islam.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, yang mana Yang Berhormat?

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak, satu lagi saya hendak jawab.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia hendak jawab lagi, Yang Berhormat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat bagi Lumut, Yang Berhormat kata oleh kerana perut sudah kenyang apa semua, inilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Habis jawab Yang Berhormat, duduk dulu.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Nanti dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Kemaman duduk dulu. Sabar, sabar.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, inilah di antara contoh orang Melayu yang telah dibawa ke satu zon selesa (*comfortable zone*) macam Yang Berhormat bagi Kemaman yang telah pun mendapat banyak projek pembangunan negara, macam Yang Berhormat bagi Jeli yang banyak kontrak pasal *surveying*. Oleh kerana mereka terlalu sangat *comfortable*, mereka lupa. Bangsa mereka pun diporak-perandakan, [*Tepuk*] ini hakikatnya.

**Tuan Kerk Kim Hock :** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya begitu hairan mendengar ucapan Yang Berhormat bagi Parit Sulong, begitu tebal dengan sentimen perkauman. Bukankah ini satu era baru di mana kita harus menepiskan sentimen perkauman ini dan bukankah hari ini adalah Mesyuarat Parlimen dan bukan mesyuarat orang Melayu dan bukankah selalunya apabila UMNO tersepit ia pula membangkitkan kaum sentimen orang Melayu, bukankah ini satu perkara yang tidak sihat bagi era yang baru ini?

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, ini contoh satu lagi pembangkang. Saya cakap, saya bawa landasan sejarah dalam Dewan untuk membangkitkan kepada kita semua jangan perkauman. Dia hendak tuduh saya perkauman. Parti Yang Berhormat adalah parti perkauman nombor satu, kalau ikut *Hansard* yang dahulu. Jangan nafi, *Hansard* pernah mengatakan supaya dibuang taraf bumiputera, supaya dihapuskan Bahasa Kebangsaan dan sebagainya. Itu perkauman. Saya bawa satu cerita perbalahan perkauman di Batu Pahat untuk menginsafkan kita semua jangan kita perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, jadi PAS tolong betulkanlah sahabat kita daripada DAP.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad :** [*Bangun*]

**Tuan Mohamad bin Sabu:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, hendak bagi yang mana?

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya bagi Yang Berhormat bagi Jeli dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Jeli dahulu, ya.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Umumnya kita perhatikan sama ada Yang Berhormat bagi Sipitang baik, Yang Berhormat bagi Parit Sulong baik, tidak berapa faham tentang kekusaran dan kerisauan yang kita rakyat Malaysia berada. Sekarang saya katakan, kita tidak hendak berdasarkan kepada laporan akhbar-akhbar perdana Malaysia semata-mata. Kita mesti melihat jauh, sudah cakap globalisasi, marilah kita baca makalah-makalah globalisasi. Jangan duduk jadi “katak bawah tempurung”.

**Seorang Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Dengar, nanti, nanti. Jadi, saya menyatakan bahawa daripada laporan-laporan majalah antarabangsa - ini globalisasi, kita cakap globalisasilah ceritanya. Majalah-majalah globalisasi, majalah-majalah antarabangsa menyatakan bahawa semakin hari, semakin jauh, Malaysia ditinggalkan oleh Singapura, Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong, malah semua negara-negara tersebut, *dotCom* sekarang ini sudah banyak masuk dalam Bursa Saham negara masing-masing tetapi kita punya Time dotCom masih cari “*Nujum Pak Belalang*” sampai sekarang tidak jumpa lagi tarikh itu. Saya bimbang yang itu. Kita ke belakang sekarang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini oleh kerana mereka terlalu terburu-buru, banyak syarikat dot.com yang lingkup. Ini terbukti apabila satu hari NASDAC di Amerika Syarikat lingkup oleh kerana beberapa syarikat dot.com. Adakah ini tidak menjadi satu hakikat. Syarikat ‘tom.dot.com’ di Hong Kong pun sekarang ini sedang sakit. Dia hanya eksploitasi perkataan dot.com untuk mengaut keuntungan jangka pendek.

Yang Berhormat ingat saya tidak membaca? *[Ketawa]* Dia cuba mengkategorikan saya 'katak bawah tempurung' sedangkan katak itu banyak lagi di kalangan dia. *[Ketawa][Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sahabat saya Sipitang orang yang membaca. Ramai yang di sini semua membaca *[Sambil mengarahkan pandangannya ke Blok D]*.

**Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamad bin Sabu:** *[Bangun]*

**Datuk Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Ha, ini saya punya senior!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dua orang berdiri ya. Dia beri jalan yang di sana ya. Dia beri kepada Kangar ya.

**Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong, sama ada Korea Selatan, Singapura dan Hong Kong lebih maju mungkin sebab di sana tidak ada PAS. Terima kasih. *[Ketawa]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Betul! Tuan Yang di-Pertua. Rasanya betul, oleh kerana dia pun ketawa. Tetapi satu hakikat adalah Korea Selatan satu negara yang di *bail out* oleh IMF. Sekarang ini banyak syarikat di Korea Selatan bukan lagi milik syarikat Korea Selatan. Sebaliknya, adalah milik IMF ataupun duit-duit dari luar. Itu hakikatnya. Begitu juga macam di Hong Kong.

Jadi, adakah kita mahu berbangga. Itu bermakna bahawa saudara mahu menafikan bahawa tindakan kita mengatasi krisis mengikut acuan dan kebijaksanaan Malaysia itu tidak betul. Macam IMF lah saudara. Ingat waktu satu mesyuarat IMF di Thailand apabila ada satu tunjuk perasaan terhadap Michel Camdessus. Dia kena apa? Kita tidak mahu tunduk kepada IMF. Korea Selatan, ia menerima IMF, dengan izin, *propping up* oleh *international communities*, dengan izin, oleh kerana mahu membuktikan kepada Malaysia khususnya yang lantang bahawa kalau kau baik dengan aku, aku akan tolong, kalau engkau tidak baik dengan aku, aku akan tinas. Itu hakikatnya. Jadi, apa kita hendak gusar. Saya yang gusar adalah kelompok macam saudara yang mahu melemahkan Melayu pada setiap masa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kuala Kedah Yang Berhormat ya. Ya, Kuala Kedah.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan ucapan saudara yang begitu semangat terutama sekali mengecam orang-orang yang mengecam pemimpin. Ini tak baik perbuatan ini. *[Ketawa]* Mengecam pemimpin negara tidak baik, inilah yang contoh dibuat oleh Dr. Mahathir masa dia terpelanting daripada UMNO, dia hentam Tunku Abdul Rahman sehingga dia menulis, berucap di Australia, dia menulis dalam surat khabar Filipina mengecam pentadbiran Tunku dan menyebarkan risalah mengecam pentadbiran Tunku, tuduh Tunku anak Siam. Inikah contoh pemimpin seperti ini yang perlu kita ikut?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalannya Yang Berhormat?

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Soalannya, saya setuju dengan saudara iaitu jangan kita mengecam pemimpin. *[Ketawa]* Macam Perdana Menteri sekarang, setuju atau tidak yang mengajar kita supaya menghentam pemimpin iaitu menghentam Tunku Abdul Rahman dahulu masa dia di Australia, di Filipina dan lain-lain makalah yang dia tulis, mengecam Tunku masa dia tidak ada kuasa.

Jadi, kepimpinan macam Kubang Pasu jangan kita ikut, setuju atau tidak?  
*[Suara seorang ahli pembangkang bersorak setuju]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saudara janganlah kuat sangat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tidak perlu layan jawapan itu. Saya rasa saya berikan kepada Kinabatangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Tuan Moktar bin Radin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu memandangkan bahawa terdapat pemimpin daripada pembangkang, menggelar diri mereka Barisan Alternatif memburuk-burukkan negara kita supaya pelabur-pelabur asing menggunakan ejen-ejen dari Amerika. Adakah kemungkinan mereka ini ejen IMF ataupun ejen Yahudi di dalam Dewan ini dan saya dapat melihat apabila KeADILan membuat penderhakaan seumpama ini, mungkin didalangi oleh parti pembangkang yang lain seperti PAS, cuma mungkin mereka lempar batu sembunyi tangan. Bagaimana pandangan saudara?

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini, saya tidak mahu berkemungkinan. Tetapi saya cuma bersetuju dengan saudara mengenai Barisan Alternatif. Sebenarnya mana ada Barisan Alternatif? Yang ada hanya pakatan atau gerombolan pembangkang. Mana ada Barisan Alternatif? Cuba bukti kepada kita. Mana perlembagaannya? Kalau ada pun hanya eksploitasi PAS untuk memperkudakan KeADILan hendak lawan kerajaan Melayu, itu sahaja.

Sebab itu Presiden PAS sewaktu mewujudkan apa yang dikatakan Barisan Alternatif apabila ditanya bagaimana dengan matlamat menubuhkan negara Islam, ia tidak jawab. Dia senyap. Sabah dan Sarawak kerana dia hendak baik dengan DAP, hendak baik dengan KeADILan yang *multiracial* dan sebagainya. Ini adalah satu sandiwara. Barisan Alternatif bersandiwara! Tolong buktikan besok kalau ada perlembagaan mengenai Barisan Alternatif, jangan tipu, kami ada! Kami ada Perlembagaan Barisan Nasional. Adakah saudara-saudara di sana mempunyai perlembagaan Barisan Alternatif.

Jadi, mulai hari ini jangan kita iktiraf apa pun mengenai Barisan Alternatif. Pihak akhbar gunakanlah gerombolan pembangkang, ataupun pakatan pembangkang.  
[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, itulah hakikatnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terus, teruskan.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** [Bangun]

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Kalau saudara hendak bertanya, saya beri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kuala Kedah ya.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Dak, yang tadi itu. Kubang Pasu masa tak berkuasa tadi, dia mengecam Tunku Abdul Rahman, kami ....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya tidak mengecam Kubang Pasu. Hakikatnya tidak ada Barisan Alternatif kerana tidak ada perlembagaan Barisan Alternatif.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tak mahu jawab tak apalah, terima kasih. Sebab, terima kasihlah, saya faha m.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukup.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *Astaghfirullahal'azim!*

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan memang tidak ada Barisan Alternatif secara rasmi. Ini Kepong pun ada. Adakah perlembagaan Barisan Alternatif, Kepong? Cuba beritahu! Ada atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak apa, terus, terus. Jangan tanya dia.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia diam itu, jangan tanya ...

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dia diam, dia tak berani dengan Ketua Pembangkang, itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jangan tanya dia.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tetapi sebenarnya, dia berani mengatakan tidak ada perlembagaan Barisan Alternatif, itu hakikat. Belum ada. Dahulu pun kata ada Angkatan Perpaduan Ummah – apa ada? APU - mana ada berkembang.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Kawan-kawan saya kata. Saya tak kata.  
*[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan dengan ucapan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, teruskan. Teruskan.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, kemerdekaan negara dari penjajahan British pada tahun 1957 telah pun merobah corak kewarganegaraan Malaysia moden. Sewaktu penjajahan, majoriti kaum Tionghua hanya merupakan pedagang dan pekerja lombong yang datang dari tanah besar China. Majoriti kaum India pula hanya merupakan pekerja ladang dan kereta api yang

dibawa masuk dari tanah besar India. Ini bermakna bahawa majoriti kaum Tionghua dan kaum India di zaman itu, majoritinya hanya berstatus orang asing. Tetapi, pihak British mensyaratkan bahawa kedua-dua kaum ini mestilah diterima sebagai warganegara jika negara ini mahu merdeka. Maka, negara ini pun dimerdekakan dengan satu corak kewarganegaraan yang pelbagai etnik dan agama.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, ...

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya baru hendak mula, dia dah kacau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kepong berdiri Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat tahu orang seperti saya, nenek moyang saya datang sebelum 1820 lagi. Bilakah nenek moyang saudara datang? *[Ketawa]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya katakan majoritinya. Saya tak kata seluruhnya kerana *exception* macam Kepong. Saya beri dia *exception* di sini. Jadi, saya katakan, saya tak kata seluruh orang Cina, seluruh orang India datang pada zaman penjajah British. Saya kata majoritinya. Faham atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, tak apa, teruskan.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, tak payahlah beri Kepong bangun lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, tak apa.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Sebagaimana yang saya telah katakan, Tuan Yang di-Pertua, di awal ucapan ini, soal kewarganegaraan Malaysia yang sedemikian rupa tidak menjadi isu. Malahan.., Kota Melaka dengar ini, *am I racist* atau tidak? Malahan kepelbagaian rakyat itulah yang kini menjadi sumber kekuatan Malaysia.

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya tidak tanya saudara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Sebagaimana yang saya telah tegaskan di awal ucapan ini, soal kewarganegaraan Malaysia yang berbilang kaum bukan merupakan isu. Malahan kepelbagaian rakyat itulah yang kini menjadi sumber kekuatan negara. Tetapi, bagaimanakah agaknya nasib Malaysia jika globalisasi yang sedang berlaku sekarang tidak ditangani secara berkesan dan bijaksana? Mungkinkah corak ekonomi negara akan berubah dan majoritinya dikuasai oleh orang asing?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Panjang lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Boleh sambung besok?

**Beberapa Ahli:** Boleh!

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Insya-Allah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli - ahli Yang Berhormat, persidangan kita tangguhkan hari besok pukul 10.00 pagi.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.*

Oktober 2000

#### **AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail,  
S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad,  
D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K.,  
S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S.,  
S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- Yang Berhormat Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ *Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)*
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Noh bin Haji Omar, D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- " Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)

- “  
Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)  
Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)  
“  
Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)  
“  
Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)  
“  
Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P.  
(Kangar)  
“  
Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S.,  
B.S.I., A.M.N. (Pulai)  
“  
Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)  
“  
Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T.,  
S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C,  
D.P. (Kota Samarahan)  
“  
Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M.  
(Bukit Gantang)  
“  
Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M.,  
K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)  
“  
Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P.  
(Tambun)  
“  
Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K.  
(Bagan Datoh)  
“  
Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)  
“  
Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)  
“  
Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)  
“  
Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)  
“  
Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)  
“  
Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)  
“  
Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)  
“  
Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)  
“  
Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)  
“  
Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)  
“  
Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)  
“  
Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)  
“  
Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)  
“  
Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)  
“  
Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)

- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- Yang Berhormat Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- ” Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)

- “  
Yang Berhormat Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)  
Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)  
“  
Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)  
“  
Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)  
“  
Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N.,  
P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)  
“  
Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)  
“  
Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)  
“  
Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala  
Selangor)  
“  
Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N.,  
P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)  
“  
Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)  
“  
Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)  
“  
Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak,  
P.G.D.K. (Kota Belud)  
“  
Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)  
“  
Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)  
“  
Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M.,  
(Balik Pulau)  
“  
Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)  
“  
Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)  
“  
Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)  
“  
Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)  
“  
Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)  
“  
Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)  
“  
Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)  
“  
Tuan Nasha rudin bin Mat Isa (Yan)  
“  
Tuan Ng Lip Yong (Batu)  
“  
Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)  
“  
Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N.,  
P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)  
“  
Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)  
“  
Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)

- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- Yang Berhormat Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ *Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)*
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- ” Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- ” Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)

- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- Yang Berhormat Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, S.P.D.K., D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.

**DEWAN RAKYAT**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**

Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Selamat  
Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

**JURUBAHASA SERENTAK**

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Mazidah binti Mohamed  
Paizah binti Sallehudin

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor  
Ramlah binti Mohd. Yusuff  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Noor Effarizan binti Mat Satib  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Mashitah binti Kamaruddin  
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd. Azmi bin Embong  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub  
Haji Latif bin Ismail  
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**PARLIMEN KESEPULUH**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT KETIGA**

## **K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** (Halaman 23)

**RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2001 dan  
Usul Anggaran Pembangunan 2001 (Halaman 23)